

NASKHAH INI BELUM DISEMAK

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 21	Isnin	3 Disember 2007
----------------	--------------	------------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- | | | |
|-----------------------------------|----------|----|
| - Ucapan Takziah | (Halaman | 1) |
| - Mengangkat Sumpah di Luar Dewan | (Halaman | 1) |
| - Memperkenankan Akta-akta | (Halaman | 2) |
| - Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Halaman | 2) |
| - Urusan Mesyuarat | (Halaman | 3) |

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

- | | | |
|--|----------|-----|
| - Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2007 | (Halaman | 31) |
| - Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2007 | (Halaman | 65) |
| - Rang Undang-undang Sumber Manusia Berhad (Pindaan) 2007 | (Halaman | 76) |
| - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 | (Halaman | 83) |

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ TuanDatuk o' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Tuan Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Tuan –Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
22. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
23. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
29. “ Puan G. K Loga Chitra a/p M. Govindsasamy (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (TerengganuTerengganu)
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
46. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
47. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
48. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
49. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
50. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
51. “ Datuk Soon Tian Szu ([MelakaMelaka])
52. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
53. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
54. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
55. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
56. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
57. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
58. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
59. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
60. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
61. “ Dato’ Dr. Vijyaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
62. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
63. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
64. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
65. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
66. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
67. ” Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
68. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
69. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Mund. Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 3 Disember 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

UCAPAN TAKZIAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon agar Ahli-ahli Yang Berhormat sudi bangun untuk menghadaiahkan Al-Fatihah ataupun bertafakur untuk perajurit-perajurit kita yang terkorban di Langkawi. Terima kasih.

[Majlis bertafakur selama satu minit dan Ahli Yang Berhormat beragama Islam membaca Fatihah]

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, sila duduk.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di luar waktu persidangan Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut.

Pada 27 Ogos 2007:

- Yang Berhormat Senator Dato' Wong Siong Hwee;
- Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman;
- Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad; dan
- Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

Pada 9 Oktober 2007:

- Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung;
- Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seng; dan
- Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007;
- (ii) Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007;
- (iii) Akta Perbekalan Tambahan (2006) bagi tahun 2007;
- (iv) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007;
- (v) Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas Pindaan) 2007;
- (vi) Akta Koperasi 2007;
- (vii) Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2007;
- (viii) Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 2007;
- (ix) Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2007;
- (x) Akta Hak Milik Anak Negeri Labuan 2007;
- (xi) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007;
- (xii) Akta Syarikat (Pindaan) 2007;
- (xiii) Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2007;
- (xiv) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;
- (xv) Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2007;
- (xvi) Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007;
- (xvii) Akta Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;
- (xviii) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (xix) Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;
- (xx) Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;
- (xxi) Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2007; dan
- (xxii) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang mengatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“29 November 2007

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan negara mempersetujukannya:

- (i) Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2007;
- (ii) Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2007;
- (iii) Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pindaan) 2007; dan
- (iv) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

▪ 1010

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah terkini untuk membanteras amalan pembaziran wang kerajaan seperti yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan Laporan Ketua Audit Negara 2006, Kementerian Kewangan telah mengambil langkah-langkah untuk membanteras amalan pembaziran wang kerajaan. Antara langkah segera yang telah diambil adalah:

- (i) menjalankan *post audit* bagi kementerian ataupun agensi kerajaan ataupun badan berkanun yang terlibat bagi membincangkan langkah-langkah

penambahbaikan yang telah dan akan diambil oleh kementerian ataupun agensi kerajaan ataupun badan berkanun bagi memastikan teguran tidak berulang dan satu laporan penuh akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri; dan

- (ii) memantau teguran-teguran Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 dan tahun-tahun sebelumnya supaya memastikan ianya tidak berulang.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil tindakan jangka panjang, beberapa langkah dijalankan untuk membanteras amalan pembaziran wang kerajaan.

- (i) memastikan kajian kemungkinan meliputi analisa teknikal, kewangan, ekonomi, sosial dan kesan kepada alam sekitar dilaksanakan oleh agensi sebelum memohon pelaksanaan projek;
- (ii) *integrated planning* antara agensi yang terlibat di peringkat awal pelaksanaan projek...

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah jawapan Yang Berhormat? Bolehkah Yang Berhormat beri peluang bagi pertanyaan tambahan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sedikit sahaja. Ya, ya.

- (iii) penglibatan pandangan pengguna dari awal perancangan penyediaan spesifikasi kontrak sehingga ke peringkat projek ditawarkan kepada kontraktor bagi projek secara *design and build*, kontraktor perlu disyaratkan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi tempoh yang dirasai sesuai;
- (iv) memastikan latihan dan pengetahuan yang khusus dalam bidang perolehan diberi kepada pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab bagi membolehkan tugas dilaksanakan dengan sempurna;
- (v) memastikan kontraktor melaksanakan projek mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan dalam kontrak;
- (vi) tindakan denda ataupun menamatkan perkhidmatan kontrak kepada kontraktor yang tidak dapat mematuhi syarat kontrak...

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu banyak bunyi telefon bimbit, saya akan mengarahkan supaya sistem *jamming* kita dihidupkan semula.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: ...

- (vii) memastikan perunding sesuatu projek mempunyai kepakaran yang diperlukan dan memastikan perkhidmatan perunding digunakan sepenuhnya;
- (vii) memastikan perolehan peralatan diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan pembangunan;

- (viii) memastikan rundingan harga bagi sesuatu projek perolehan menggunakan jadual harga JKR bagi perolehan kerja dan kajian harga pasaran dijalankan sebagai panduan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan
- (ix) penggiliran tugas pegawai yang menguruskan perolehan dan tindakan surcaj ke atas pegawai yang cuai dan tindakan undang-undang bagi pecah amanah dan rasuah di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Mohd Puad, kemudian Encik Ahmad Husin, kemudian Tuan Tajul.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah penjawat awam yang menyelewengkan dana awam ini sudah pun didakwa, tetapi kenapakah kontraktor yang menawarkan harga yang tinggi, yang tidak munasabah seperti pembelian skru itu tidak didakwa, disenaraihitamkan oleh pihak kerajaan, dan apakah ada cadangan untuk merombak kembali sistem pembelian runding secara terus ini yang memberi ruang berlakunya penyelewengkan dana awam ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tentang runding terus ini memang ada keperluannya kadang-kadang terutama sekali bila kes-kes itu melibatkan benda-benda yang sulit, seperti bahagian Kementerian Pertahanan yang memerlukan senjata dan sebagainya, biasanya dibuat secara runding terus kerana tidak mahu didedahkan.

Yang kedua, tentang tindakan ke atas pembekal. Dia membekal, Tuan Yang di-Pertua, kita yang beli ini. Jadi dia tentulah hendak buat untung yang maksimum. Jadi pihak kita, pihak pembeli ini yang sepatutnya melihat dari segi harga itu. Setakat ini belum ada tindakan ke atas pembekal, Tuan Yang di-Pertua. Belum ada lagi. Yang ada cuma tindakan ke atas pegawai kerajaan. Pembekal ini, tidak tahu undang-undang mana yang kita boleh ambil tindakan ke atas mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Ahmad Husin.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah bagaimana pula dengan perolehan atau *procurement* untuk, dengan izin, GLC? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal GLC memang peraturan sudah ada, sudah lengkap, mesti dipatuhi. Mereka juga subjek kepada tinjauan oleh pihak Audit Negara, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mesti ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. 'Tuan' Tajul Urus.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Tajul Urus, minta maaf.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih. Dalam usaha kita mempertahankan demokrasi berakuntabiliti dan pada masa yang sama meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan jabatan dan kementerian, adakah kerajaan bercadang untuk

meletakkan Jabatan Audit Negara di bawah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau PAC?
Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pengauditan ada dua sebenarnya. Satu berkenaan dengan *management audit*, yang kedua tentang *financial audit*. *Management audit* dibuat sendiri oleh Jabatan Audit Negara tetapi yang *financial audit* ini biasanya di *outsource*. Maksudnya yang perlu dipertingkatkan ialah *management audit*. Setakat ini memanglah kita lihat dari segi kakitangan, memang perlu ditingkatkan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini apa yang Juru Audit Negara buat ialah dia buat tinjauan pemeriksaan secara *random*. Bukan semua yang dilihat tiap-tiap tahun tetapi secara *random*. Misalnya pada tahun 2006, cuma 16 kementerian dan jabatan; dan 24 badan berkanun; dan 15 buah syarikat yang telah pun diperiksa. Yang lain tidak kena periksa oleh kerana saya kira perlu dipertingkatkan lagi jumlah kakitangan dalam Jabatan Audit, Tuan Yang di-Pertua.

2. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah yang akan diambil bagi memenuhi saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan pengambilan dan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat dan matlamat kerajaan untuk mengurangkan pengambilan dan kebergantungan kepada tenaga kerja asing di negara ini. Sehubungan itu, beberapa pendekatan jangka pendek dan panjang telah diambil untuk menangani masalah ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) pengajian pekerja asing hanya dibenarkan sekiranya rakyat tempatan dan penduduk tetap tidak dapat memenuhi atau enggan bekerja di sektor berkenaan;
- (ii) Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan peruntukan Akta Kerja 1955 yang mewajibkan majikan melaporkan pengajian pekerja asing dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengajian;
- (iii) memperkenalkan *syllabus Industrial Building System (IBS)*, Koordinasi Modular (MC) untuk mahasiswa di peringkat ijazah dan diploma di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta;
- (iv) mengadakan program latihan dan persijilan pekerja untuk meliputi kesemua jenis IBS di samping mengadakan program usaha sama pengeluar IBS untuk memberi pendedahan kepakaran industri secara latihan sambil bekerja kepada pelatih.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga pihak kerajaan memastikan agar kebenaran untuk mengambil pekerja asing oleh majikan tidak akan menjejaskan pekerja tempatan ataupun terpinggir.

▪ 1020

Sehubungan dengan itu, kerajaan juga menggalakkan kepada majikan supaya melakukan anjakan dengan mengalihkan kebergantungan daripada tenaga kerja manusia kepada penggunaan alat jentera, mesin atau *automation*. Begitu juga dasar negara kita membenarkan pengambilan pekerja asing golongan profesional atau pegawai dagang, *expatriate* sebagai langkah bagi membantu menyelesaikan masalah kekurangan tenaga mahir ataupun tenaga pakar seperti dalam bidang kedoktoran, kejuruteraan, bio teknologi, pemakanan, binaan, pembuatan dan sebagainya.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga menjalankan pemeriksaan kepada premis-premis sekarang ini lebih daripada 120,000 majikan dalam memastikan bahawa tidak berlaku pengambilan pekerja asing secara tidak kebenaran undang-undang dan peraturan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi, Tuan Munusamy, kemudian Dato' Omar.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Petaling Jaya dan juga di tempat-tempat lain Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan-pekerjaan yang biasanya mengubah orang keturunan India seperti tukang gunting, seperti pekerja-pekerja di kedai makanan India dan juga mamak dan juga *newspaper man*, dengan izin. Sekarang pekerjaan-pekerjaan ini sudah menggunakan pekerja-pekerja asing. Ini telah mengurangkan peluang pekerjaan untuk orang Malaysia terutama pemuda-pemuda keturunan India. Pekerjaan-pekerjaan ini bukan dikategorikan sebagai 3D's...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup jelas.

Tuan Lee Sing Chooi: ...Mengapakah kelulusan diberi dan juga apakah tindakan kementerian untuk mengkaji dan menukarkan dan membetulkan situasi ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya yang lebih arif dan pakar dalam menjawab soalan pengambilan pekerja asing ini adalah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi kita juga sebagai anggota bersama dalam kerajaan, juga ingin menjelaskan bahawa sektor yang

Tuan Yang di-Pertua: Mendukung prinsip tanggungjawab kolektif.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, itu yang saya nak sebut. Iaitu kita bertanggungjawab dalam soal mendukung prinsip bersama dan *collective responsibility* ataupun tanggungjawab bersama kita adunkan bersama. Apa pun ingin saya jelaskan bahawa semua permohonan untuk mendapatkan pekerja asing mestilah melalui satu *committee* yang telah dibentuk khas.

Dan kita juga sebagaimana yang saya nyatakan tadi, sekiranya tidak ada pekerja tempatan setelah diiklankan sekurang-kurangnya dua minggu barulah diberikan kebenaran untuk mengambil pekerja asing dalam sektor yang disebutkan tadi seperti tukang gunting, kedai makanan, orang akhbar ataupun *newspaper man* ini sebenarnya sesetengah itu berlaku kerana sikap majikan sendiri tidak mengutamakan pekerja-pekerja tempatan, walhal pekerja-pekerja

tempatan boleh melaksanakan kerja-kerja tersebut kerana itu bukanlah disifatkan sebagai 3D's iaitu *dirty, dangerous and difficult*.

Apa pun sebab itulah kita sedang melancarkan satu usaha yang dikenali sebagai usaha untuk bancian, mengenal pasti secara keseluruhan dasar keperluan tenaga kerja negara. Daripada dasar itu, kita akan semak balik dan kita adakan *post mortem* untuk memastikan bahawa tenaga kerja asing ini tidak dapat mengambil tempat ataupun tidak mengucar-ngacirkan bentuk dan warna pekerjaan yang seharus dan sewajarnya dimiliki oleh pekerja tempatan. Jadi tunggulah, mungkin dalam masa dua bulan lagi kajian ini akan selesai dan kita akan menyusun program-program baru dalam soal pengambilan tenaga kerja asing ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya isu pekerja asing ini telah menjadi begitu serius sehingga bukan sahaja mereka terlibat dalam jenayah tetapi juga dalam banyak bidang perniagaan. Adakah pihak kerajaan mencadangkan untuk mengehadkan pengambilan pekerja-pekerja khususnya di kilang-kilang sebagai contoh 50% ataupun satu had yang munasabah supaya peluang bagi pekerja-pekerja tempatan boleh dapat diperolehi dengan senang. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang benar kita berpendapat bahawa kehadiran pekerja-pekerja asing ini telah begitu banyak dan juga dianggap sebagai satu kehadiran yang begitu serius. Dalam soal ini, kita dapati banyak sektor-sektor yang dibolot ataupun dimasuki oleh pekerja-pekerja asing. Apa pun kerajaan telah mengadakan kuota-kuota yang tertentu bagi memastikan bahawa kehadiran pekerja asing ini tidak memonopoli kepada sektor-sektor tertentu. Saya ambil dua contoh, sektor elektronik, nisbahnya satu pekerja tempatan, tiga pekerja asing. Bagi sektor yang bukan elektronik, satu pekerja tempatan, satu pekerja asing, nisbah 50-50.

Apa pun kadang-kadang kita lihat peraturan ini dilanggar kerana itulah kita mengadakan pemeriksaan di semua premis hari ini kepada 120,000 majikan. Begitu juga pihak imigresen, juga membuat pemeriksaan yang sama. Dan yang ketiganya, seperti mana yang saya katakan tadi, akan menentukan dasar-dasar baru untuk disesuaikan dengan keperluan sebenar. Jadi ini fenomena ataupun situasi yang berlaku meminta kita supaya membuat tindakan-tindakan yang lebih drastik, lebih bersifat kontemporari bagi menangani masalah kehadiran kebanjiran pekerja asing ini sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Omar Faudzar.

Dato' Omar bin Faudzar: Soalan saya telah pun ditanya oleh Tuan Munusamy.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Dato' Hajah Saripah Aminah.

3. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, bilangan usahawan bumiputera yang akan dapat dilahirkan di bawah Program Pusat Peruncitan Taman Perniagaan Pendidikan (EduBiz Park). Bilakah program ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, projek EduBiz Park diwujudkan dengan tujuan memberi pendedahan latihan dan galakan kepada bakal graduan untuk menceburi bidang keusahawanan dan memperkembangkan sektor peruncitan kepada usahawan bumiputera. Projek ini mensasarkan perwujudan 400 unit ruang niaga dan kiosk bagi empat EduBiz Park sekurang-kurangnya 800 bakal usahawan peruncit akan dilahirkan melalui program tersebut sehingga tahun 2010.

Projek-projek tersebut akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sebuah projek perintis akan dimulakan dalam tahun 2008 iaitu EduBiz Park dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia yang pembinaannya mengambil masa selama satu tahun. Sementara itu projek tersebut siap dibina, program EduBiz Park pada masa ini sedang dilaksanakan di kalangan 600 peserta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Pusat Peruncitan Taman Perniagaan Pendidikan adalah usaha yang baik untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera dalam bidang peruncitan. Penyertaan bumiputera masih terkebelakang kerana penyumbang hanya RM40 bilion daripada RM206 bilion hasil jualan peruncitan. Dalam RMK-9, difahamkan MARA akan berusaha melahirkan lebih 30,000 usahawan bumiputera dalam bidang ini.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian melalui MARA bercadang menyediakan pasar raya yang khusus untuk memasarkan produk keluaran bumiputera bagi menyokong program peruncitan ini.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat, sudah tentulah MARA akan mengambil daya usaha yang pelbagai bagi menambah bilangan peruncit. Kalau kita lihat satu daripada usaha yang kita laksanakan EduBiz Park di universiti, satu universiti kita dapat lahirkan 600 peserta. Kita telah pun melihat ada empat universiti yang berpotensi untuk kita lahirkan peruncitan selepas ini iaitu di UTM, Skudai, MMU dan Universiti Utara. Dengan adanya kita mewujudkan lot-lot ataupun ruang-ruang niaga di universiti yang memangnya ada di universiti-universiti, sudah tentulah di situ kita akan mengambil peluang kepada semua warga IPTA dan penduduk di sekitarnya, perniagaan-perniagaan yang boleh kita lakukan di ruang-ruang niaga di universiti sudah tentulah kita akan wujudkan ataupun kita jalankan perniagaan seperti kafeteria, restoran, pusat rekreasi, *driving range*, terminal kenderaan mahupun *stationery* dan lain-lain.

Dengan sendirinya, apa juga perniagaan di universiti itu dia tidak akan berlaku ketirisan kepada lain-lain tempat.

▪ **1030**

Jadi kalau kita tengok 19 IPTA ada di negara ini. Satu IPTA ada 600 peruncit yang kita lahir. Sudah tentulah ia akan berkembang dengan pesat. Selain daripada itu, universiti juga akan dijadikan pusat inkubator kepada pelajar-pelajar dan kita akan beri peluang untuk peniaga-peniaga itu mengeluarkan usahawan atau dijadikan *business training factory*. Jadi dengan mudahlah hasrat kerajaan untuk mewujudkan 1.5 juta pembudayaan usahawan akan dapat dilaksanakan dan kita juga akan lahirkan 150,000 usahawan baru dan kita akan mantapkan 25,000 usahawan yang sedia ada. Jadi dengan usaha-usaha yang kita buat, selain kita mewujudkan juga di majlis-majlis kerajaan tempatan dan sebagainya di universiti merupakan satu impak yang baik untuk kita lahirkan usahawan masa akan datang. Terima kasih.

4. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S Maniam** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah perancangan yang dibuat oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ponteng di sekolah-sekolah menengah, memandangkan kes ponteng di sekolah menengah adalah semakin membimbangkan pada masa ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat tujuh perencanaan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung langkah-langkah dalam menangani masalah disiplin murid di sekolah. Termasuklah masalah ponteng sekolah. Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah daripada:

- (i) Yang Berhormat Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S Maniam pada hari ini;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang pada 3 Disember dan juga pada hari ini;
- (iii) Yang Berhormat Hajah Wan Ramlah binti Ahmad pada 4 Disember;
- (iv) Daripada Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad pada 5 Disember;
- (v) Daripada Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan pada 5 Disember;
- (vi) Daripada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani bin Haji Wan Mohd. Nor pada 11 Disember; dan
- (vii) Daripada Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu pada 11 Disember.

Disebabkan isu-isu yang dibangkitkan saling berkaitan, maka saya mohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan, saya tarik perhatian Setiausaha Dewan supaya soalan yang telah terjawab itu akan terkeluar daripada senarai yang berikut. Silakan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha-usaha jawatankuasa induk untuk menangani gejala disiplin yang diwujudkan sejak tahun 2004, telah menunjukkan keberkesanan dalam mengatasi masalah disiplin murid. Jika dilihat daripada kes ponteng, data disiplin murid menunjukkan penurunan kes tersebut dari 0.97% pada tahun 2002 kepada 0.6% pada tahun 2006. Bagi keseluruhan kes-kes disiplin, kepentingan kes disiplin dari Januari hingga Mei 2006 dan 2007 juga menunjukkan penurunan jumlah kes sebanyak 1.28% bagi bulan Januari hingga Mei 2006, telah menurun kepada 1.13% pada tahun 2007.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang memantapkan semula peraturan disiplin sekolah yang sedia ada iaitu Peraturan-peraturan Pelajaran Disiplin Sekolah 1959 yang digubal di bawah Ordinan Pelajaran 1957 yang telah digunakan selama 47 tahun. Dalam draf peraturan baru, iaitu Peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin Murid 2007 yang digubal di bawah Akta Pendidikan 1996 telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran yang telah dibentangkan dalam Seminar Peringkat Kebangsaan berkaitan draf peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin Murid 2007 yang telah diadakan pada 25 hingga 27 November 2007 yang lalu. Sebanyak 21 resolusi telah dihasilkan melalui seminar tersebut yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah tindakan terhadap ponteng sekolah. Resolusi tersebut akan diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal Penggubalan Peraturan-peraturan Pendidikan KPM dalam masa yang terdekat.

Di samping itu, bagi mengatasi masalah disiplin murid, KPM juga telah mengambil beberapa langkah yang wajar. Sepanjang tahun 2007, Pasukan *Flying Squad* KPM, Pasukan Pemantauan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah telah turun padang, membuat pemantauan aspek disiplin murid. Pelbagai kes disiplin murid termasuk masalah kes ponteng sekolah telah dapat ditangani segera melalui pasukan ini. Selain itu peranan kaunselor dan guru bimbingan kaunseling turut diberi tumpuan dalam menangani masalah disiplin termasuk kes ponteng sekolah seperti yang di sarankan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan. Peranan guru-guru tersebut dalam menangani masalah disiplin ini telah ditegaskan dalam mesyuarat yang melibatkan guru kaunseling dan guru disiplin yang telah diadakan di Pulau Pangkor baru-baru ini. Dengan langkah-langkah yang telah diambil, KPM berkeyakinan masalah disiplin termasuk masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid akan dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menambah, Dewan Negara ingin mengalu-alukan kehadiran Tuan Krishnan, Tuan Krishnan? Tak ada ya. Dato' Hajah Kamsiah, kemudian Puan Heng Seai Kie.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian akan melaksanakan pendakwaan terhadap ibu bapa yang gagal mengatasi masalah ponteng ini, yang juga mengakibatkan keciciran seperti mana yang pernah disebut-sebut oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang di bawah Akta Pelajaran 1996 ada satu peruntukan. Bahawa mana-mana ibu bapa yang gagal menghantar anak-anak mereka menghadiri pendidikan wajib iaitu dari tahun satu sampai darjah enam, maka boleh didakwa dan jika didapati disabitkan kesalahan maka boleh dihukum atau dipenjarakan. Sebelum kita menguatkuasakan peraturan-peraturan ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah supaya memberikan *free education* ataupun pendidikan percuma kepada ibu bapa supaya apabila peraturan ini jika dikuatkuasakan kelak sudah tidak ada alasan lagi diberi oleh ibu bapa mengapa anak mereka tidak, mengapa mereka gagal menghantar anak-anak mereka.

Sebab itulah pelbagai bantuan telah disediakan termasuk bantuan wang di mana kita telah sediakan RM200 setiap seorang untuk persiapan persekolahan bantuan khas sebelum buka sekolah untuk beli pakaian, yuran dan sebagainya. Kita juga menyediakan bantuan am sebanyak RM50 sebulan yang diterima tiap-tiap bulan oleh pelajar-pelajar yang kurang mampu. Kita beri bantuan buku teks dan baru-baru ini kita umum juga yuran persekolahan tidak perlu lagi dibayar. Dalam erti kata lain, kita telah memperuntukkan lebih RM1.5 bilion untuk kita memberikan bantuan-bantuan kebajikan untuk memastikan tidak berlaku keciciran dan tidak ada alasan lagi mengapa ibu bapa tidak boleh menghantar anak-anak mereka ke peringkat pendidikan wajib iaitu di peringkat sekolah rendah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Heng Seai Kie.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada siasatan yang telah dilakukan, apakah punca-punca berlakunya masalah ponteng sekolah di sekolah menengah yang semakin berleluasa pada masa kini? Sekian.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau hendak diterangkan punca-punca ini banyak. Sebab yang pertama tentulah dari pihak ibu bapa. Di mana kita dapati ada ibu bapa yang tidak mengambil berat mengenai anak-anak mereka pergi ke sekolah dan ada juga ibu bapa mengambil berat masalah anak-anak mereka pergi ke sekolah dan saya juga banyak dapat laporan apabila ibu bapa mereka dimaklumkan anak mereka tidak pergi ke sekolah, mereka terkejut kerana ibu bapa mereka hantar anak sampai ke pintu pagar sekolah tetapi anak tidak masuk ke sekolah dan banyak guru-guru saya terpaksa pergi rumah ke rumah untuk menjemput anak-anak ini datang ke sekolah dan ada ibu bapa memberikan respons yang positif dan ada juga ibu bapa yang memberikan respons yang negatif.

Faktor yang kedua tentulah dari pihak sekolah. Kerana kita dapati juga ada rungutan yang kita dapat bahawa suasana pembelajaran dan sebagainya kurang menarik minat pelajar-pelajar.

■ 1040

Itu hanya sebilangan kecil, kalau benar dakwaan sedemikian, sudah tentulah lebih ramai pelajar yang ponteng daripada yang ramai datang ke sekolah tetapi kejadian sebenarnya yang pontengnya hanya segelintir. Ini menunjukkan kalau faktor sekolah dijadikan sebab mengapa pelajar ponteng mungkin kita tidak boleh terima sepenuhnya. Sebagai langkah seterusnya, kita

dapati masalah ponteng ini banyak berlaku selepas peperiksaan diadakan. Untuk mengatasi masalah ini maka Kementerian Pelajaran telah membuat keputusan untuk kita mengkaji balik sistem peperiksaan kita yang dibuat terlalu awal sebelum cuti persekolahan dan sekarang ini, kita sedang berbincang untuk kita melaksanakan sistem peperiksaan ini diadakan di hujung-hujung minggu sebelum tempoh persekolahan tamat. Terima kasih.

5. **Dato' Ismail Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pihak pengurusan Suria KLCC yang merupakan salah satu anak syarikat Petronas, tidak menyedari akan wujudnya satu tekanan terhadap peniaga ataupun usahawan bumiputera yang menjalankan perniagaan mereka di premis-premis perniagaan di KLCC di mana semakin hari, semakin berkurangan mereka yang menjalankan operasi perniagaan di sana.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Ismail Kassim sebenarnya pihak pengurusan Suria KLCC tidak mengamalkan sebarang bentuk diskriminasi atau tekanan ke atas peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan di Suria KLCC lebih-lebih lagi ke atas peniaga atau usahawan bumiputera. Sungguhpun demikian mereka yang terpilih menjalankan perniagaan di Suria KLCC walau bagaimanapun terikat dan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dengan pihak pengurusan pihak KLCC. Langkah ini antara lain adalah bertujuan untuk memastikan mereka terus berdaya saing dalam menghadapi persaingan yang kian meningkat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah boleh pihak kerajaan membuat satu dasar agar 30% daripada premis-premis bukan sahaja di lokasi KLCC malah di mana-mana kompleks membeli-belah supaya dikhaskan kepada bumiputera, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi tempat-tempat perniagaan ini umpamanya soalan ini ditimbulkan terdapat rungutan-rungutan yang lepas tetapi setelah kita siasat dan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan bahawa apa yang berlaku adalah urusan perniagaan semata-mata dan tidak kena mengena soal tekanan kepada mana-mana pihak.

6. **Datuk Hii Tiong Kuoh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah wang bayaran yang dikenakan sebagai *airport tax* dan insurans yang termasuk dalam harga tiket AirAsia itu diserahkan kepada kerajaan atau lapangan terbang, bila mana seseorang penumpang itu membatalkan penerbangannya.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, *airport tax* atau *charge* perkhidmatan penumpang ataupun PSC iaitu *passenger service charge*, dengan izin, merupakan salah satu *charge* di bawah *charge-charge* aeronautik yang dikutip oleh syarikat-syarikat penerbangan bagi pihak kerajaan dan disalurkan

kepada Malaysia Airport Holding Bhd. di semua lapangan terbang negara ini kecuali Lapangan Terbang Senai yang mana dikutip bagi pihak Senai Airport Terminal Services. PSC merupakan *charge* yang dikenakan kepada penumpang menggunakan segala jenis kemudahan yang disediakan oleh lapangan terbang Malaysia. *Charge* ini merupakan satu komponen dalam harga tiket perjalanan yang dibayar oleh para penumpang semasa pembelian tiket penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan di mana seseorang penumpang membatalkan perjalanannya ataupun syarikat penerbangan membatalkan penerbangannya, AirAsia akan membuat bayaran balik PSC tersebut apabila penumpang berkaitan mengemukakan tuntutan. Selain daripada itu berhubung dengan insurans Golnsure yang ditawarkan oleh pihak AirAsia adalah dimaklumkan bahawa penumpang mempunyai pilihan sama ada untuk membeli insurans tersebut atau tidak. Semasa membuat tempatan penerbangan, sekiranya berlaku pembatalan penerbangan oleh penumpang atau syarikat penerbangan insurans ini tidak akan dipulangkan semula kepada para penumpang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Chua Kim Chuan, Datuk Dr. Lee Chong Meng dan kemudian Dr. Haji Mohd. Puad.

Datuk Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Ramai penumpang kapal terbang bagi tiket tambang murah tidak tahu bahawa *airport tax* boleh dituntut balik sekiranya tidak jadi naik kapal terbang. Adakah kerajaan bercadang memastikan syarikat penerbangan mencetakkan notis pemberitahuan pada tiket penerbangan. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia, telah beberapa kali membuat pengumuman mengenai keputusan ini. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini adalah satu cadangan yang membina di mana kita akan mengemukakan kepada AirAsia untuk pertimbangan yang sewajarnya terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lewat *check in* di AirAsia, di mana tiket itu tidak sah dan akan di *burn* tetapi kalau kita tunggu di air port selama tiga jam, pesawat itu tidak ada, kami tunggu sampai tiga pagi, lepas itu *flight cancel* tidak ada pampasan. So, oleh itu saya minta Yang Berhormat buat komen sedikit. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih. Ini merupakan satu *practice* yang dilakukan oleh semua syarikat penerbangan di seluruh dunia dan ini telah pun dipersetujui di International Civil Aviation Organization oleh kerana kelewatan sesuatu penerbangan ianya di luar kawalan syarikat penerbangan. Ini adalah satu persefahaman antara pengguna dan syarikat penerbangan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah benarkah AirAsia ini masih ada tunggakan berhutang tidak memulangkan *airport tax* yang telah mereka kutip di LCCT kepada kerajaan. Berapa jumlahnya dan apa tindakan kerajaan terhadap AirAsia ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan *charge* perkhidmatan penumpang yang tidak dituntut. Kalau menurut Jabatan Akauntan Negara Malaysia, kutipan *charge* tersebut boleh dijeniskan sebagai satu wang yang tidak menuntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965. Segala kutipan yang tidak dituntut ini kena disalurkan kepada Kumpulan Wang ini dan apabila sampai 31 Disember setiap tahun, dan sampai bulan Mac, semua kutipan akan disalurkan dalam Kumpulan Wang ini. Saya selaku Menteri Pengangkutan, saya akan memastikan bahawa perkara ini berlaku ikut seksyen 8 akta yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah dimaklumkan bahawa Datuk Wira Syed Ali tiba-tiba cuti sakit dan kerana tidak mahu mensia-siakan masa seorang menteri Kabinet, saya jemput mana-mana ahli untuk bangun bagi pihaknya. Saya guna kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 89 dan 90, silakan Dato.

7. **Dato' Ismail Kassim [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (i) selain menaik taraf 157 laluan maut di Semenanjung serta membina dan menambah baik lorong motosikal yang membabitkan peruntukan lebih RM600 juta, apakah kerajaan juga turut memberi tumpuan kepada pembaikan jalan raya di kawasan luar bandar; dan
- (ii) sejauh mana langkah-langkah memperbaiki aspek kejuruteraan di Jalan Persekutuan yang berisiko tinggi serta program penyelenggaraan berkala yang dicadangkan oleh kementerian.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jemaah Menteri telah bersetuju meluluskan permohonan kementerian sebanyak RM600 juta untuk menaik taraf, 157 laluan maut dan menambah baik lorong motosikal di Jalan Persekutuan pada masa ini. Jabatan Kerja Raya telah memulakan kerja di 26 buah lokasi laluan dengan kos sebanyak RM6.5 juta. Memandangkan peruntukan siling sedia ada bagi Rancangan Malaysia Kesembilan tidak mencukupi untuk kementerian melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf di semua lokasi tersebut

■ 1050

Kementerian akan mengemukakan permohonan tambahan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan juga telah turut memberi tumpuan kepada pembaikan Jalan-jalan Raya Persekutuan yang melalui kawasan luar bandar.

Selain daripada Jalan Raya persekutuan yang terdapat di kawasan luar bandar, terdapat juga jalan-jalan raya di bawah pengawasan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta jalan-jalan raya di bawah pengawasan kerajaan negeri. Jika dikaji statistik kemalangan, adalah didapati bahawa 71% kemalangan berlaku di kawasan luar bandar iaitu jalan negeri dan jalan perbandaran, manakala hanya 29% sahaja di Jalan Raya Persekutuan.

Sejajar dengan itu, isu ini telah dibawa kepada perhatian Jemaah Menteri dan pada 25 Mei 2004, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada bekalkan sedikit air untuk Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: ...*[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Minum air yang disediakan]*

....Memutuskan kerja-kerja mengenal pasti lokasi berbahaya atau titik hitam diperluaskan kepada terutama jalan-jalan Persekutuan di kawasan luar bandar. Kementerian Kerja Raya telah meminta untuk menyelaraskan program audit keselamatan jalan raya di jalan-jalan terutama Jalan Persekutuan di kawasan luar bandar dan usaha-usaha hendaklah diambil bagi membolehkan pelaksanaan program di atas disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (b) Sehingga kini, langkah-langkah untuk memperbaiki aspek kejuruteraan di Jalan Persekutuan yang berisiko tinggi yang telah dilaksanakan meliputi pembinaan kemudahan pejalan kaki, menyediakan lorong memotong, membina bahu jalan berturap, pembaikan bagi selekoh berbahaya, pemasangan lampu jalan, pembinaan jejantas dan menaik taraf persimpangan dengan membina persimpangan bertingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelenggaraan berkala yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah meliputi memperbaharui muka jalan, membaiki sistem perparitan jalan sedia ada dan menggantikan perabot jalan, memperbaharui muka jalan dilaksanakan setiap lima tahun sekali. Memperbaiki sistem perparitan jalan sedia ada, dilaksanakan mengikut keperluan dari hasil pemeriksaan berkala yang dilaksanakan pada setiap enam bulan sekali dan menggantikan perabot jalan dilaksanakan sepanjang masa apabila didapati perlu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ir. Hiang A Li.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki aspek kejuruteraan Jalan Persekutuan yang berisiko, adakah ini berkesan selepas langkah-langkah ini telah diambil? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya dengan beberapa pemeriksaan akan dilakukan oleh jurutera-jurutera dan pakar-pakar yang telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pau Chiong Ung.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin tahu, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai dengan Jalan Persekutuan yang berisiko tinggi. Jadi apa yang berlaku di Kelantan iaitu jalan daripada Kuala Krai - Gua Musang. Jadi telah beberapa kali kita adukan kepada JKR bahawasanya tempat jalan-jalan yang berisiko tinggi itu. Apabila kita pergi tanya apa yang dijawab oleh JKR, "itu bukan kuasa JKR, itu kuasa majlis daerah" Tetapi jalan tersebut adalah di bawah JKR. Selepas itu kita tanya pula dan katanya...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Pau Chiong Ung: ... Di bawah *road care*.... Jadi kawasan tersebut amat bahaya sekali. Jadi sudah 20 tahun kemalangan maut dan ramai yang telah mati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup jelas.

Tuan Pau Chiong Ung: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gua Musang ya?

Tuan Pau Chiong Ung: Ya Kuala Krai - Gua Musang.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diambil serius oleh kementerian saya. Kita meminta kepada kerajaan untuk memberi lebih peruntukan di mana jalan itu boleh diperbaiki dan kita akan mengambil satu rancangan untuk melebarkan jalan. Oleh kerana kita tahu ramai penduduk-penduduk di negeri Kelantan menggunakan jalan tersebut apabila ada musim perayaan ataupun pada musim cuti mereka balik ke rumah-rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Gooi Hoe Hin.

8. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, bilangan bekalan elektrik yang tergendala bagi tahun 2004, 2005, 2006 dan 2007 (Januari hingga November) di seluruh negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dalam membangunkan infrastruktur tenaga bagi memastikan rakyat mendapat bekalan elektrik yang boleh berdaya harap pada harga yang kompetitif.

Sehubungan dengan itu, ingin saya jelaskan di sini kerajaan sentiasa membuat perancangan yang rapi dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang baru dalam memantapkan industri tenaga di negara ini. Projek-projek penjana kuasa serta peningkatan sistem

penghantaran dan pengagihan yang dilaksanakan telah berjaya mengurangkan bilangan gangguan bekalan elektrik dari tahun 2004 hingga 2007. Bilangan gangguan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 adalah seperti berikut:-

Tahun	Gangguan Bekalan Elektrik (Jumlah/ribu)
2004	78,901
2005	72,481
2006	56,614

Ini menunjukkan penurunan sebanyak 28.3% dari tahun 2004 hingga 2006. Maklumat mengenai penyata bilangan gangguan bekalan elektrik untuk tahun 2007 di dalam tindakan kemas kini dan pihak TNB dan kementerian saya akan mengemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih atas jawapan yang begitu bernas daripada Timbalan Menteri. Baru-baru ini terdapat satu gangguan bekalan elektrik yang amat besar di Pulau Pinang, tetapi nampaknya Tenaga Nasional Berhad keluar satu kenyataan saja tanpa apa-apa langkah yang akan diambil pihak TNB supaya suatu jaminan yang lebih bernas supaya gangguan ini tidak berlaku.

Soalan tambahan saya, apakah langkah yang akan diambil oleh TNB supaya beberapa infrastruktur yang nampaknya lapuk, agar infrastruktur ini dinaiktarafkan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya yakin Yang Berhormat bertanyakan masalah gangguan yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru. Untuk pengetahuan Dewan, Pulau Pinang dibekalkan *electricity* menerusi Semenanjung menggunakan tujuh *injection line*, lima *submarine cable* dan dua kabel melalui jambatan dan juga sedikit bantuan daripada Jana Kuasa Gelugor.

Pada ketika itu, salah satu daripada *submarine cable*, 2x500 berlaku *trips* iaitu menjejaskan bekalan dan akibatnya terputus bekalan elektrik di Pulau Pinang sekitar setengah jam.

■ 1100

Mengikut kajian awal ataupun siasatan awal di Pulau Pinang oleh Tenaga Nasional, perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana setelah dibuat kajian ini adalah kali pertama *bus bar* yang berhampiran dengan *city* iaitu *current transformer*, meletup. Ini merupakan satu kejadian pertama, maka Tenaga Nasional berusaha untuk mengenal pasti apakah punca-punca masalah ini. Di samping itu Tenaga Nasional juga sedang dalam usaha-usaha untuk memperkenalkan

teknologi-teknologi yang lebih moden dan terkini supaya boleh mengurangkan kesilapan-kesilapan disebabkan oleh *human error*.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

9. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah projek-projek pembangunan secara holistik dan komprehensif yang telah dirancang di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi meningkatkan ekonomi dan modal insan rakyat di kalangan Orang Asli di setiap negeri yang terlibat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan akan terus memberikan perhatian terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli walaupun bilangan mereka hanyalah 0.05% daripada jumlah penduduk negara ini. Untuk tujuan itu satu pelan pembangunan komprehensif dilaksanakan untuk menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Pelan ini merangkumi strategi dan program untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik kualiti hidup melalui pelaksanaan projek ekonomi serta penempatan semula dan pembangunan modal insan.

Pembangunan ekonomi dan modal insan di kalangan Orang Asli telah diberi tumpuan secara khusus oleh kerajaan sebelum pelaksanaan pembangunan wilayah lagi. Walau bagaimanapun dengan pelancaran wilayah-wilayah yang terlibat, kerajaan akan terus memastikan pembangunan ekonomi dan modal insan di kalangan Orang Asli dilaksanakan agar mereka tidak ketinggalan. Komitmen kerajaan ini dibuktikan dengan meningkatkan peruntukan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana sebanyak RM358 juta disediakan iaitu peningkatan sebanyak 40% berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelapan.

Antara program utama untuk pembangunan masyarakat Orang Asli ialah:

- (i) Program Pembinaan Perumahan di kalangan Orang Asli;
- (ii) Program Pembangunan Tanah dan projek-projek ekonomi; dan
- (iii) Program Pembangunan Modal Insan.

Di samping itu usaha juga akan ditumpukan ke arah meningkatkan akses masyarakat Orang Asli kepada projek yang menjana pendapatan seperti penanaman tanaman makanan, kraf tangan dan pelancongan, serta penyediaan peluang pekerjaan, infrastruktur dan kemudahan asas lain. Bagi tujuan ini, penyampaian program dan inisiatif pembasmian kemiskinan akan diperkukuhkan bagi memastikan golongan miskin di kalangan masyarakat Orang Asli menikmati manfaat yang lebih besar.

Tuan Osman bin Bungsu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Tuan Yang di-Pertua, perancangan strategik yang telah dibentangkan

tadi sudah tentu memberi impak yang besar bagi keseluruhan untuk meningkatkan modal insan Orang Asli.

Soalan saya, adakah satu badan pengurusan atau jawatankuasa yang dibentuk dan melibatkan Majlis Perunding Pembangunan Orang Asli di peringkat kebangsaan, usahawan-usahawan Orang Asli ataupun koperasi-koperasi serta kepimpinan di peringkat *bottom-up*, yang mana perancangan itu diambil kira oleh peringkat bawah supaya projek ini dapat diterima oleh masyarakat.

Kedua, adakah projek yang dirancang ini akan memberi perkongsian pintar kepada masyarakat Orang Asli, dan secara langsung akan memberi peluang peningkatan ekonomi dan juga kemahiran-kemahiran yang telah dirancang ini dapat disalurkan kepada masyarakat belia dan juga usahawan-usahawan di kalangan masyarakat Orang Asli. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya ingin saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa kita tidak ada majlis tersebut. Walau bagaimanapun, sewaktu kita membincangkan belanjawan, sama ada belanjawan tahunan ataupun rancangan-rancangan Malaysia lima tahun. Begitu juga *midterm review*, perkara kepentingan semua kaum, semua pihak minoriti, majoriti diambil kira sewaktu kita membahaskan ataupun membincangkan perkara tersebut.

Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di antara teras yang penting yang telah diberi penekanan ialah teras yang ketiga iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Atas teras inilah juga dalam misi nasional yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa, sama ada secara proaktif, bagaimana kita menyediakan kemudahan-kemudahan untuk membangunkan khususnya masyarakat Orang Asli ini. Insyaa-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi saya telah dimaklumkan dua minit sebelum Dewan mula bersidang bahawa Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib tidak dapat hadir. Jadi sekali lagi saya terpaksa melanggar semangat Peraturan Mesyuarat kerana tidak mahu buang masa pihak kerajaan yang telah pun sedia untuk menjawab. Saya harap tidak selalulah saya terpaksa guna kuasa sebegini rupa. Silakan Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

10. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh mana mekanisme pemberian subsidi yang meliputi komoditi seperti petrol, gas, pertanian, air dan elektrik sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan, sekali gus boleh membantu kerajaan meringankan beban subsidi RM35 bilion setahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Datin Paduka. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha kerajaan untuk memastikan supaya subsidi yang diberikan oleh kerajaan benar-benar sampai kepada golongan sasaran kerajaan mengambil pelbagai pendekatan dan kaedah. Langkah yang pertama ialah dengan mengenal pasti dan menetapkan golongan sasaran terutamanya golongan petani, nelayan, rakyat berpendapatan rendah dan sebagainya. Kerajaan juga menetapkan bahawa kementerian dan agensi tertentu sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pemberian subsidi berkenaan. Sebagai contoh, kaum petani dan nelayan, pemberian subsidi disalurkan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan jabatan serta agensi di bawahnya.

Sementara itu dalam usaha kerajaan bagi memastikan subsidi yang diberikan sampai kepada golongan sasaran yang ditetapkan, kerajaan menetapkan kaedah bagi pengagihan subsidi yang berkenaan. Umpamanya bagi subsidi baja dan harga padi untuk petani, kupon subsidi hanya diberikan kepada mereka yang berdaftar dengan Persatuan Peladang Kawasan ataupun PPK dan benar-benar menanam padi sahaja. Manakala bagi subsidi petrol dan nelayan pula, sistem kad e-petrol dan e-diesel digunakan di mana hanya nelayan yang mendaftar dan memiliki bot sahaja layak mendapat bekalan petrol dan diesel subsidi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Datin Paduka Nor Hayati.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada kementerian ada cadangan untuk menambahkan komoditi subsidi meliputi subsidi perumahan rakyat termiskin bagi memastikan masalah sosial setinggan dapat dibendung.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah berkenaan dengan..., saya fahamlah bahawa itu di bawah rancangan SPNB atau Syarikat Perumahan Negara Berhad. Memang kerajaan tambah lagi subsidi baru-baru ini RM100 juta lagi untuk menambahkan lagi jumlah rumah mesra rakyat. Setakat ini tiap-tiap kawasan Parlimen di peruntukan 20 buah rumah dan mana-mana kawasan Parlimen yang tidak ada permohonan, maka kuota itu akan dipindahkan ke kawasan yang lebih memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa menggunakan kuasa demikian rupa kerana masa pertanyaan memberikan hak kepada Yang Berhormat mencungkil sama ada kerajaan Yang Berhormat sedia *accountable*. Sedihlah bila kerajaan hadir, sedia, *accountable*, tetapi yang nak cungkil akauntabiliti, tidak hadir.

11. **Puan Mumtaz binti Md. Nawī** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan;
- (a) apakah jaminan dan kawalan piawaian mutu keselamatan dan kerahsiaan MyKad bagi membendung pemalsuan MyKad berbanding dengan negara lain di dunia; dan
 - (b) jumlah MyKad yang telah dikesan dipalsukan dan seterusnya pelupusannya dari tahun 2003 sehingga Oktober 2007.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Jabatan Pendaftaran Negara iaitu JPN masih belum menjumpai MyKad dipalsukan sama ada oleh individu ataupun sindiket tertentu.

■ 1110

Mykad yang bercirikan cip tidak boleh dipalsukan atau diklon, malah mutu keselamatan dan kerahsiaan maklumat yang terdapat di dalam cip telah terjamin. Walaupun demikian, memang terdapat MyKad yang diubah pinda atau di *tampered* iaitu pindaan dilakukan atas permukaan MyKad yang menggunakan maklumat penyamaran dan seterusnya disalut semula dengan penyalutan yang baru.

Memang diakui bahawa maklumat keterangan diri dan gambar boleh diubah pinda tetapi maklumat di dalam cip tidak boleh diubah pinda. Dari tahun 2004 sehingga Ogos 2007, sebanyak 4,833 MyKad yang diubah pinda dikesan oleh pihak JPN. Setakat ini, MyKad tersebut masih tidak dimusnahkan kerana untuk dijadikan *exhibit* untuk tindakan pendakwaan dan juga kajian pihak JPN mengenai teknik yang digunakan di dalam pembikinan MyKad *tamper*. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Mumtaz, kemudian Tuan Maijol bin Mahap.

Puan Mumtaz binti Md Nawī: Soalan tambahan saya ialah, dalam usaha kerajaan memperluaskan penggunaan MyKad dalam kerajaan elektronik, apakah langkah yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mengurangkan risiko mesin pengimbas tidak berupaya untuk mengesan cap jari orang ramai yang menggunakan perkhidmatan ini dan ini boleh membabitkan keselamatan negara.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sentuh bahawa maklumat di dalam cip MyKad adalah dengan penggunaan teknologi yang terancang iaitu apabila cip itu dirosakkan, maklumat itu tidak boleh dicapai. Bermakna keselamatan telah terjamin dan tambahan pula kalau ikut pada masa dahulu, kad pengenalan bermutu tinggi yang dikeluarkan sebelum ini, kerana maklumat senang dicapai dan diperoleh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi setakat ini, keselamatan dan kerahsiaan masih di bawah kawalan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Maijol Mahap.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah walaupun kawalan piawaian mutu keselamatan MyKad begitu canggih dan begitu baik, tetapi

kenapakah pemalsuan MyKad di Sabah masih sering berlaku? Adakah kementerian memantau perkara ini dan mengenal pasti pihak-pihak yang membuat pemalsuan ini? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. MyKad tidak boleh dipalsukan ataupun diklon oleh sebab apabila cip itu telah rosak, jadi maklumat MyKad itu akan hilang. Apa yang kita dapati adalah maklumat di muka hadapan MyKad itu memang boleh diubah pinda tetapi apabila kita menggunakan alat-alat pembaca, jadi maklumat dalam cip ini akan keluar dan dapat baca. Jadi kita boleh sahkan MyKad itu adalah palsu. Ini biasanya digunakan oleh pekerja asing.

Di bawah Akta Pendaftaran Negara, sesiapa yang mempunyai atau memiliki MyKad palsu adalah satu kesalahan di mana boleh didenda sebanyak RM20,000 atau di penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Memang kerajaan..., tadi saya sebutkan beberapa kes telah pun dikesan khususnya di negeri Sabah. Pihak kementerian ini telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ubah pinda MyKad iaitu pihak JPN sentiasa berusaha meningkatkan ciri-ciri keselamatan MyKad dengan penambahbaikan kualiti salutan permukaan MyKad serta mempertingkatkan lagi teknologi cip MyKad.

Operasi bersepadu yang telah dijalankan untuk memastikan tidak ada orang mempunyai atau memiliki MyKad yang dikatakan diubah pinda dan kita pun sudah ada satu sistem *online* dengan agensi-agensi tertentu. Contohnya JPJ, PDRM, KWSP, Tabung Haji, BPR dan Jabatan Imigresen supaya kita boleh senang untuk mengesan sesiapa yang pakai MyKad yang tidak *genuine*. Jadi inilah langkah-langkah yang telah pun kita ambil. Jadi kes-kes yang mengatakan orang mempunyai MyKad dengan maklumat yang diubah pinda pun telah diubah. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah... [*Tepuk*] Saya memohon izin untuk memberi sedikit penerangan mengapa atau rasional saya memberi penghargaan. Hakikatnya Yang Berhormat adalah seorang Ahli Dewan Rakyat, menganggotai Kabinet Malaysia. Berhak hadir dalam Dewan Negara tetapi boleh pilih hendak hadir atau tidak mahu hadir. Jadi bila hadir, kita menghargai. Terima kasih... [*Tepuk*] Puan Hajah Sharifah Azizah.

12. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk merangka 'Dasar Pakaian Negara' di dalam memastikan nilai-nilai akhlak dalam berpakaian dapat dijangka di negara ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum berhasrat untuk merangka 'Dasar Pakaian Negara' di dalam memastikan nilai-nilai akhlak dalam berpakaian dapat dirangka di negara ini. Walau bagaimanapun, kerajaan sememangnya menggalakkan rakyat Malaysia mengenakan pakaian seperti berikut:-

- (i) memakai pakaian tradisi melalui sambutan perayaan dan rumah-rumah terbuka seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya;
- (ii) pemakaian baju Melayu di kalangan lelaki Islam pada setiap hari Jumaat; dan
- (iii) pemakaian baju batik Malaysia pada setiap 1hb. dan 15hb. setiap bulan dan semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.

Langkah sedang diambil supaya pemakaian batik di kalangan pekhidmat awam dilakukan lebih kerap lagi. Kerajaan juga menyediakan garis panduan etika berpakaian untuk persembahan artis pentas dan televisyen. Rakyat Malaysia diberi kebebasan mengamalkan cara berpakaian masing-masing selagi ianya tidak melampaui batas-batas tatasusila rakyat Timur. Sekian, terima kasih.

13. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Kewangan menyatakan, simpanan untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mungkin dapat menanggung perbelanjaan pesara kelak memandangkan harga barang-barang gunaannya meningkat dari sehari ke sehari. Adakah KWSP mempunyai cara pelaburan yang lebih menguntungkan agar pencarum mendapat pulangan yang lebih lumayan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Soon. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, matlamat utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP adalah untuk menjamin keselamatan simpanan persaraan pada hari tua ahli. Selaras dengan matlamat ini, pelaburan KWSP adalah berasaskan prinsip berhemah yang mana pelaburan KWSP terhadap kepada kelas aset dan *instrument* pelaburan yang dapat memberikan pulung selaras dengan portfolio risiko institusi persaraan dan tidak mendedahkan KWSP kepada risiko yang tinggi.

■1120

KWSP juga sentiasa mengkaji peluang-peluang pelaburan baru seperti melabur dalam pelaburan ekuiti luar negara yang berpotensi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini KWSP telah berjaya membayar kadar dividen yang lebih tinggi daripada kadar inflasi negara. Contohnya bagi tahun 2004, kadar inflasi 1.5% dan kadar dividen yang dikeluarkan oleh KWSP ialah 4.75%. Tahun 2005 kadar inflasi 3% kadar dividen dinaikkan kepada 5% dan tahun 2006, kadar inflasi 3.6% dan kadar dividen 5.1% Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Supaya tidak pudar semangat Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tadi, mungkin tidak ada pertanyaan tambahan, sebab di hadapan pelbagai isu dan masalah negara ahli-ahli fikir dasar pakaian negara itu tunggu dahululah. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak, selepas itu Tuan Lee Chee Keong.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Soalan tambahan saya bolehkah KWSP mewujudkan satu sistem khidmat nasihat kepada pencarum agar dapat mengatasi masalah kekurangan dana apabila pesara, seperti menggalakkan pencaruman yang lebih besar dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kadar caruman sekarang ini 11% dan 12%. 11% untuk ahli dan 12% majikan. Maknanya 23% tabungan itu. Kalau ditambahkan lagi tabungan maka kuranglah sedikit duit pulangan pendapatan bulanan bersih kepada ahli. Ini satu masalah.

Selain daripada itu, rang undang-undang baru KWSP telah dibawa ke Dewan dan membolehkan pencarum ataupun ahli yang sudah berpencen atau sudah bersara 55 tahun kalau dia sambung kerja mungkin kerja di tempat lain diwajibkan membuat caruman lagi iaitu pada kadar setengah daripada asal. Pencarum 5.5% dan majikan 6%. Ini sudah jadi wajib, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pesara-pesara kita ini bukan sahaja menghadapi peningkatan harga barangan tetapi peningkatan had usia mereka yang secara keseluruhannya lebih daripada 70 tahun. Jadi masalah sekarang...

Tuan Yang di-Pertua: Peningkatan usia masalah juga ya?

Tuan Lee Chee Keong: Masalah. Caruman tak cukup untuk menyara hidupnya. Jadi adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan caruman bulanan atau ada cara-cara lain untuk memastikan bahawa pesara-pesara kita ini terjamin masa depan mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut rekod yang ada Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli yang telah bersara biasanya dana yang tersimpan dalam KWSP lebih kurang RM100,000 ataupun kurang daripada itu. Kalau diberi semua sekali terus dalam tiga tahun habis Tuan Yang di-Pertua. Dia belanja macam-macam termasuk yang tambah keluarga pun ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, KWSP memberi pilihan kepada pencarum-pencarum sama ada hendak keluaran berperingkat-peringkat ataupun bulanan dan sebagainya boleh, untuk memastikan mereka berjimat wang tabungan mereka Tuan Yang di-Pertua.

14. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah bentuk jaringan pengangkutan yang paling sesuai untuk dibangunkan di Kuala Lumpur memandangkan semua jenis pengangkutan awam yang menggunakan jalan raya hari ini hanya berhadapan dengan pelbagai masalah kesesakan, terutama bila berlakunya hujan lebat dan banjir kilat dan perancangan melaksanakannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid pada 6 Disember 2007, kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan saya akan benarkan pertanyaan tambahan daripada Datuk Rizuan.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jaringan pengangkutan awam berasaskan rel adalah jaringan pengangkutan awam yang paling efisien dalam penyediaan pengangkutan tepat dan berkapasiti tinggi khususnya di Kuala Lumpur. DBKL dalam pelan struktur Kuala Lumpur 2020 telah mencadangkan laluan-laluan baru dan laluan sambungan kepada sedia ada.

Pada masa ini terdapat lima koridor sistem rel di Lembah Klang iaitu:

- (i) sistem LRT 1-StarLine;
- (ii) sistem LRT 2-PutraLine;
- (iii) monorel;
- (iv) KTM komuter; dan
- (v) Express Rail Link – ERL.

Pada masa ini terdapat rancangan di bawah 'BSKL' Kementerian Wilayah Persekutuan telah bercadang ingin menambah tujuh lagi koridor iaitu cadangan laluan baru Damansara - Cheras. Kedua ialah LRT laluan rel baru ke pusat daerah pembangunan, dan lima laluan sambungan iaitu Star LRT Sentul Timur ke Taman Wahyu, Star LRT Sentul Timur ke Kepong, Stesen Sri Petaling ke Bukit Jalil, stesen Taman Maluri ke Cheras, Stesen Sultan Ismail ke KL Sentral.

Walau bagaimanapun, sistem rel masih memerlukan sistem pengangkutan awam darat yang lain seperti bas dan teksi untuk lebih bersepadu. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini DBKL tidak ada rancangan untuk laluan kereta api di bawah tanah kerana kos terlalu tinggi. Pilihan adalah *aggraded* atau bertingkat iaitu *elevated*. Sekian.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya apakah Yang Berhormat bersetuju masalah utama kesesakan lalu lintas jalan raya di Kuala Lumpur ini berpunca daripada terlalu banyak kita menggunakan kenderaan. Masalah hujan atau banjir ini adalah masalah kedua. Kereta rosak di seberang jalan tetapi jem di seberang sini, kerana masyarakat kita ini masyarakat *busy body*.

Apakah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi laluan bawah tanah itu terlalu mahal sehingga kita tidak mampu untuk mengadakan banyak laluan bawah tanah yang dibuat seperti di negara Korea, Jepun dan Hong Kong kerana nampaknya itulah sahaja cara bagaimana kita hendak mengelak orang menggunakan kenderaan di atas. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Sebenarnya saya faham tentang laluan di bawah tanah seperti yang saya sebutkan tadi ini memang kos terlalu tinggi. Di mana kerajaan tidak bersedia untuk membina jalan di bawah tanah. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya sistem pengangkutan di Lembah Klang adalah satu syarikat dinamakan Syarikat

Prasarana Negara Berhad di bawah Kementerian Pengangkutan, kerana Kementerian Wilayah Persekutuan hanya salah satu anggota dalam jawatankuasa ini. Memang kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Tapi masih mendukung prinsip *collective responsibility*.

Tuan Yew Teong Look: ...Sentiasa memberi kerjasama kepada Kementerian Pengangkutan untuk menyelesaikan masalah-masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Sekian.

15. **Datuk Chew Vun Ming** Minta Menteri Pengangkutan menyatakan, di akhir-akhir ini, terdapat cadangan yang dibuat oleh pihak tertentu untuk mengharamkan kenderaan yang menjangkau usia 15 tahun. Perkara ini, jika dilaksanakan akan membebaskan ramai rakyat, terutama mereka yang berpendapatan rendah. Adakah kerajaan bercadang membuat kajian secara saintifik untuk mengenal pasti rasional serta impak pengharaman kenderaan yang berusia 15 tahun dan ke atas di Malaysia.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini kerajaan masih sedang mengkaji cadangan untuk melupuskan kenderaan-kenderaan yang lanjut usia dan tidak *roadworthy* sebagai satu usaha untuk mengurangkan risiko kemalangan dan merencanakan industri automotif di negara ini. Walau bagaimanapun, cadangan pelaksanaan pelupusan kenderaan ini adalah secara sukarela dan beberapa siri perbincangan telah diadakan antara kementerian ini dengan kementerian atau agensi terlibat bagi membincang tatacara pelaksanaan pelupusan kenderaan jenis ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ini masih belum membuat sebarang keputusan dasar berhubung cadangan tersebut memandangkan ianya perlu diteliti dan dihalusi dari semua aspek seperti bayaran sugu hati, prosedur pelupusan dan sebagainya.

■1130

Perbincangan dan kajian lanjut perlu diadakan di antara pihak kerajaan bersama pihak industri sebelum sebarang keputusan dibuat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari akan kesan pelaksanaan pelupusan kenderaan berusia lanjut ini memandangkan ia akan membawa impak ekonomi khususnya kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Atas sebab tersebut, aspek fizikal kenderaan juga perlu diambil kira sebelum sesebuah kenderaan itu dilupuskan.

Sekiranya didapati fizikal kenderaan tersebut masih selamat dan sesuai digunakan di atas jalan raya, maka kerajaan perlulah memberi kelonggaran daripada pelupusan. Setakat ini kerajaan masih belum lagi bercadang untuk melaksanakan cadangan kajian pelupusan kenderaan berusia lanjut kelak secara mandatori, kerana ianya membebaskan rakyat khususnya yang berpendapatan sederhana dan rendah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Chew Vun Ming.

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, jika kerajaan menguatkuasakan pengharaman ini, bagaimanakah kerajaan mengendalikan kenderaan yang melebihi 15 tahun ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah jelas pertanyaan itu Yang Berhormat? Sila ulangi Yang Berhormat.

Datuk Chew Vun Ming: Jika kerajaan menguatkuasakan pengharaman ini bagaimanakah kerajaan mengendalikan kenderaan yang melebihi 15 tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab kerajaan belum bercadang untuk mengharamkan. Sila Yang Berhormat, sila.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat seperti mana yang saya jawab tadi memang sebelum sebarang keputusan akan dibuat di dalam perkara ini kita akan meneliti semua aspek, maka setakat ini kita belum buat sebarang keputusan lagi. Sabarlah sedikit Yang Berhormat. Terima kasih.

16. **Tuan M. Munusamy** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, langkah-langkah yang telah dirancang oleh Majlis Ekonomi Belia Negara dalam usaha menggalakkan penglibatan belia India dalam aktiviti perniagaan selaras dengan matlamat RMK-9 untuk meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India kepada 3%.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penggalakan Ekonomi Belia, (MPEB) merupakan sebuah badan yang ditubuhkan dengan kebenaran Kabinet bagi tujuan menyelaraskan program-program pembangunan keusahawanan belia. Pada mulanya, daripada penubuhan MPEB telah mengambil tindakan proaktif dengan memperkenalkan beberapa langkah bagi tujuan menarik penyertaan ramai daripada golongan sasaran iaitu mereka yang berusia 18 tahun hingga 40 tahun. Golongan sasaran ini terdiri daripada mereka dalam lingkungan umur tersebut tanpa mengira kaum dan negeri asal serta jantina.

Tuan Yang di-Pertua, dari usaha promosi di bawah Kementerian Belia dan Sukan, kita telah menjalankan beberapa promosi untuk menggalakkan penggalakan ekonomi belia. Program promosi dan mendaftar maklumat dan minat belia dalam bidang keusahawanan di *Karnival Jom Heboh* bersama TV3, di *Perkampungan Hadhari* bersama TV9, di *Karnival DIGI, Gege Riu* bersama syarikat telekomunikasi DIGI dan bersama badan bukan kerajaan NGO, atas jemputan.

[Timbalan Yang di-pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, dari usaha promosi tersebut, MPEB telah berjaya mendaftar usahawan belia yang berminat dengan program pembangunan keusahawanan seperti mana yang berikut, jumlah 30,530 orang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terima kasih atas pelancaran program *Jom Heboh*. Saya juga telah melihat program ini dalam TV dan jawapan tadi ada 30,000 lebih yang telah respons. Dalam angka ini bolehkah kita dapat angka berkenaan dengan statistik belia-belia India dan juga belia-belia Cina yang telah terlibat dalam program ini? Satu lagi adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan penglibatan keluarga terhadap program-program meluaskan usaha bagi meningkatkan penglibatan belia-belia khasnya belia-belia India dalam sektor perniagaan? Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, penggalakan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan di bawah ekonomi tidak khusus untuk satu-satu kaum tetapi jumlah daripada 30,000, lelaki 14,277 perempuan 16,257. Cina dengan India, kaum Cina 411, India 274. Ini bukan mengikut statistik dan kita telah banyak menjalankan program tetapi hasil daripada program-program yang telah dijalankan kaum keturunan Cina dan kaum keturunan India ini memang kurang yang memohon bantuan.

Sekiranya Yang Berhormat ada siapa-siapa yang hendak dibantu, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat supaya mengemukakan permohonan tersebut kepada Kementerian Belia dan Sukan dan kita memang prihatin kepada semua kaum. Itu sahaja, terima kasih.

17. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Pelajaran menyatakan, bagaimana komputer-komputer di makmal sekolah diselenggarakan, dan adakah kementerian sedar bahawa terdapat banyak komputer di sekolah-sekolah yang rosak hingga mengganggu kelicinan pembelajaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komputer-komputer di makmal sekolah di selenggara oleh pihak kontraktor yang membekalnya. Selenggaraan komputer ini dilaksanakan selama tiga tahun tempoh ia dibekalkan. Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil maklum dan menyedari terdapat masalah kerosakan komputer di sekolah-sekolah dan perkara ini telah pun diambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor yang terlibat melakukan pembaikan seperti yang terkandung dalam kontrak.

Bagi pihak kontraktor yang gagal melaksanakan pembaikan, Kementerian Pelajaran mengambil tindakan berdasarkan syarat-syarat dan perjanjian seperti yang termaktub dalam kontrak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Abdul Rashid Ngah. Selepas itu Yang Berhormat Tuan Rawisandran.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana kementerian sedar adanya komputer-komputer yang rosak dan perlu diselenggarakan

dibaiki. Kita sedia maklum terdapat masalah kontraktor-kontraktor yang menghadapi masalah ketika memasangnya dahulu, kerana saya rasa kontraktor-kontraktor ini juga menghadapi masalah untuk terus menyelenggarakan komputer ini. Jadi bagaimanakah caranya dapat diyakinkan sekolah-sekolah yang menghadapi masalah berbulan-bulan kadang-kadang, bukan sebuah tetapi berpuluh-puluh buah komputer tidak dapat digunakan untuk pembelajaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, untuk kontraktor-kontraktor yang melanggar syarat, kementerian akan mengambil tindakan:-

- (i) kami akan memanggil syarikat yang terlibat dan kami akan memberi satu peluang untuk syarikat itu memberi penjelasan apakah sebab tindakan yang sewajarnya tidak diambil;
- (ii) kontraktor tersebut juga boleh didenda mengikut hari, biasanya dalam 3% daripada harga kontrak; dan
- (iii) kementerian boleh juga menamatkan perkhidmatan kontrak yang tersebut.

Di samping itu kementerian juga ambil tindakan yang lain iaitu selepas tempoh tiga tahun yang saya sebutkan tadi, selenggaraan ini akan dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor penyelenggara yang dilantik oleh BTMK iaitu Bahagian Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi Kementerian Pelajaran.

Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah juga melantik kontraktor berpusat bagi mengganti komputer-komputer bagi makmal komputer yang dibekalkan oleh kontraktor tersebut mengikut fasa-fasa. Untuk fasa satu kami pilih 88 sekolah bestari di mana 3,608 buah komputer telah digantikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Rawisandran.

■1140

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian bercadang membekalkan komputer-komputer baru ini kepada sekolah-sekolah Tamil dan sekolah Cina di negara ini yang termasuk Sekolah-sekolah Bantuan Modal.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, komputer ini dibekalkan kepada semua sekolah tak kira aliran dan untuk sekolah-sekolah yang tidak dapat mendapatkan bilik makmal iaitu 21 PC. Banyak sekolah juga telah diberikan dan dilaksanakan yang kami panggil satu cadangan satu pendekatan alternatif iaitu pusat akses di mana 10 PC dibekalkan dan setakat ini 326 pusat akses telah disiapkan dan di mana 574 dalam peringkat perancangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2007****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

11.43 pagi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa keperluan meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) adalah bertujuan untuk mengemas kini, menambah baik dan menjelaskan lagi peruntukan yang samar yang terdapat dalam akta tersebut. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 juga perlu dipinda bagi memastikan kesesuaian peruntukan akta ini dengan perkembangan semasa dan bagi memudahkan penguatkuasaannya.

Kementerian Sumber Manusia sentiasa berbincang dengan rakan sosialnya daripada pihak majikan dan pekerja dari semasa ke semasa untuk memupuk serta memelihara perhubungan perusahaan yang harmoni di antara majikan, pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja bagi membantu mengekalkan iklim pelaburan yang menarik serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia mengendalikan tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan pekerja ke atas majikan. Tuntutan pengiktirafan adalah suatu prasyarat bagi membolehkan kesatuan sekerja memulakan proses perundingan kolektif (*collective bargaining*) untuk mencapai perjanjian bersama (*collective agreement*). Tuntutan pengiktirafan ini melibatkan dua pemeriksaan utama iaitu pemeriksaan kelayakan dan pemeriksaan keahlian kesatuan.

Kedua-dua pemeriksaan ini pula sekarang ini dilakukan oleh satu jabatan lain di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja bagi mempercepatkan proses tuntutan pengiktirafan. Proses pemeriksaan keahlian kesatuan sekerja pekerja akan dikendalikan sendiri oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan, manakala proses pemeriksaan kelayakan akan dikekalkan dengan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja kerana isu kelayakan kesatuan akan melibatkan kuasa Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

Kedua-dua pemeriksaan keahlian dan kelayakan kesatuan ini akan diadakan secara serentak bagi mempercepatkan proses. Perkemasan proses akan mengelakkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk melengah-lengahkan penyelesaian tuntutan pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 juga tidak pernah disemak semenjak tahun 1990. Pindaan-pindaan tertentu yang dicadangkan telah perlu bagi memastikan peruntukan akta ini dapat memenuhi perkembangan dan keperluan semasa dalam perhubungan perusahaan di negara ini.

Pindaan ini juga telah mengambil kira pandangan-pandangan daripada berbagai-bagai pihak yang berkepentingan bagi memastikan pindaan yang dibuat adalah relevan dengan sistem perhubungan perusahaan pada masa kini. Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 – mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 – bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 177 untuk mencerminkan matlamat utama akta iaitu untuk menggalakkan dan mengekalkan keharmonian perusahaan.

Fasal 3 – bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 177 untuk memasukkan tarif baru “*Minister*”.

Fasal 4 – bertujuan untuk meminda seksyen 2A, Akta 177 untuk memastikan pelantikan seorang Timbalan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan dan juga untuk mengadakan jawatan baru Ketua Penolong Pengarah Perhubungan Perusahaan. Pindaan juga dibuat untuk menjelaskan bahawa pegawai yang dilantik di bawah seksyen 2A Akta 177 ialah pegawai daripada Skim Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Perusahaan.

Fasal 5 – bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 2B ke dalam Akta 177, supaya semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen 2A Akta 177 disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].

Fasal 6 – bertujuan untuk meminda perenggan 5(2)(b) Akta 177. Peruntukkan sedia ada telah pun membenarkan majikan mengehendaki orang yang dilantik atau telah dilantik atau dinaikkan pangkat ke jawatan pengurusan untuk berhenti menjadi anggota atau pegawai kesatuan sekerja tersebut. Pindaan ini bertujuan untuk memperluaskan juga sekatan ini kepada pekerja yang berjawatan eksekutif dan keselamatan.

Pindaan ini adalah untuk diselaraskan dengan peruntukkan subseksyen 9(1), Akta 177 yang tidak membenarkan kesatuan sekerja yang majoriti ahlinya bukan pekerja berjawatan eksekutif atau keselamatan untuk menuntut pengiktirafan terhadap kedua-dua kategori tersebut. Selain itu, Perlembagaan Kesatuan juga tidak membenarkan pekerja dalam kategori-kategori untuk menjadi ahli kesatuan tersebut di mana mereka bukanlah merupakan ahli majoriti.

Fasal 7 – bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 8(1a) ke dalam Akta 177 yang menyatakan bahawa peruntukkan seksyen 20 hendaklah terpakai bagi apa-apa aduan yang dibuat di bawah subseksyen 8(1), Akta 177 jika aduan itu berhubungan dengan pembuangan pekerja-pekerja supaya keseragaman dapat dicapai dalam mengendalikan kes pembuangan pekerja.

Fasal 8 – bertujuan untuk meminda seksyen 9, Akta 177 untuk menyelaraskan dan mempercepatkan proses tuntutan pengiktirafan. Pindaan ini mengehendaki majikan atau kesatuan sekerja majikan memutuskan sama ada untuk memberikan pengiktirafan atau tidak dalam tempoh 21 hari selepas penyampaian tuntutan pengiktirafan. Selepas tempoh 21 hari berakhir, kesatuan diberi tempoh 14 hari untuk melaporkan perkara ini kepada Ketua Pengarah dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan tuntutan bagi pengiktirafan disifatkan telah ditarik balik.

Walau bagaimanapun, kesatuan tersebut boleh memfailkan tuntutan pengiktirafan yang baru tanpa apa-apa sekatan. Tujuan pindaan ini dibuat adalah untuk membolehkan Ketua Pengarah mengambil tindakan segera untuk memproses tuntutan pengiktirafan di samping kesatuan sekerja lebih bertanggungjawab terhadap tuntutan mereka. Apabila laporan diterima daripada pihak kesatuan, Ketua Pengarah akan mengambil langkah untuk menentukan keahlian kesatuan melalui undi sulit dan kelayakan kesatuan tersebut. Ketua Pengarah juga diberi kuasa untuk memasuki mana-mana tempat pekerjaan untuk memeriksa apa-apa rekod atau dokumen atau menjalankan undi sulit.

Subfasal 9 (c) – bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 10(2) (c) ke dalam Akta 177 yang membenarkan majikan menamatkan perkhidmatan pekerja sementara menunggu pengiktirafan diselesaikan atas alasan persaraan, penamatan kontrak tempoh tetap, tidak disahkan jawatan bekerja dalam tempoh percubaan atau diberhentikan atas sebab perubahan.

Fasal 10 – bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta 177 untuk melarang kesatuan sekerja pekerja yang lain daripada menuntut atau diberi pengiktirafan jika tuntutan pengiktirafan telah dibuat oleh suatu kesatuan sekerja pekerja berkenaan dengan pekerja atau golongan pekerja yang sama sehinggalah tuntutan pertama itu diselesaikan.

■1150

Fasal 11 - bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 177 untuk melarang mana-mana kesatuan sekerja pekerja daripada membuat tuntutan selanjutnya. Berkenaan dengan pekerja atau golongan yang sama bagi tempoh enam bulan dalam hal keadaan jika tuntutan itu ditarik balik oleh kesatuan sekerja yang berkenaan selepas melaporkan kepada Ketua Pengarah di bawah subseksyen 9(4), Akta 177 atau tuntutan tersebut telah diputuskan oleh Menteri di bawah seksyen 9(5), yang menyebabkan kesatuan sekerja pekerja tersebut tidak diberi pengiktirafan.

Fasal 12 - bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 13(3A) ke dalam Akta 177, untuk menggalakkan peruntukkan berkenaan latihan, semakan semula tahunan bagi sistem upah dan sistem gaji berasaskan prestasi dimasukkan ke dalam perjanjian bersama.

Fasal 13 - bertujuan untuk memotong seksyen 15, Akta 177 untuk menghapuskan halangan terhadap perjanjian bersama bagi syarikat yang berstatus perintis dan mana-mana industri lain sebagaimana yang diwartakan oleh Menteri di bawah seksyen itu kerana peruntukkan ini tidak lagi relevan.

Fasal 14 - bertujuan untuk meminda subseksyen 16(5) Akta 177 untuk membenarkan Yang di-Pertua atau Pengerusi Mahkamah Perusahaan bersidang sendiri tanpa panel apabila menjalankan budi bicara di bawah subseksyen 16(2) Akta 177.

Fasal 15 - bertujuan untuk menggubal semula subseksyen 19B(1), Akta 177 bagi memperjelas peruntukkan tersebut.

Subfasal 16(a) - bertujuan untuk menggubal semula subseksyen 20(6), Akta 177 bagi memperjelas peruntukkan tersebut. Subseksyen 16(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 20(9) ke dalam Akta 177 yang memperuntukkan bahawa jika pekerja yang telah membuat representasi pemulihan kerja tidak menghadiri satu pun mesyuarat di bawah perenggan 20(8), Akta 177, tanpa alasan yang munasabah dengan itu disifatkan telah menarik balik representasinya.

Fasal 17 - bertujuan untuk meminda subseksyen 22(5), Akta 177 untuk membenarkan Yang di-Pertua Mahkamah Perusahaan bersidang sendirian tanpa panel apabila mengendalikan permohonan bagi rujukan ke Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen 33A(1).

Fasal 18 - bertujuan untuk meminda subseksyen 23(4), Akta 177 untuk membenarkan Pengerusi Mahkamah Perusahaan bersidang sendirian tanpa panel apabila mengendalikan permohonan bagi rujukan ke Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen 33A(1).

Fasal 20 - bertujuan untuk meminda perenggan 27(1)(c) dan (d), Akta 177, supaya perwakilan bagi pekerja tidak terhad kepada prosiding di bawah subseksyen 20(3), Akta 177 sahaja tetapi terbuka untuk semua prosiding di Mahkamah Perusahaan.

Fasal 21 - bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 29(fa) ke atas Akta 177, untuk membenarkan Mahkamah Perusahaan membatalkan atau menghidupkan semula kes di hadapannya.

Fasal 22 - bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 30(6A) ke dalam Akta 177, untuk mengehendaki Mahkamah Perusahaan dalam membuat *award* berkenaan dengan rujukan yang dibuat dalam subseksyen 20(3), mempertimbangkan faktor-faktor yang dinyatakan dalam "Jadual 2".

Fasal 23 - bertujuan untuk meminda subseksyen 33(5), Akta 177 untuk membenarkan Mahkamah Perusahaan yang ditubuhkan secara khusus di bawah seksyen 23 untuk mengendalikan tafsiran dan perubahan *award* atau perjanjian bersama.

Subfasal 25(a) - bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 40(2A), ke dalam Akta 177 untuk melarang piket dalam hal keadaan di mana prosiding Lembaga Penyiasatan masih belum selesai. Selepas pertikaian perusahaan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan selepas Yang di-Pertuan Agong atau pihak berkuasa negeri enggan memberikan kebenaran bagi rujukan petikan ke Mahkamah Perusahaan subfasal 25(b), bertujuan untuk meminda subseksyen 40(3), Akta 177, untuk menjadikan suatu kesalahan untuk melanggar subseksyen 40(2A), yang diterangkan.

Fasal 26 - bertujuan untuk memotong seksyen 51, Akta 177 kerana seksyen ini digubal semula dalam bahagian baru.

Fasal 27 - bertujuan memasukkan bahagian baru ke dalam Akta 177 bagi memberi kuasa kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan untuk menyasat kesalahan di bawah Akta 177. Seksyen baru 51A dan 51B memperkatakan pelantikan pegawai penyiasat dan penggunaan kad kuasa pegawai penyiasat. Seksyen 51C memperkatakan tentang pegawai penyiasat memasuki premis dengan waran untuk menggeledah dan merampas dokumen atau objek. Seksyen baru 51D memperkatakan kuasa untuk memeriksa dan memanggil orang bagi memberikan keterangan. Seksyen baru 51E dan 51F memperkatakan tentang kuasa pendakwaan dan kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat.

Fasal 28 - bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 54(4) ke dalam Akta 177 untuk mengelak Ketua Pengarah atau mana-mana pegawainya daripada di paksa untuk memberikan keterangan atau mengemukakan dokumen dalam mana-mana mahkamah berhubung dengan apa-apa perundingan atau prosiding perdamaian di bawah Akta 177.

Subfasal 29(a) - bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 56(2A) ke dalam Akta 177 untuk memberi Mahkamah Perusahaan kuasa apabila membuat perintah di bawah subseksyen 56(2) untuk mentafsirkan apa-apa perkara berkaitan dengan aduan yang dibuat.

Fasal 30 - bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 60A ke dalam akta 177 untuk memperuntukkan perlindungan kepada Ketua Pengarah atau pegawai lain yang dilantik atau diberi kuasa di bawah akta terhadap apa-apa tindakan atau pendakwaan jika tindakan itu dilakukan dengan suci hati bagi maksud melaksanakan akta.

Fasal 31 - bertujuan untuk meminda seksyen 61, Akta 177 untuk memberi Menteri kuasa untuk menambah, menggubal atau meminda Jadual Pertama atau Kedua melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 32 - bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 62(fa), dalam Akta 177 untuk memberi Menteri kuasa untuk mengadakan tatacara yang berhubung dengan tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan sekerja pekerja.

Fasal 34 - bertujuan untuk memasukkan Jadual Kedua baru ke dalam Akta 177.

Jadual Kedua yang dicadangkan menyatakan Mahkamah Perusahaan hendaklah menimbang faktor-faktor tertentu apabila membuat award yang berhubung dengan rujukan di bawah subseksyen 20(3) iaitu jika gaji ke belakang hendak diberikan. Gaji ke belakang tersebut tidak boleh melebihi 24 bulan dari tarikh pembuangan kerja berdasarkan gaji terakhir yang diberikan dan dalam kes pekerja yang dalam tempoh percubaan. Gaji ke belakang tidak boleh melebihi 12 bulan.

Faktor lain ialah terdapat pendapatan selepas pembuangan kerja, peratusan pendapatan itu yang akan diputuskan oleh mahkamah hendaklah dipotong daripada gaji ke belakang yang telah diberikan. Jika apa-apa *relief* diberikan ia tidaklah termasuk apa-apa pampasan bagi

kehilangan pendapatan masa hadapan dan mahkamah hendaklah mengambil kira salah laku sertaan - *contributory misconduct* pekerja itu.

Cadangan dan pindaan ini dibuat berasaskan kepada faktor-faktor berikut: pertama, peruntukkan mengehendkan gaji kebelakangan *back wages* telah pun diamalkan semenjak 20 tahun yang lalu apabila Nota Amalan 1/1987 diperkenalkan di Mahkamah Perusahaan; kedua, formula had maksimum 24 bulan gaji kebelakangan merupakan suatu asas untuk menilai dan meng *award* kan gaji kebelakangan seseorang pekerja secara munasabah dan adil dengan mengambil kira butir-butir relevan antara lain kehilangan gaji pekerja itu, tanggungjawab pekerja itu untuk litigasi kehilangan gajinya itu dan beban buktinya; formula itu membolehkan suatuimbangan dan kepentingan pihak-pihak bertikai diperoleh memandangkan ia mengambil kira tempoh masa secara realistik dan munasabah untuk seseorang pekerja memulihkan diri daripada pembuangan kerjanya.

■1200

Ia juga mengambil kira masalah dari segi kelewatan masa yang diambil untuk sesuatu kes itu melalui proses statutori rundingan damai, rujukan menteri dan perbicaraan. Kelewatan akibat perkara-perkara ini yang tidak sepatutnya meninggikan kuantum gaji kebelakangan yang di *award* kan kerana ini akan menyebabkan penalti ke atas majikan walaupun kelewatan itu bukan disebabkan oleh majikan tersebut.

Demi mengelakkan berbangkitnya kekeliruan di kalangan pihak majikan dan pekerja, apabila terdapat segelintir *award* Mahkamah Perusahaan yang meng *award* kan gaji kebelakangan lebih daripada 24 bulan dan bagi menggalakkan pihak bertikai menyelesaikan pertikaian mereka secara damai, adalah difikirkan wajar had maksimum 24 bulan gaji kebelakangan perlu diperuntukkan secara undang-undang bertulis.

Terdapat amalan di luar negara yang juga mengehendkan gaji kebelakangan seorang pekerja itu seperti di United Kingdom dan Australia. Di United Kingdom kuasa tribunal untuk meng *award* kan gaji kebelakangan adalah dihadkan oleh *Employment Rights Act 1996* seperti berikut:

- (i) tidak kurang daripada 26 minggu atau tidak lebih daripada 52 minggu gaji bagi kes-kes pembuangan kerja atas sebab-sebab diskriminasi seks dan diskriminasi kaum; dan
- (ii) tidak kurang daripada 13 minggu atau tidak lebih daripada 26 minggu, gaji bagi kes-kes pembuangan kerja atas sebab-sebab yang lain.

Di Australia, sekiranya didapati pekerja itu telah ditamatkan pekerjaan secara *harsh, unjust or unreasonable* di bawah *Workplace Relation Act 1996*, *Australian Industrial Relation Commission* hanya boleh meng *award* kan tidak lebih daripada enam bulan gaji kebelakangan kepada seseorang pekerja sebagai pampasan menggantikan pengambilan balik pekerja itu.

Fasal 35 bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam pindaan ini ialah pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 perlu dipinda bagi memperkemas akta ini dari segi prosedur kerja dan penguatkuasaan, supaya keharmonian hubungan perusahaan dapat dikekalkan dan dipupuk selaras dengan perkembangan semasa. Rang Undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. Sekian, saya ingin mencadangkan. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

12.03 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini. Akta ini amat penting seperti mana yang kita dengar tadi iaitu bertujuan untuk meningkatkan dan memelihara keharmonian industri khususnya di negara kita. Oleh sebab itulah kita merasakan kerjasama antara kerajaan, majikan dan juga pekerja cukup penting sebenarnya kerana ia menjamin kemajuan negara dan menjamin keharmonian industri di negara ini, agar kita ini terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada tema Hari Buruh di negara kita yang berbunyi "*Pekerja Produktif Negara Kompetitif*", maka sudah tentulah keharmonian industri itu akan memainkan peranan sebenarnya untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja kita ini produktif demi menjamin negara kita juga berdaya saing seperti yang selalu disebut oleh Perdana Menteri di dalam ucapan belanjawannya dan juga di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi persoalan di sini ialah, apakah yang dimaksudkan juga sebagai keharmonian industri ini, sebelum saya menyentuh dua, tiga perkara berkenaan fasal-fasal yang ada di dalam rang undang-undang ini. Bagi saya keharmonian industri ini sudah tentulah di mana kita harus mengutamakan soal kebajikan pekerja dari segi kesihatan, dari segi keselamatan di tempat kerja, dari segi kemudahan-kemudahan atau *benefits*, dengan izin, cuti, cuti sakit dan sebagainya, kemudahan tempat tinggal dan yang lebih pentingnya ialah tidak berlakunya diskriminasi pekerja terutamanya oleh majikan-majikan ini. Tadi juga ada disebut tentang diskriminasi gender ataupun diskriminasi agama.

Saya ambil contoh, umat Islam kalau pada hari Jumaat, kadang-kadang mereka menghadapi masalah untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Maka ini menimbulkan keresahan dan boleh mengakibatkan berlakunya apa yang dikatakan sebagai ketidakharmonian industri yang boleh menjejaskan produktiviti negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita ini mengamalkan satu dasar *pro-business economy*, dengan izin, iaitu kita ingin menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing di negara kita. Ini memang hasrat kita untuk memajukan negara tetapi kita tidak boleh lupa bahawa negara kita juga adalah ahli kepada *Industrial Labour Organization* (ILO). Kita juga menandatangani perjanjian-perjanjian seperti *human rights, United Nations*. Maka dalam hal ini kebajikan pekerja yang saya katakan tadi bahawa boleh menjamin keharmonian industri yang menyebabkan mereka lebih produktif, harus diambil kira apabila kita membuat satu undang-undang ataupun akta yang berhubung kait dengan soal kepentingan pekerja ataupun kesatuan sekerja.

Oleh sebab itulah barangkali di negara kita ini, kalau kita melihat dari segi keharmonian industri, memang kita berbangga bahawa di negara kita ini kalau berlaku piket pun, piket itu dilakukan secara aman. Kita jarang dan saya rasa tidak pernah melihat berlakunya demonstrasi-demonstrasi kesatuan sekerja yang begitu banyak berterusan tanpa henti seperti mana yang berlaku di negara-negara seperti Korea dan sebagainya yang akan menjejaskan lagi apa yang dikatakan sebagai hubungan baik antara majikan, pekerja dan juga kerajaan. Jarang sekali kita mendengar. Kalau ada pun ialah piket.

Baru-baru ini saya tengok di tempat saya, sebagai contohnya, ada beberapa kakitangan bank yang mengadakan piket di tepi jalan raya tetapi tidak mengganggu pun kelancaran trafik dan sebagainya. Oleh sebab itulah, saya rasa ini satu daripada puncanya barangkali kerana di negara kita ini, kita mempunyai apa yang dikatakan akta yang menjamin kepentingan pekerja. Sudah tentulah kita mesti berusaha untuk memperbaikinya supaya keharmonian industri ini dapat diwujudkan. Kita tidak mahu mereka berdemonstrasi seperti mana baru-baru ini kita dikejutkan di negara kita dengan demonstrasi yang dianjurkan oleh Hindraf yang lebih bersifat agama dan perkauman. Akan tetapi, kalau itu juga berlaku dan dilakukan oleh kesatuan sekerja maka apa akan jadi kepada negara kita. Dalam hal ini saya memang meminta kerajaan mengambil tindakan yang tegas menggunakan ISA ataupun OSA terhadap mereka yang terlibat dalam demonstrasi tersebut yang tujuannya hanya untuk memporak-perandakan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita ini seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kita adalah sebuah negara yang *pro-business economy* tetapi kita juga mesti ada akta ataupun undang-undang yang ketat untuk menjaga kepentingan pekerja. Ini tidak bermakna bahawa pelabur asing akan takut masuk ke negara kita ataupun menyebabkan kita tidak dapat menerima kemasukan wang daripada luar.

Saya mengambil contoh negara seperti Sweden. Sweden adalah antara negara yang mempunyai akta yang cukup ketat untuk memelihara kepentingan pekerjanya.

■1210

Tetapi kita melihat pekerja-pekerja di negara Sweden ini, ia adalah begitu produktif iaitu produktivitiya tinggi walaupun mereka mempunyai akta yang cukup ketat dalam soal kesatuan sekerja ataupun untuk menjaga kepentingan pekerja. Kalau kita mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh di sini mengenai dengan statistik yang dikemukakan baru-baru ini iaitu terdapat lebih kurang 144,800 majikan tidak mencarum PERKESO untuk 1.5 juta pekerja mereka.

Ini satu contoh barangkali ialah akta kita ini adalah terlalu longgar sebenarnya dalam memelihara kepentingan kebajikan pekerja sedangkan kita kata tadi bahawa tujuan kita di dalam Akta Perhubungan Perusahaan ini ialah untuk meningkatkan dan memelihara keharmonian industri. Jadi sebab itulah kita harus tegas sebenarnya, kita perlu mengetatkan lagi akta kita ini. Sebab itulah saya mengambil contoh di sini tentang fasal 4, 2A(c) ini seperti mana yang dijelaskan tadi.

Kalau kita merujuk kepada Fasal 4(2A)(C) ini, dimasukkan perkara baru iaitu *director general* kepada *industrial relation* ini ataupun Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan ini. Dikatakan beliau boleh *delegate powemya*, kuasanya kepada pegawai-pegawai yang lebih rendah untuk melaksanakan penguatkuasaan ini. Saya fikir ini adalah satu perkara yang mana boleh menyebabkan berlakunya *abused* ataupun salah guna sebenarnya iaitu ketua pengarah boleh *delegate* kuasanya kepada pegawai-pegawai bawahan untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan terutamanya dalam soal untuk mengiktiraf tadi yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, soal pengiktirafan dan ini membimbangkan kesatuan sekerja sebab kita tahu bahawa kesatuan-kesatuan sekerja ini penting sebenarnya untuk memelihara kebajikan pekerja yang bernaung di bawah mereka tetapi jika sekiranya perkara ini tidak jelas iaitu untuk melakukan delegasi ataupun *delegates*, dengan izin, kuasa ketua pengarah kepada pegawai-pegawai bawahan ini yang mempunyai ranking yang rendah, maka kalau tidak dijelaskan apakah hadnya dalam soal *delegation* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, maka ini sudah tentu akan menyebabkan apa yang dikatakan sebagai *abuse* kepada kesatuan sekerja ataupun pekerja itu sendiri.

Kalau merujuk kepada perkara fasal 9,10(2)(c) iaitu dimasukkan satu fasal baru mengenai kuasa majikan untuk menamatkan perkhidmatan pekerja ataupun perkhidmatan kontrak tempoh tetap, dengan izin, dalam bahasa Inggeris digunakan *fixed term contract*. Ini juga membimbangkan. Saya ingin penjelasan apakah yang dimaksudkan sebagai *fixed term contract* ini? Apakah jaminan tidak berlakunya *abuse*, salah guna terhadap kuasa yang diberikan ini iaitu soal penamatan kontrak ini. Apatah lagi di dalam akta ini tidak ada satu *provision*, dengan izin, satu peruntukan iaitu bagaimana kita boleh mengawal salah guna, terutamanya yang dilakukan oleh pegawai rendah yang diberikan *delegation of power* oleh ketua pengarah itu tadi. Kalau ini

berlaku, maka saya fikir sudah tentulah ia tidak akan menjamin keharmonian industri yang kita ingin capai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh fasal 16, 20(8)(b) ini iaitu panggilan untuk *conference*, mesyuarat. Ini juga mestilah dijelaskan iaitu untuk menjemput mereka ini iaitu jika sekiranya dia tidak mendapat satu cara bagaimana dia dijemput untuk menghadiri mesyuarat ataupun *conference* yang akan menentukan nasibnya. Sebagai contoh, kalau tidak digunakan surat berdaftar, kadang-kadang kita ini bila diberi amaran, katalah *bankruptcy*, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya disiarkan di surat khabar sahaja tanpa satu surat *registered*, kadang-kadang kita tidak tahu, tiba-tiba kita diisytiharkan *bankruptcy*.

Maka dalam kes ini juga, perlu jelas iaitu orang ini, maksudnya kalau jika tidak pekerja itu disifatkan sebagai menarik diri daripada 'representasinya' kalau dia tidak hadir tetapi bagi saya, kita harus jelas juga iaitu bagaimana maklumat itu disampaikan kepadanya supaya dia hadir *conference* ataupun mesyuarat untuk menentukan nasibnya ini. Kalau tidak, mereka boleh membuat keputusan untuk membatalkan 'representasinya.' Bagi saya ini tidak jelas sebenarnya di dalam akta ini. Perlu barangkali diperkuatkan iaitu bahawa maklumat itu mesti sampai melalui surat berdaftar ataupun *registered letter*, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya kata, satu lagi *abuse* yang boleh berlaku sebenarnya terhadap pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin menyentuh bahawa sampai bilakah kita dalam untuk menjaga keharmonian industri ini, sampai bilakah kita ingin melaksanakan apa yang dikatakan sebagai gaji minimum ini. Ini sudah lama diminta, dituntut oleh pekerja untuk keharmonian industri sebenarnya. Kita dahulu pernah tidak salah saya, lima tahun yang lalu kesatuan sekerja menuntut supaya gaji minimum RM900 dilaksanakan sebab ada pekerja-pekerja yang mempunyai gaji yang rendah yang bekerja di bidang perhotelan, pengawal keselamatan ada yang gaji RM500 lebih atau RM600 ke bawah.

Bagi saya ini adalah satu masalah yang besar sebenarnya. Sebab itulah apabila berlakunya kemasukan kebanjiran pendatang asing ini yang bekerja kerana mereka sanggup buat kerja tersebut sedangkan di negara kita tidak ada gaji minimum. Ini satu punca sebenarnya kemasukan pekerja asing di negara kita. Kenapakah maksudnya majikan ini yang untung besar yang mengaut keuntungan dengan mengeksploitasi tenaga pekerja ini, maka kita biarkan sehingga menyebabkan orang-orang kita tidak mahu bekerja dengan gaji yang sebegitu rendah dan ini sebenarnya memberi ruang kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara kita .

Sebab itu bagi saya, Akta Perhubungan Perusahaan ini harus memikirkan perkara-perkara seperti ini sebenarnya iaitu untuk memikirkan kembali cadangan tersebut. Itu lima tahun dahulu, RM900. Sekarang mungkin sudah berubah, mungkin RM1,000 gaji minimum ini yang perlu dilaksanakan di negara kita. Sebab majikan ini dia untung besar. Dia sentiasa untung, sedangkan kita...

Sebab itu saya kata bahawa yang saya nyatakan di peringkat awal, kalau tidak ada kerjasama antara kerajaan, majikan dan pekerja, pekerja hanya dilihat sebagai *tool*, sebagai alat yang dipergunakan. Itu pun alhamdulillah kalau negara kita seperti mana yang saya hujahkan tadi bahawa tidak berlaku apa yang dikatakan demonstrasi. Kalau ada pun, piket secara kecil-kecilan. Maka sebab itulah saya fikir kita harus memikirkan tentang nasib pekerja kita ini iaitu menyediakan apa yang dikatakan sebagai satu akta ataupun perkara yang mesti dimasukkan iaitu gaji minimum ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebut tentang bayaran balik gaji bagi mereka yang dikenakan tindakan. Kita sering mendengar tentang soal kelewatan dari segi pelaksanaan *awards*, bayaran balik ini sering lewat, lambat pembayaran balik ini berlaku dan saya fikir dari segi penguatkuasaan, maksudnya pekerja-pekerja yang dikenakan tindakan, kemudian mereka mendapat balik bayaran ini maka istilah ada satu fasal di dalam akta ini iaitu dari segi tempoh bayaran itu, mesti jangan begitu lambat bayarannya kerana ini juga membawa kesan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang harus juga difikirkan di dalam kita meminda akta ini iaitu soal tabung *retrenchment* ini sebab selama ini kalau pekerja-pekerja ini di *retrench* ataupun diberhentikan kerja, mereka barangkali hanya mendapat faedah, *benefit* daripada *benefits* yang sedia ada. Yang saya bimbang ialah bahawa *benefit* itu tidak dapat bertahan lama untuk menjamin masa depan mereka, sementara mereka untuk mendapatkan pekerjaan baru. Jadi saya fikir kerajaan mestilah memikirkan soal tabung *retrenchment* ini supaya ini juga dapat membantu pekerja-pekerja yang menerima nasib yang buruk ini.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin juga saya bangkitkan di sini ialah di negara kita ini ada lebih kurang 10.3 juta orang pekerja swasta. Kerajaan pun baru-baru ini sudah menaikkan gaji pekerja sektor awam. Pekerja sektor swasta ini, kita melihat bahawa mereka ini menuntut perkara-perkara yang masih lagi dalam pertimbangan kerajaan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita mestilah juga memikirkan nasib pekerja-pekerja ini. Kalau kita lihat sebagai contohnya, pekerja di sektor perladangan, mereka ini juga menerima nasib yang perlu diberikan perhatian sebenarnya dari segi kemudahan perumahan dan sebagainya.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berharap di dalam kita melakukan pindaan dan memasukkan perkara-perkara baru maka apa yang saya bangkitkan tadi itu diberikan perhatian khususnya gaji minimum ini. Ia adalah cukup penting sebenarnya untuk rakyat kita supaya kita dapat membangunkan negara kita dengan keringat kita sendiri dan tidak timbul nanti pekerja-pekerja Indonesia ini mengatakan dia dieksploitasi, maka mereka pula berdemonstrasi, menghantar memorandum dan sebagainya. Sampai bila maksudnya, kita nak mengatasi masalah demonstrasi ini akibat daripada orang lain mengambil peluang untuk mengeksploitasi keharmonian di negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Sing Chooi.

12.21 tgh.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas satu akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung Akta Perhubungan Perusahaan atau *Industrial Relations Act*, saya nak tanya semasa meminda akta ini, adakah perhubungan antara majikan dan pekerja pada masa kini diambil kira? Pada masa dulu, hubungan pihak majikan dan pihak pekerja selalu dilihat sebagai pihak yang bertentangan. Dalam *negotiating*, kalau majikan menang, pekerja kalah. Satu pihak menang, pekerja menang, majikan kalah. Adakah situasi baru di mana negara kita hendak mencari satu jalan supaya satu situasi menang-menang, *win-win scenario*, dengan izin untuk kita menghadapi globalisasi yang agak kompetitif ini. Adakah hubungan baru supaya *smart partnership*, dengan izin, antara majikan dan juga pekerja dan juga kesatuan-kesatuan pekerja itu dapat digalakkan dan diwujudkan supaya kita dapat menjalankan sesuatu dengan lebih produktif dan lebih kompetitif dan dapat meningkatkan daya saing negara kita. Adakah ini menjadi satu faktor yang penting dalam pindaan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan ini?

Yang kedua, saya juga nampak yang dibentangkan berkenaan dengan satu pindaan di mana sistem saraan berasaskan prestasi. Ini saya nak alu-alukan pada pindaan hari ini kerana kalau sistem saraan itu berkaitan dengan prestasi, produktiviti diambil kira dan jika produktiviti itu dipertingkatkan, maka saranan dan juga gaji atau upah atau elaun itu dapat dipertingkatkan. Saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua, berapa peratusan persatuan sekarang ini sudah menggunakan sistem saraan yang berasaskan prestasi. Pindaan rang undang-undang ini juga menyentuh berkenaan dengan Mahkamah Perusahaan dan juga saya diberitahu banyak kes-kes tunggakan. Banyak kes-kes yang menunggu keputusan atau dibicarakan. Saya nak tahu, berapa kes yang masih belum dijalankan atau sedang dibicarakan dan yang belum diadakan keputusan? Kes-kes ini berapa lama sudah di mahkamah? Kes-kes yang terpanjang sudah berapa lama?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya nak merujuk pindaan berkenaan dengan jadual iaitu fasal 34 ,Jadual Kedua. Jadual Kedua dalam pindaan ini adalah berikut:

Factors for consideration in making an award in relation to a reference under subsection 20(3):

- (i) in an event that backwages are to be given, such backwages shall not exceed twenty-four months backwages from the date of dismissal based on the last-drawn salary of the person who has been dismissed without just cause or excuse;*
- (ii) in the case of probationer who has been dismissed without just cause or excuse, any backwages given shall not exceed twelve months backwages from the date of dismissal based on his last- drawn salary;*

(iii) *any relief given shall not include any compensation for loss of future Earnings”*

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jadual ini, kita diberitahu di mana UK dan juga Australia, apa yang mereka buat, UK - 52 minggu untuk kes-kes utama dan yang lain-lain. Kes-kes yang lain 26 minggu. Australia enam bulan. Saya nak tahu apakah faktor-faktor yang diambil kira, yang kita ambil 24 bulan? 24 bulan itu apakah *consideration* nya? Untuk *probationer* ialah 12 bulan, tidak melebihi 12 bulan. Kalau 12 bulan dibandingkan dengan 24 bulan untuk pekerja tetap, perbezaan itu agak sangat kurang. Kalau *probationer* yang datang bekerja tiga bulan, enam bulan, tetapi pekerja-pekerja tetap itu bekerja di tempat atau di syarikat itu selama 10 tahun, 20 tahun, 25 tahun. Tempoh pekerjaan itu tidak seimbang dengan tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja itu. Saya nak tahu juga, apakah sebab untuk *compensation of loss of future earning* itu tidak diambil kira?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya nak sentuh ialah gaji minimum untuk pekerja-pekerja. Kami di Dewan diberitahu kerajaan akan mengkaji gaji minimum mengikut sektor. Saya nak tahu, apakah perkembangan berkenaan hal ini dan apakah statusnya sekarang ini? Adakah kerajaan sudah berbincang dengan kesatuan-kesatuan, sektor-sektor yang berkenaan dan juga bilakah dapat kerajaan menentukan gaji minimum untuk sektor-sektor yang ditentukan.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sentuh mengenai pekerja asing dan juga berkaitan dengan gaji minimum tadi. Kalau tidak ada gaji minimum maka majikan-majikan mengambil peluang-peluang ini untuk mengupah pekerja asing bekerja melebihi lapan jam, 12 jam dan membayar gaji-gaji yang rendah. Ini akan mengeksploitasikan bukan sahaja pekerja-pekerja asing yang mengikut ILO yang disebutkan oleh rakan saya tadi tetapi juga mengeksploitasi dan juga mengurangkan peluang untuk orang-orang tempatan untuk bekerja di situ.

Saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, adakah penguat kuasa kementerian yang pergi ke tempat-tempat ini tidak memeriksa sama ada pekerja-pekerja asing itu bekerja lebih atau *over time* dan gaji-gaji yang mereka dapat itu terlalu rendah? Ini sudah menjadi satu *excuse* bagi majikan untuk mengambil pekerja asing dan tidak berniat mengambil pekerja-pekerja tempatan. Ini yang telah disebut oleh saya pagi tadi semasa Sesi Pertanyaan Jawab Lisan.

Saya juga hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, adakah hak-hak pekerja asing ini juga sama dengan hak-hak pekerja tempatan. Di bawah akta ini juga, adakah masa mereka bekerja dan yang lain-lain itu adalah terpakai untuk pekerja asing juga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertanyaan-pertanyaan yang tadi, saya juga mengalu-alukan supaya kementerian dapat bekerja dengan kesatuan-kesatuan sekerja supaya dapat satu persetujuan. Juga majikan-majikan *third parties* itu dapat bekerja dengan efektif supaya negara kita dapat meningkatkan daya saing untuk menghadapi globalisasi. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Mumtaz dan selepas itu Tuan Munusamy.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Perhubungan Perusahaan 1997. Saya mempunyai beberapa perkara untuk dicadangkan kepada pihak kerajaan dalam melaksanakan Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan ini.

Yang pertama, sebagaimana yang disebut dalam perusahaan ini, pekerja mempunyai banyak hak yang boleh mereka tuntutan daripada pihak majikan. Walau bagaimanapun, memandangkan bilangan pekerja ini ramai dan mungkin tidak semuanya mendapat pendidikan yang tinggi, saya mencadangkan pihak kerajaan menubuhkan pusat aduan bagi setiap negeri bagi pekerja-pekerja mengetahui hak-hak mereka sebagai pekerja. Pusat-pusat seperti ini ataupun perpustakaan begini akan memberikan peluang kepada pekerja-pekerja yang mungkin dianiaya untuk mengetahui hak-hak mereka secara terperinci.

Yang kedua, laporan mahkamah berkenaan dengan kes-kes melibatkan kes-kes perusahaan. Diwajibkan kepada tempat-tempat sebegini untuk mempunyai jurnal-jurnal yang lengkap untuk dirujuk oleh mana-mana pekerja sebelum mereka mengemukakan mana-mana kes kepada Mahkamah Perusahaan kerana kefahaman pekerja terhadap hak-hak ini akan membantu mereka mengendalikan ataupun memberikan keterangan yang baik semasa mereka menghadiri Mahkamah Perusahaan.

Yang ketiga, saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewajibkan pendidikan tentang hak-hak ataupun perkara yang perlu difahami oleh pengusaha-pengusaha ataupun pekerja-pekerja sebelum mereka menubuhkan mana-mana syarikat. Seperti mana kita lihat sekarang untuk menjadi seorang kontraktor, orang-orang yang ingin menubuhkan syarikat kontraktor mesti menghadiri dan mempunyai beberapa sijil sebelum mereka ini layak menjadi kontraktor berdaftar. Jadi adalah perlu kepada perusahaan juga untuk wajib memahami hak-hak dan tanggungjawab mereka bila mereka menjadi satu perusahaan.

Seterusnya berkenaan dengan kemudahan yang tidak mesra pekerja. Kita melihat dalam akhbar baru-baru ini dilaporkan bahawa banyak rungutan yang dikeluarkan oleh pelancong-pelancong asing terutama yang beragama Islam bahawa hotel-hotel ataupun tempat-tempat pelancongan di Malaysia ini tidak mesra orang Islam khususnya berkaitan dengan tandas. Jadi perkara ini bukan hanya berkenaan dengan hotel. Sebenarnya untuk pekerja, banyak juga perusahaan yang tidak menyediakan kemudahan untuk orang Islam bersolat khususnya berkaitan tandas dan tempat solat yang tidak sesuai, yang tidak mesra kepada pekerja. Dalam gerakan kita untuk memastikan pembangunan insan itu berjalan lancar, seharusnya pihak kerajaan mempunyai polisi untuk memastikan perusahaan-perusahaan ini membuat kemudahan-kemudahan yang mesra pekerja.

Begitu juga dengan masa depan pekerja, bila perusahaan ditutup. Sekarang saya memohon pihak kerajaan untuk memberikan jawapan. Adakah kita mempunyai mekanisme untuk memastikan mana-mana perusahaan yang ditutup, semua dokumen yang berkaitan dengan pekerja akan disimpan di mana-mana tempat. Ini kerana berdasarkan kes-kes di mahkamah, sekiranya pekerja-pekerja menghadapi kemalangan jalan raya ataupun kemalangan-kemalangan industri dan tempat tersebut ditutup, ini menyukarkan pihak mahkamah untuk memanggil saksi-saksi khususnya pekerja-pekerja ataupun orang-orang yang menjadi pengusaha untuk memberi keterangan di mahkamah.

Jadi perkara ini sekiranya berlaku, menjejaskan hak pekerja untuk menuntut ataupun mendapatkan keterangan yang sewajarnya bagi membantu mereka memberikan keterangan di mahkamah. Sekiranya perkara ini tidak ada, saya memohon agar pihak kerajaan mewujudkan mana-mana akta ataupun memasukkan dalam mana-mana akta yang berkaitan satu klausa khas yang memastikan kesemua dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pekerja dan khususnya gaji mereka disimpan sekurang-kurangnya enam tahun sebelum dilupuskan, sebelum mana-mana perusahaan dibenarkan ditutup secara rasmi.

Yang seterusnya, berkaitan juga dengan pekerja dan perusahaan ialah tentang gaji minimum. Saya menyokong cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator sebelum ini, berkenaan dengan keperluan pihak kerajaan menentukan gaji minimum kepada pekerja terutama dalam sektor yang membabitkan semua orang, khususnya berkaitan dengan pembantu rumah. Pembantu rumah sekarang bukan lagi dikenali sebagai satu sektor pekerjaan yang berdaftar di Malaysia. Saya cadangkan kepada pihak kerajaan sebagaimana yang diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang ingin menganjurkan, agar industri atau sektor pekerjaan pembantu rumah ini dijadikan satu usaha oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini tidak ada perkembangan positif tentang perkara ini. Oleh yang demikian, saya mencadangkan pihak kerajaan untuk mewujudkan satu akademi latihan pembantu rumah yang menetapkan juga pembantu rumah tempatan ini mendapat gaji sekurang-kurangnya RM600. Ini kerana kita melihat sekarang, pekerja-pekerja di Malaysia terpaksa bergantung kepada pembantu-pembantu asing yang juga gaji mereka tinggi dan untuk mendapatkan pekerja juga memerlukan kos tinggi untuk permulaan. Jadi sekiranya perkara ini diambil serius oleh pihak kerajaan dan juga pihak perusahaan, sebenarnya ia membantu banyak pihak. Jadi sampailah masanya, kalau kita mempunyai pelbagai jenis akademi, maka akademi untuk latihan pembantu rumah tempatan juga sepatutnya diwujudkan.

Saya juga ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, apakah piagam pelanggan yang diguna pakai oleh kementerian untuk penyelesaian kes-kes yang dikemukakan di Mahkamah Perusahaan dan bilangan Mahkamah Perusahaan di seluruh negara. Menyentuh tentang akta secara spesifik di bawah seksyen 51(d), berkaitan dengan pemeriksaan *power to examine person*,

di bawah subseksyen 2(a), di baris akhir ada menyebut "...and shall not refuse to answer any question on the ground and that intent to incriminate him or his spouse".

Saya ingin bertanya, apakah rasionalnya memasukkan perkataan, "*his spouse*", dalam konteks ini? Ini kerana kita melihat dalam akta-akta lain, jarang kita melihat orang-orang yang memberikan keterangan dan begitu juga memberi keterangan yang berkaitan dengan pasangan mereka.

▪ **1240**

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy.

12.40 tgh.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Saya cuma ada dua, tiga perkara sahaja. Satu berkenaan dengan beberapa perkhidmatan khasnya kemudahan-kemudahan yang diberi kepada pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja ladang. Terdapat pada satu ketika kerajaan telah memperkenalkan Skim Perumahan bagi pekerja-pekerja ladang dan kami mendapati bahawa hanya beberapa syarikat ataupun hanya beberapa ladang-ladang sahaja telah melaksanakan program-program ini.

Apabila ladang-ladang ini dilibatkan dalam pembangunan, ramai pekerja ladang khususnya pekerja-pekerja dari masyarakat India sentiasa dikeluarkan atau di *retrench* tanpa mendapat kemudahan dari pihak majikan khususnya dalam tempat tinggal perumahan dan juga pekerjaan. Oleh itu masyarakat India menghadapi banyak masalah apabila mereka telah berpindah dari kawasan perladangan ke kawasan bandar. Mereka terpaksa menyewa ataupun membina rumah-rumah setinggan dan duduk di kawasan-kawasan terpinggir. Apabila mereka duduk di kawasan seperti ini, banyak masalah sosial yang dihadapi oleh mereka.

Oleh itu, kerajaan perlu mengambil kira perkara ini khasnya dalam sektor perladangan supaya Skim Perumahan bagi pekerja-pekerja ladang itu dilaksanakan di semua perladangan khasnya apabila perladangan itu diambil alih untuk pembangunan. Ada banyak kawasan perladangan apabila kawasan itu dibangkit ataupun dibangunkan sebagai Skim-skim Perumahan. Ramai penduduk dan pekerja ladang itu diabaikan seperti begitu sahaja dan mereka tidak diberi perumahan. Ada juga kes di mana ada sebahagian pihak perladangan memberi rumah kepada mereka, tetapi mereka kena bayar sepenuhnya. Apabila mereka pekerja-pekerja ladang itu telah bekerja di kawasan itu generasi demi generasi, ada juga dua tiga generasi mereka bekerja di ladang itu apabila mereka dipanggil keluar, mereka tidak ada kawasan untuk tinggal.

Apakah sebabnya pihak majikan tidak boleh memberi satu subsidi atau memberi keistimewaan kepada mereka dari segi kos rumah, membantu mereka membeli rumah-rumah yang dibina oleh syarikat-syarikat itu. Saya rasa apabila perkara-perkara seperti itu diambil kira, banyak

masalah perumahan di kalangan pekerja-pekerja ladang terutamanya di dalam kalangan masyarakat India akan diatasi.

Satu lagi perkara berkaitan dengan perumahan juga, terdapat banyak kilang di kawasan perkilangan memberi kemudahan perumahan kepada pekerja-pekerja asing. Mereka memberi hostel kepada mereka.

Bagi pekerja-pekerja tempatan, mereka diabaikan. Banyak kilang tidak memberi elaun rumah atau perumahan kepada mereka. Apakah salahnya sekiranya kilang-kilang besar, menyewa rumah-rumah murah di satu-satu taman untuk diberi kemudahan kepada pekerja-pekerja tempatan. Apabila kita beri pekerja-pekerja asing kemudahan seperti ini, pekerja-pekerja tempatan ramai duduk di kawasan perumahan dengan membayar sewa sehingga RM300, RM400. Manakala gaji mereka tidak sampai RM1000.

Oleh itu, saya rasa akta ini juga perlu mengambil kira perkara-perkara kemudahan seperti ini khasnya pekerja-pekerja tempatan. Satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan ialah gaji minimum. Saya setuju dengan ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercadang supaya gaji minimum ini perlu dipercepatkan.

Pihak MTUC telah menuntut supaya semua sektor supaya semua sektor diberi gaji minimum bagi sektor awam. Kerajaan pun telah bersetuju untuk memperkenalkan gaji minimum bagi beberapa sektor, tetapi saya rasa perkara ini haruslah dipercepatkan khususnya dalam masa keadaan yang mana harga-harga barangan telah naik. Pihak MTUC juga telah bercadang supaya untuk memboikot pembelian barang-barang. Itu adalah satu cara MTUC walaupun respons itu tidak begitu banyak tetapi sentimen pekerja-pekerja itu perlu kita mengambil kira.

Oleh itu saya rasa gaji minimum bagi semua sektor haruslah dilihat semula dan diperkenalkan dengan secepat mungkin. Satu lagi perkara berkaitan dengan kemudahan insurans bagi pekerja-pekerja.

Walaupun pekerja-pekerja tempatan ini ada insurans SOCSO, tetapi saya rasa kadang-kadang ramai pekerja ini menghadapi banyak masalah untuk menuntut SOCSO. Kita telah melihat dalam media, banyak masalah berkenaan dengan SOCSO. Kadang-kadang ada juga pihak majikan yang memotong gaji untuk SOCSO bagi pekerja-pekerja tetapi tidak bayar kepada pihak SOCSO. Baru-baru ini, dua minggu lalu saya telah mendapat satu kes yang mana seorang pekerja *security guard* telah mengalami kemalangan, tetapi apabila kita *check* dengan pihak SOCSO, majikan itu tidak membayar SOCSO kepada pekerja.

Walaupun dalam *pay slip* itu ada potongan gaji bagi SOCSO. Ini telah menyebabkan banyak masalah. Oleh itu saya rasa bahawa walaupun ada undang-undang untuk memaksa pihak majikan memotong SOCSO kepada pekerja-pekerja dan baru-baru ini pihak kerajaan pun telah meninggikan had gaji bagi pemotongan SOCSO,, saya percaya perkara ini harus diambil kira sebab SOCSO ini walaupun dapat meliputi semua pekerja, ramai juga menghadapi masalah di

kalangan masyarakat pekerja untuk menuntut daripada SOCSO ini. Saya rasa ini adalah dua tiga perkara yang ingin saya bangkitkan di sini. Dengan ini saya terus menyokong.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah ada ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bercadang untuk berbahas? Tidak ada. Jadi saya minta Yang Berhormat menteri untuk menjawab.

12.49 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan serta memberikan pandangan terhadap beberapa isu dan juga menyentuh khusus mengenai pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini.

■1250

Saya ingin mulakan dengan pandangan daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan juga pandangan yang berhubung dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai dengan isu gaji minimum yang menjadi isu yang banyak disentuh tadi.

Perlu saya jelaskan bahawa gaji minimum ini tidak boleh kita berikan secara keseluruhan kepada semua pekerja kerana kita masih bergantung kepada beberapa faktor-faktor tertentu. Pertamanya, kebolehan, keupayaan pekerja itu sendiri. Kalau pekerja itu diberikan gaji minima, maka kita dapati kalau sekiranya keupayaan pekerja itu sendiri tidak dapat memberikan sepenuh keupayaan dan juga tanggungjawab kepada majikan, maka kita memberikan satu keadaan yang tidak adil kepada majikan itu sendiri.

Faktor kedua juga dalam soal juga minimum ini kita perlu melihat kepada keupayaan majikan itu sendiri. Kalau majikan itu tidak berkeupayaan, maka kita menentukan satu peraturan khusus untuk menentukan gaji minima. Maka kita dapati majikan itu sendiri akan tidak boleh bergerak dan tidak boleh beroperasi dengan baik. Terdapat juga majikan-majikan yang berkeupayaan dan berkebolehan, maka itu boleh kita tentu ataupun kita tetapkan gaji minima. Sebab itu hari ini pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun menetapkan kepada lima kategori gaji minimum seperti pekerja ladang, pekerja hotel, pekerja klinik, sekuriti, pihak keselamatan, pemunggang, kapal dan juga kontena.

Di samping itu juga kita mengkaji beberapa sektor-sektor gaji minimum yang lain. Begitu juga kalau Tuan Munasamy umpamanya ingin menjelaskan serta mengatakan bahawa gaji minimum ini perlu ditetapkan dalam semua kategori, maka sudah tentulah pekerja asing juga kita perlu tetapkan satu bentuk gaji minimum. Jadi kalau kita tetapkan gaji minimum sebagaimana yang telah dituntut oleh MTUC iaitu RM900 sebagai asas dan RM300 gaji COLA, sudah tentulah negara kita ini berlambak dengan pekerja asing dan juga mengutamakan pekerja asing. Sesetengah majikan ataupun *investors* yang melabur ke sini dan melupakan kepada pihak-pihak yang lain dan kita akan dibanjiri sepenuh-penuhnya oleh pekerja asing.

Gaji yang ditetapkan walaupun tidak mencapai pada gaji *basic* RM900, ataupun COLA RM300, gaji-gaji yang diberikan kepada pekerja asing ini jauh lebih baik, jauh lebih lumayan daripada apa yang diberikan oleh pihak negara-negara asal. Perlu diingat dalam Akta Pekerja kita bahawa layanan kepada pekerja asing mahupun pekerja tempatan adalah sama, baik dari segi perumahan, tempat tinggal, gaji, bonus, kemudahan-kemudahan yang lain, mahupun insentif-insentif yang lain. Sebab itu kita perlu berhati-hati.

Begitu juga gaji minimum ini, kita juga dasarkan kepada insentif-insentif yang tertentu. Terutamanya pekerja-pekerja di hotel, penjual-penjual kereta, pekerja-pekerja insurans, kita tidak boleh letakkan satu gaji minimum kerana kalau kita memberi gaji minimum kepada mereka, mereka sudah tentu tidak akan keluar daripada ofis untuk mencari pelanggan, tidak akan berdaya saing dan juga tidak akan berdaya maju.

Dalam soal mereka yang menjadi jurujual, dalam soal mereka yang keluar ataupun mencari pelanggan, boleh dikatakan tidak ada negara yang meletakkan satu gaji minimum kepada sektor ataupun pekerja-pekerja yang seperti ini. Begitu juga kita...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin bertanya bagaimana sebenarnya kita hendak mengukur majikan yang berupaya dengan majikan yang tidak berupaya dalam soal hendak melaksanakan gaji minimum ini. Sebab kalau itu yang menjadi isu, saya fikir ia akan berterusan. Maksudnya ramailah nanti majikan yang mengatakan tidak berkeupayaan untuk membayar gaji minimum. Ini yang saya kata bahawa memberi ruang berlakunya *abuse*, salah guna jika ini menjadi hujah kepada kita untuk tidak dapat melaksanakan gaji minimum.

Yang kedua ialah saya agak hairan juga iaitu bahawa apakah dengan melaksanakan gaji minimum ini menyebabkan berlaku banjir pekerja asing ke negara kita sedangkan tujuan kita hendak melaksanakan gaji minimum ini ialah supaya orang tempatan kita bekerja dengan gaji minimum ini, supaya maksudnya tempat itu oleh kerana gajinya rendah, tidak diisi oleh pekerja-pekerja asing. Jadi saya tidak tahulah maksudnya mana satu yang betul kalau dalam soal seperti ini iaitu kita hendak jadikan alasan bahawa gaji minimum tidak boleh dilaksanakan kerana takut banjir pendatang asing. Sedangkan tujuan kita ialah gaji minimum ini supaya pekerja asing tidak mengambil tempat peluang pekerjaan yang gajinya terlampau rendah yang mereka sanggup buat sebab di tempat mereka susah untuk mencari kerja. dan Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu bahawa dalam soal ini bahawa soal COLA tadi tidak berbangkit, itu bukan soal gaji. Maksudnya takkanlah pendatang asing itu kita hendak beri juga.

Saya tidak tahu apakah kita tidak boleh membuat satu peraturan bahawa gaji minimum ini hanyalah wajib untuk pekerja tempatan. Maksudnya mengapa kita tidak boleh membuat satu

peraturan bahawa pekerja asing tidak boleh mendapat kemudahan gaji minimum ini. Apakah tidak boleh dibuat peraturan itu sebenarnya dari segi undang-undang kita? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak ambil satu contoh yang mudah bagaimana kita hendak lihat yang berupaya dengan tidak berupaya. Katakan kita tetapkan satu angka minimum sebagaimana yang telah dituntut oleh sesetengah pihak. Kepada majikan yang memiliki pembantu rumah, maka kita ambillah gaji itu RM1,200, apakah mampu majikan-majikan dalam negara kita, dalam Malaysia ini untuk membayar gaji minimum sedemikian rupa? RM1,200 sekurang-kurangnya. Sudah tentulah akan melibatkan tidak kurang daripada 320,000 lebih majikan-majikan yang terpaksa berkeadaan begini. Itu satu perkara.

Yang kedua juga kita melihat dalam sektor-sektor secara keseluruhan. Sebagaimana sektor-sektor tadi yang saya sebutkan umpamanya dalam bidang perhotelan, pemungkah kapal, sekuriti, ataupun pekebun-pekebun di ladang-ladang yang ada sama ada di Sabah dan juga di Sarawak untuk memperoleh gaji minimum.

Jadi kita melihat keupayaan mereka juga berdasarkan kepada bentuk pekerjaan dan juga keupayaan majikan-majikan itu sendiri berasaskan kepada gaji yang mereka terima. Jadi kita tidak boleh sembarangan memberikan satu formula bahawa keseluruhan untuk pekerjaan ini perlu diadakan gaji minimum kerana ini boleh mematikan ataupun menjerumuskan majikan itu dalam keadaan yang tidak upaya mereka lakukan.

Perkara yang kedua yang disebut apakah dengan melaksanakan gaji minimum, akan banjir pekerja-pekerja. Sudah tentu kerana walaupun dianggap rendah oleh pekerja majikan tentang gaji yang diperoleh, tetapi kalau pekerja Bangladesh, Pakistan mahupun daripada Indonesia dan Myanmar, gaji yang mereka terima itu berkali-kali ganda tingginya daripada apa yang diperoleh daripada negara-negara mereka.

Jadi kita tidak boleh menolak serta menafikan bahawa gaji yang diberikan secara minimum untuk tidak kita mengatakan bahawa ianya bukan satu faktor tarikan kepada kebanjiran pekerja-pekerja asing. Sekarang ini pekerja-pekerja asing walaupun gaji mereka RM400, RM500 atau RM600, tetapi berebut-rebut untuk datang ke mari, ramai datang ke mari. Malah gaji dalam sektor buruh pun jika dibandingkan dengan gaji peringkat eksekutif sesetengah negara saya sebutkan tadi, gaji buruh di sini jauh lebih baik daripada gaji-gaji pegawai yang diperoleh di negara-negara mereka.

Perlu juga kita ingat bahawa ikut amalan Akta Pekerja kita bahawa kita tidak boleh mendiskriminasikan pekerja asing dengan pekerja tempatan terutama dalam perkara-perkara yang bersifat pokok seperti gaji, bonus, insentif, tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Kalau ianya juga bersifat diskriminasi, itu adalah merupakan pengecualian ataupun tersisih daripada undang-undang yang terkandung dalam Akta Pekerja kita ataupun Akta Perhubungan Perusahaan ataupun dalam Akta Pampasan Kerja 1952. Jadi ini, itulah keadaan-keadaan yang

kita rasakan kita tidak boleh lakukan. Walaupun kita sedar bahawa terdapat sesetengah sektor yang begitu merunsingkan dan mendapat simpati daripada kerajaan.

Oleh itu kita sedang meneliti...

Tuan M. Munusamy: Yang Berhormat...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Munusamy: Satu perkara saja...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh kemukakan penjelasan itu selepas ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah menggulung sekarang?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya nak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan dan Timbalan Menteri setuju dengan pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi tadi bahawa gaji minimum ini akan menarik dan memberi galakan kepada rakyat tempatan untuk memasuki dalam pekerjaan di kilang-kilang dan juga di pihak swasta, khasnya sektor yang dikatakan pekerjaan 3D ini.

Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Gaji minimum dalam sektor yang bersifat 3D, "*dirty, dangerous and difficult*" ini, atau kotor, bahaya dan susah, tidak semestinya dapat menarik pekerja-pekerja tempatan. Walaupun ia boleh disifatkan sebagai salah satu cadangan yang terbaik. Ini kerana, yang disifatkan 3D sekarang ini terutamanya sektor pertanian, perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan.

Daripada data-data yang kita ada di Kementerian Sumber Manusia melalui pendaftaran di *electronic labor exchange* atau ELX, sangatlah sukar untuk memperoleh pekerja-pekerja tempatan untuk terlibat dalam sektor-sektor ini, walaupun gaji agak menarik.

Namun ia tidak menjadi satu kesukaran untuk menarik minat pekerja-pekerja asing untuk melabur. Ini kerana sektor 3D ini bersifat kudrat dan juga bersifat mereka yang tidak berkelulusan. Sebagaimana pencari-pencari kerja di Malaysia ini, kebanyakannya ialah mereka yang agak

mempunyai kelulusan, walaupun peringkat PMR, SRP dulunya, ataupun SPM. Jadi ini, saya boleh katakan ianya bukanlah faktor yang mutlak.

Walau bagaimanapun, kita juga mempunyai satu sifat yang *emphatic*, sifat yang mesra dan juga sifat yang dikatakan untuk membantu pekerja-pekerja ataupun orang-orang Malaysia.

Dalam kita menentukan gaji minimum, kerajaan telah menetapkan lima kategori yang telah saya sebutkan tadi dan juga tujuh kategori baru dalam menentukan gaji minimum yang melibatkan kira-kira 1.2 juta pekerja. Jadi kalau ada pihak-pihak tertentu yang mendakwa bahawa kerajaan tidak sensitif, kerajaan tidak *emphatic* kepada rakyat tempatan untuk tidak memberikan satu gaji minimum, memang salah dan tidak betul.....

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada jawapan yang telah dikemukakan tadi, kelihatannya pihak kerajaan keberatan untuk mengadakan had gaji minimum memandangkan beban yang mungkin akan ditanggung oleh majikan.

Soalan saya, adakah setakat ini pihak kerajaan telah mengadakan satu kajian konkrit kepada majikan-majikan di Malaysia atas implikasi sekiranya gaji minimum ini ditetapkan oleh pihak kerajaan kepada swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat menjawab itu, adakah Yang Berhormat sudah selesai menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy tadi, kemudian beralih kepada jawapan ini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tadi sudah selesai tetapi ada soalan-soalan..

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan dulu, kemudian. Ini kerana saya nak sedikit tunjuk ajar kepada Ahli-ahli Dewan, biarlah satu-satu hujah itu dibungkus elok-elok baru bangun dengan yang lain.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bungkus ni. Kepada Yang Berhormat Tuan M. Munusamy....

Tuan Yang di-Pertua: Kepada soalan yang diperdengarkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Tuan M. Munusamy juga memberikan hujah-hujahnya untuk melihat dalam beberapa perkara ataupun hal-hal lain, iaitu yang disebut oleh beliau tentang pekerja ladang yang diberhentikan, yang tidak diberikan rumah percuma.

Ingin saya jelaskan bahawa pekerjaan dan rumah percuma atau subsidi, beli rumah yang dimajukan majikan ladang, adalah dua perkara yang berlainan. Itu pada masa ini tidak ada satu peraturan mewajibkan majikan memberi rumah percuma atau subsidi oleh majikan kepada pekerja-pekerja yang terlibat. Ini kerana ada rumah-rumah pekerja yang terlibat dengan pembangunan.

Walau bagaimanapun, kerajaan amat prihatin dalam hal ini dengan menjalin kerjasama rapat dengan kerajaan negeri untuk menentukan beberapa syarat ataupun keutamaan majikan dalam jangka panjang. Begitu juga kita dapati banyak rumah-rumah yang telah diberikan, didirikan untuk kebaikan dan juga kesenangan pekerja-pekerja ladang itu sendiri.

Untuk makluman, kita juga ada satu skim di bawah kerajaan negeri yang dikenali sebagai Lembaga Tanah Ladang, di mana lembaga ini mengambil pandangan dan juga kepentingan pekerja-pekerja di ladang-ladang.

■1440

Realitinya boleh saya katakan bahawa majikan ada menyediakan rumah bagi pekerjanya sama ada orang tempatan mahupun pekerja-pekerja asing. Saya juga hendak sebut tentang masalah pekerja yang menuntut faedah daripada PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang agaknya boleh Yang Berhormat menyimpang lagi sedikit. Kalau Yang Berhormat masih ingat, sila ulangi Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat boleh menyimpang kepada Yang Berhormat Mumtaz?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sekarang. Silakan Yang Berhormat kemukakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mumtaz iaitu beban yang ditanggung oleh majikan dalam soal menentukan gaji minimum. Jadi ingin saya tegaskan sebenarnya tanggungan itu bersifat sangat subjektif. Ada yang saya sebutkan awal tadi, kalau majikan itu berkeupayaan. pertama; apabila kita semak dari segi perolehan ataupun kunci kira-kira keuntungan syarikat, maka syarikat berkenaan sekiranya mampu maka kita katakan dan kita rasa perlu mereka memberikan gaji minimum, tetapi sesetengah syarikat yang tidak mampu ataupun yang baru bertatih juga tidak boleh diberikan gaji minimum.

Perlu saya sebutkan konteks ataupun maksud majikan ini bukan tertakluk dan tertera kepada majikan-majikan yang besar-besar. Kalau mengikut peraturan kita, walaupun majikan itu mempunyai seorang pekerja, maka ia bernama majikan. Umpamanya kita yang berada di Dewan pada hari ini mungkin menjadi majikan kepada amah ataupun kepada pekerja.

Oleh yang demikian, bagi kita untuk menentukan sesuatu gaji minimum kepada majikan untuk memperoleh pendapatan kepada pembantu rumah RM1,200.00, sedangkan majikan itu berpendapatan RM2,000 lebih adalah satu perkara yang tidak munasabah dan membebankan, tetapi sangat munasabah kepada syarikat-syarikat multinasional ataupun pekerja-pekerja kategori yang saya sebutkan tadi seperti hotel, *security*, penjaga kedai mahupun mereka yang bekerja di ladang-ladang yang besar untuk kita menetapkan satu bentuk gaji minimum. Malah daripada 197 buah negara dalam dunia, tidak ada satu negara pun yang boleh kita sifatkan mempunyai ataupun memberikan gaji minimum kepada semua sektor.

Di Amerika Syarikat pun dia tidak bagi gaji minimum kepada semua sektor, walaupun Amerika Syarikat dianggap sebagai satu negara yang terkaya. Amerika Syarikat ini, kalau dalam

sektor 3D, memberikan gaji kepada bentuk masa. Sebagai contoh, satu jam dia bagi USD7.15, begitulah seterusnya. Australia memberikan gaji ikut minggu begitu juga sesetengah negara yang lain.

Apa pun saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan menaruh kebimbangan yang begitu tinggi ataupun prasangka yang bukan-bukan seperti mana yang diperlihatkan oleh sesetengah persatuan kerana kerajaan kita merupakan sebuah kerajaan yang bertanggung jawab dan sentiasa memantau gerakan pekerja-pekerja yang ada di Malaysia.

Untuk makluman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat berminat hendak tahu dengan jelas. Adakah sikap kerajaan kita itu anti gaji minimum ataupun tidak?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kerajaan akur bahawa soal gaji minimum ini adalah sesuatu isu yang memang perlu ditangani, tetapi perlu ditangani secara pragmatis? Adakah itu sikap kerajaan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sangat bersetuju 100% Tuan Yang di-Pertua. Isu gaji minimum merupakan satu perkara yang sangat prihatin kepada kita dan perlu ditangani secara bijaksana, hikmah dan yang lebih pentingnya secara pragmatis. Juga saya hendak sebut kita hari ini, kita Malaysia sebuah negara yang bertuah kerana saya mengambil satu contoh, iaitu dalam benua Asia ini ada penduduk lebih kurang 4 bilion.

Daripada itu, satu bilion daripada penduduk Asia ini mempunyai gaji hanya kira-kira USD3sehari sahaja dan kedapatan kira-kira 385 juta mereka yang memperoleh pendapatan USD1sahaja sehari.

Di Malaysia kalau kita ambil apa yang telah disebut oleh Presiden *International Labour Organisation* ini boleh dikatakan tidak berlaku di negara kita sedangkan nasib ini menimpa 1 bilion pekerja di benua Asia dan 385 juta di benua Asia juga. Jangan lupa bahawa Malaysia termasuk dalam benua Asia.

Yang lain, saya juga hendak teruskan iaitu mengenai dengan saudara Yang Berhormat kita tadi iaitu kita juga menekankan kepada perkara yang berkaitan dengan akta ini iaitu bagaimana cara memanggil pekerja untuk hadir *conference*, persidangan.

Jawapan - Jabatan Perhubungan Perusahaan akan menggunakan kaedah A.R Register dan memastikan pekerja menerima surat panggilan dari Jabatan Perhubungan daripada masa ataupun waktu yang tertentu bila mendapat satu-satu maklumat. Selain daripada itu juga, saya hendak sebut mengenai dengan pampasan tidak dibayar atau lambat dibayar oleh majikan. Pekerja boleh membuat aduan kepada Mahkamah Perusahaan subseksyen 56(1).

Saya juga hendak sebut mengenai dengan dakwaan terdapat 84,000 majikan tidak berdaftar dengan PERKESO dan 1.5 juta pekerja tidak mencarum dengan PERKESO. Sebenarnya pegawai-pegawai kita, PERKESO sangat rajinlah, sangat bertanggungjawab kerana

sentiasa melakukan pemeriksaan dan mengesan majikan yang tidak berdaftar secara berterusan di samping meningkatkan kesedaran kepada majikan dan pekerja. Peringkat pentingnya mereka mendaftar dan pekerja dilindungi oleh PERKESO seperti melalui iklan, media dan sebagainya.

Saya hendak sebut, hasil daripada iklan-iklan yang kita sering ataupun saban lihat di dalam TV, peningkatan begitu ketara sekali. Sebagai contoh, majikan yang aktif pada tahun 2004, seramai 335,335 orang telah meningkat secara drastik kepada 460,000 sekarang dan melibatkan pekerja yang aktif yang mencarum ataupun mendaftar dengan PERKESO sejumlah 5.2 juta sekarang. Apa yang dibangkitkan oleh sesetengah Ahli Yang Berhormat, ada masalah satu, dua itu bukan sebenarnya menggambarkan kepada faedah lebih daripada 5 juta orang.

Saya percaya kalau kita kenduri besar, biasalah kalau satu, dua mangkuk pinggan Tuan Yang di-Pertua, pecah ataupun dalam soal kita bekerja, mana ada gading yang tidak retak, mana ada bumi yang tidak ditimpa hujan, tetapi perlu saya tegas dan nyatakan bahawa kompelin-kompelin begini bukan sahaja kita cepat menanganinya, malah saya sendiri ataupun Menteri sendiri turun padang dan kita dapati masalah-masalah kompelin yang sebegini tidak sampai pun 0.01%. Sangatlah kecil.

Jadi ini bukan mencerminkan satu, dua seperti kelapa komeng, satu, dua itu mencerminkan bahawa keseluruhan sistem PERKESO itu tidak bermanfaat. Ramai yang tidak timbul atau menimbulkan perkara ataupun rasa terima kasih dan bangga pekerja-pekerja yang mendapat faedah.

Saya beri satu contoh, daripada setiap tahun kita memberikan bayaran pampasan tidak kurang daripada RM800 juta. Pada tahun 2006, kita memberikan pampasan sebanyak kira-kira RM890 juta kepada pekerja-pekerja sama ada akibat kematian, sama ada pencen ilat ataupun pencen penakat.

■1450

Jadi saya sangat berterima kasih kepada semua mereka yang mencarum. Saya hendak terus pergi kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, yang bertanya tentang hak pekerja asing, adakah sama dengan pekerja tempatan. Sebenarnya dari sudut apa pun memang kita sama dan ini di *standardize* kan bukan sahaja di peringkat Malaysia, tapi juga dipiawaikan kepada seluruh negara dalam dunia, bahawa kita tidak boleh lari daripada apa yang diistilahkan sebagai undang-undang ataupun peraturan pekerjaan di peringkat ILO itu sendiri.

Seterusnya disebutkan juga tentang adakah gaji pekerja asing dan tempatan pula sama. Sekali lagi saya tegaskan bahawa ianya sama dan juga tadi disebutkan bahawa dalam akta ini dibangkitkan mengenai *Second Schedule*, iaitu yang menceritakan tentang 24 bulan mengenai dengan *backwages*, dan kenapa kalau pekerja itu bekerja setahun diberikan 24 bulan juga. Kalau pekerja itu bekerja 20 tahun pun, 24 bulan juga. Jadi perlu ditegaskan di sini bahawa orang yang bekerja setahun tak sama perolehan gajinya. Mereka yang bekerja 20 tahun atau lebih, dan 24

bulan ini, bukan bererti orang bekerja setahun, mereka mendapat *backwages*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua 24 bulan juga.

Kita meletakkan 24 bulan sebagai satu angka yang maksimum. Mungkin mereka yang bekerja setahun, mungkin dapat satu bulan atau empat bulan *backwages*. Mereka yang bekerja selama 20 tahun, mungkin dapat sampai 24 bulan. Kita buat ini kerana kita lihat beberapa perkara, iaitu kita tidak boleh memberikan masa yang terlalu panjang, kerana ini boleh merugikan kepada banyak pihak. Pertama.

Kita juga berdasarkan kepada keberkesanan sistem *back wages* ini yang telah diamalkan di Australia, yang diamalkan di United Kingdom, di mana Australia itu sendiri, *back wages* adalah dalam kadar 32 minggu sahaja dan di United Kingdom hanya dalam enam bulan sahaja.

Maka kalau kita bandingkan apa yang kita tawarkan dalam *Second Schedule* ini, memang dapat mengatasi kepada apa yang berlaku di dua buah negara maju ini, dan juga yang diistilahkan sebagai dapat memberikan layanan yang baik kepada pekerja mereka itu sendiri. Begitu juga tentang perkara *Second Schedule* yang disebut perkara 4, dengan izin, "*Any relief...*"

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, ya.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih. Berkenaan dengan gaji kebelakangan 24 bulan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kalau seorang pekerja diberhentikan kerja dan dibawa ke Mahkamah Perusahaan (*Industrial Court*), dan kes itu dibicarakan mengambil masa enam tahun dan pekerja itu menang. Adakah pemberian gaji kebelakangan ini hanya 24 bulan sahaja atau lebih, ini satu.

Kalau pekerja itu menang dan juga mahkamah beritahu yang dibuang kerja itu tidak tepat dan dia diizinkan bekerja lagi, *resuming of work*. Jadi mahkamah suruh majikan ambil balik pekerja itu. Adakah gaji kebelakangan itu juga terhad kepada 24 bulan bagi kedua-dua ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Untuk soalan pertama, memang dimaksimumkan kepada 24 bulan sahaja. Itu sudah tetap apabila pemakaian peraturan ini diterima nanti. Kemudian apabila pekerja yang dibuang ataupun diberhentikan dia ambil balik, maka faedah mereka hasil daripada mereka tidak bekerja dan dibuang, mereka boleh menuntut balik dan kadar tuntutan itu memang berlaku dalam satu *framework* antara tempoh masa 24 bulan, itu sendiri bergantung kadar masa mereka dibuang kerja. Saya hendak baca yang...

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat selesai menjawab kemudian Yang Berhormat boleh bertanya. Saya akan benarkan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya juga hendak sebut mengenai dengan *Second Schedule* dengan izin, perkara 4. "*Any relief given...*"

Tuan Lee Sing Chooi: Minta penjelasan. Kalau seseorang pekerja sudah diberhentikan kerja dan mahkamah ambil masa enam tahun untuk membicarakan kes ini, dan pekerja itu menang dan majikan pasti ambil balik pekerja itu untuk bekerja. Jadi, yang bayaran itu hanya 24 bulan atau sepanjang yang dia tak kerja itu. Saya hendak penjelasan itu, kerana kalau hanya 24 bulan itu tidak adil. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ..Mungkin ada....

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak bagi sumbangan sedikit. Yang Berhormat saya hendak bagi sumbangan sedikit. Saya sedar mengapa Yang Berhormat sukar jawab pertanyaan itu. Kita di sini, kalau diluluskan akan membuat satu undang-undang. Maka negara akan ditadbir di antaranya, di bawah undang-undang ini juga. Pertanyaan Yang Berhormat tadi melibatkan satu andaian, yang mana kuasa mahkamah memberi interpretasi kepada satu keadaan, andai kata kes berlarutan enam tahun, adakah juga pekerja tak dapat bayaran 24 bulan. Jika Yang Berhormat jawab dengan terlalu *confident*, Yang Berhormat sudah *you serve the power of sub judiciary* dan pertanyaan itu ialah *slightly unfair*. Sila, jawab.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa pembayaran itu sama ada 6 tahun kah, berapa tahun kah, ianya bergantung kepada satu *framework* 24 bulan itu, sama ada 1 bulan, sama ada 5, sama ada 10 atau 24 - bergantung. Tidak semestinya 24 bulan, dan keduanya, kalau kes itu dimenangi oleh pekerja, sudah tentu bayaran pekerja berkenaan itu diasaskan kepada tempoh masa yang dia....

Tuan Yang di-Pertua: Diasaskan kepada undang-undang yang sedia ada, bukan tempoh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Tuan Rawisandran.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Adakah undang-undang ini diguna pakai kepada pekerja-pekerja ladang yang sudah ada perjanjian di antara MAPA dengan NUPW.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, undang-undang ini terlibat kepada semua bentuk pekerjaan. Puas hati ya?

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Saya dapat maklumat, sebahagian pengurus ladang tidak terlibat dalam perjanjian sedia ada dengan kerajaan iaitu di antara MAPA dan NUPW. Bukan semua majikan terlibat. Ada majikan yang tidak mengikuti perjanjian sedia ada dengan kerajaan. Mereka ini tidak bayar gaji bulanan. Jadi kalau ladang ini tidak terlibat dalam perjanjian asal, adakah mereka ini juga terkena dengan undang-undang ini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya tak tahulah daripada makluman mana Yang Berhormat ambil, tapi daripada makluman kita yang bersifat undang-undang ini ia terlibat dengan semua bentuk pekerjaan. Pegawai saya pun angguk di belakang itu, betullah itu... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung terus kepada perkara-perkara...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mohon laluan.

Tuan M. Munusamy: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia minta *moral support* daripada *support team*.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, adakah hendak ungkap semula persoalan yang ditimbulkan?

Tuan Lee Sing Chooi: Untuk kes ini juga dalam peruntukan, di tempat saya pihak pentadbir atau yang membentangkan sesuatu pindaan atau sesuatu rang undang-undang untuk dibahaskan. *Intention* undang-undang itu boleh dijelaskan, dan macam mana *intention* untuk mengatasi apa-apa situasi itu boleh dijelaskan oleh pihak pentadbir supaya ini lebih jelas lagi dan juga rakyat jelata tahu apa dia keinginan *intention* itu.

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Adakah jelas Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jelas. Memang kita punya niat dan nawaitu adalah untuk memberikan kebaikan khususnya kepada pekerja dan juga majikan. Sekali gus apabila wujudnya kebaikan kepada pekerja dan juga majikan, akan menghidupkan serta menimbulkan suasana perhubungan harmoni dalam industri pekerjaan negara. Ini inti pati yang mustahak, dan penting untuk kita sampaikan kepada semua pihak yang terlibat.

Akhirnya Yang Berhormat Lee Sing Chooi...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh saya habiskan sedikit Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, selepas itu Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Iaitu yang keempat dalam *Second Schedule* ini yang disebut sebagai:

“4. *Any relief given shall not include any compensation for loss of future earnings;*”

Jadi ini kita sebenarnya tidak boleh masuk kepada satu-satu perkara yang bersifat ramalan dan juga yang bersifat andaian ataupun belum pasti.

Saya mengambil satu contoh, kita tidak boleh kata kita hendak bayar pampasan atau apa-apa sehingga umur kita sampai 56 tahun, kerana kita mungkin mati umur 40 tahun atau 50 tahun. Jadi satu kehilangan kepada masa depan kita, kita masukkan dalam *Second Schedule* yang keempat ini untuk tidak dijadikan sebagai satu *compensation* untuk kehilangan masa depan kita.

Tuan Lee Sing Chooi: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Selesaikan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dulu, Puan Mumtaz tolong sabar kita akan beri peluang.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang ini *the loss of future earnings*, ini telah dikecualikan tidak diambil kira, tetapi dalam perundangan negara kita, banyak undang-undang yang diambil kira *the loss of future earnings*. Nampaknya ini tidak konsisten dengan undang-undang yang lain. Kalau ada kemalangan untuk seorang yang belia, dengan seorang yang lain, tidak ada diambil kira, *the loss of future*. Undang-undang dulu pun Akta Perhubungan Perusahaan juga ambil kira *the loss of future earnings*. Mengapa ini sekarang menjadi satu yang agak berbeza dan juga tidak adil kepada yang dibuang kerja atau yang menghadapi sesuatu itu. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan dan undang-undang yang ada ini bukanlah bersifat satu syarikat insurans. Ianya hanya melibatkan kepada *backwages* sahaja. Jadi *backwages* ini kalau kita bandingkan dengan satu pelaburan yang bersifat insurans, boleh persoalan mengapa itu kita bayar, tetapi kerana ianya bukan bersifat insurans dan tidak dibayar untuk masa depan ini maka sebab itu kita tidak masukkan "*for loss of future earnings*". Begini keadaan yang perlu kita sedar dan ini yang perlu kita fahami.

Berbalik kepada Yang Berhormat Puan Mumtaz Md Nawī yang bertanya tentang tempat ibadat sembahyang, memang semua tempat, kerajaan menyediakan tempat ...

Puan Mumtaz binti Md Nawī: Saya mohon laluan, soalan yang berkaitan tadi dulu. Satu soalan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Oh ya, sila.

Puan Mumtaz bin Md Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai pentafsiran, memang kita serahkan kepada pihak mahkamah untuk *refer* kepada *Second Schedule*.

Persoalan saya adakah, *award backwages* 24 bulan itu merupakan jumlah keseluruhan yang boleh diberikan oleh mahkamah, sama ada daripada satu hingga 24 bulan ataupun jumlah satu hingga 24 bulan itu menjadi satu *multiplicant* ataupun *statutory multiplier* dengan izin, untuk pihak mahkamah menjadikan sebagai asas untuk diberikan *award* kepada pekerja.

Saya minta masa sedikit, sebagai contohnya sekiranya gaji yang dimiliki oleh seorang pekerja itu katakanlah RM300 sebulan. Adakah mahkamah mesti memberikan *award* tidak kurang daripada RM300, hingga tidak lebih daripada RM3,900, kita katakan sebagai contoh dalam masa setahun kepada pekerja tersebut ataupun dikira RM300 itu sebagai satu gaji, tiga bulan ataupun dua bulan sebagai satu pendarab, kerana kalau dia berhak kepada dua bulan gaji, maknanya dia berhak, dia boleh jadikan sebagai satu faktor pendarab untuk dia dapatkan ganti rugi dalam bentuk lima atau enam tahun. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Pentafsiran ataupun pemberian ini berasaskan kepada bulan itu sendiri, iaitu daripada sebulan hingga 24 bulan tetapi saya percaya bahawa secara

teknikalnya kalau Yang Berhormat Mumtaz ingin mengetahui kita boleh kirakan secara dengan lebih lanjut lagi, tetapi yang kita tafsirkan adalah antara sebulan hingga 24 bulan begitu...

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Jumlah keseluruhan kah itu?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, keseluruhan. Seterusnya mengenai dengan tempat sembahyang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, merujuk kepada rang undang-undang yang dibentangkan tadi saya bagi sedikit panduan, tolong baca sama tajuk, "*Factors For Consideration in Making An Award in Relation To A Reference Under Subsection 20(3)*". Hayati sepenuhnya tajuk itu saya percaya semua persoalan ini tidak timbul.

Saya baca sekali lagi dan dengar baik-baik detik yang saya berhenti, "*factors, for consideration, in making an award, in relation to a reference under subsection 20(3)*". Silakan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung terus kepada tempat sembahyang tadi, sebenarnya alhamdulillah majikan-majikan di Malaysia memberikan tempat ibadat yang

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan atau hendak habiskan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak habiskan sedikit selepas itu saya beri, insya-Allah. Diberikan semua tempat sembahyang termasuklah sembahyang Jumaat. Dulu memang ada

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf Yang Berhormat, saya bacakan tadi sebab sudah tentu rang undang-undang ini apabila jadi undang-undang, akan diberi interpretasi oleh mahkamah, dan mana-mana hakim akan baca tajuk itu sebelum memberi keputusan. Jadi kita *legislate*, kita bukan *arbitrate*. Peranan kita untuk *legislate*, peranan mahkamah *arbitrate*. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Jadi tempat-tempat ibadah ini memang ada. Kalau ada pun masalah tidak memberi peluang dan ruang ini pada masa-masa dahulu, kini kalau masih ada, boleh pekerja-pekerja buat laporan. Memang tidak ada satu keadaan yang membolehkan majikan untuk melarang orang, tidak boleh bersembahyang ataupun tidak berjemaah dan sebagainya. Apa pun ini boleh dikemukakan kepada pihak kita melalui Jabatan Tenaga Kerja untuk membuat laporan sekiranya berlaku.

Terus, ditanya oleh Yang Berhormat Mumtaz mengenai dengan piagam pelanggan, mendapati kes-kes pembuangan kerja dan sebagainya. Piagam ini memang sentiasa dipatuhi, secara umumnya adalah untuk memberikan satu suasana iklim kerja yang baik, harmoni dan sihat antara majikan dan juga pekerja.

■1510

Dan kerajaan menjadi sebagai salah satu antara *tripartite* yang menghubungkan keselesaan dan keharmonian ini. Ditanya juga mengenai dengan bilangan mahkamah, ada 29 pengerusi mahkamah, bermakna 29 Mahkamah-mahkamah Perusahaan yang membicarakan dan juga menjalankan kes-kes penyelesaian pertikaian di negara kita ini.

Selain daripada itu juga..

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila, sila.

Tuan Lee Sing Chooi: Berbangkit dengan yang tadi Tuan Yang di-Pertua, tajuk itu. Saya nak tanya apakah tujuan *intention* pindaan itu dan *factors for consideration, the word "consideration"*, yang keadaan *consideration* itu. Adakah itu satu yang mesti dibuat atau diambil kira saja, dan tidak semestinya mengikut? Apakah yang 24 bulan itu Yang Berhormat, satu untuk diambil kira, tetapi bukan satu paksaan yang mesti diikuti? Apakah *intention* pindaan ini untuk menginterpretasikan *factors for consideration*? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: 24 bulan itu Yang Berhormat, adalah satu perkara yang perlu dilaksanakan apabila undang-undang ataupun rang undang-undang ini diterima pakai. Ianya bukan satu perkara yang diterima, tapi tak diguna pakai ataupun tak dilaksanakan, tak boleh. Kalau sudah menjadi satu peraturan, sudah menjadi satu rang undang-undang yang diterima, maka kita kena laksanakan. Salah kalau tak dilaksanakan.

Saya meneruskan kepada bilangan kes yang dikendalikan oleh mahkamah sehingga Oktober 2007, sejumlah 4,212 kes. Kes yang terbanyak masih dalam pengendalian di mahkamah. Memang kita akui ada iaitu kira-kira 1,527 kes dan menyentuh tentang kes yang paling lama masih dalam pengendalian Mahkamah Perusahaan, untuk tahun 1995, ada dua kes sahaja yang agak lama dan ini disebabkan kekurangan fakta dan juga masalah-masalah teknikal yang tak dapat dielakkan, tetapi berani saya mengatakan bahawa kes-kes ini yang sering kita terima dalam 5,000-6,000 kes setahun dapat kita selesaikan, dan boleh saya katakan kes-kes yang tertunggak yang kita sifatkan lebih daripada tiga tahun sangatlah rendah, sangatlah kecil. Tak sampai pun 5%. Ini disebabkan oleh gangguan-gangguan syarat-syarat yang tidak mencukupi dalam hal teknikal yang tak dapat kita elakkan.

Kemudian Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi juga terus tanya tentang, adakah kementerian telah adakan perundingan dengan kesatuan dan juga majikan untuk mencapai *win-win situation* dengan izin, suasana menang-menang sebelum pindaan ini dilakukan.

Sebenarnya kementerian telah mengadakan perbincangan begitu halus, teliti begitu lama secara profesional dengan kesatuan majikan dan organisasi-organisasi yang terlibat.

Kemudian ditanya juga tentang Sistem Saraan Diri berasaskan prestasi ini adakah diambil kira, dan ini memasukkan peruntukan untuk pihak majikan dan kesatuan untuk memasukkan terma-terma ataupun syarat-syarat mengenai dengan *performance based system* yang ada.

Seterusnya ditanya berapa majikan telah mengamalkan *productivity linked wage system*. Sehingga setakat ini sebanyak 38,722 syarikat mengamalkan ciri-ciri *productivity linked wage system*.

Saya juga tidak lupa untuk menjawab mengenai dengan Yang Berhormat Puan Mumtaz, iaitu kenapa perlu dimasukkan *spouse* suami ataupun isteri. Perlu saya tegaskan bahawa kita mesti masukkan *spouse* ini, kerana kita dapati ada syarikat yang mempunyai suami isteri.

Jadi akta ini kalau, sama ada isteri ataupun suami ataupun isteri kita, maklumlah kita sayang dia, suami pun kita sangat sayang dia, tapi kerana kesayangan dan kecintaan yang mendalam itu tidak boleh menjadi faktor penghalang apabila berlakunya tindakan salah laku, salah pelanggaran undang-undang untuk kita tidak mengambil tindakan. Walaupun isteri kita, suami kita kalau beliau telah menyalahi peraturan dan undang-undang, maka ia tidak membolehkan kita ada satu imuniti, kekebalan yang menyingkirkan peraturan dan juga undang-undang yang ada. Sebab itulah kita mansuh maksud perkataan "*spouse*" itu sendiri. Selain daripada itu juga..

Puan Mumtaz binti Md Naw: Mohon laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Sekiranya kalau kita mengatakan kemungkinanlah ada penyelewengan melibatkan isteri, bagaimana pula kalau melibatkan ahli keluarga yang lain? Pada pandangan saya, kemungkinan kementerian perlu memikirkan juga perkara ini, kalau syarikat itu bukan hanya isteri, mungkin orang lain juga perlu terlibat. Jadi kalau dimasukkan *spouse* itu macam kita mengecilkan ruang lingkungannya. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya dia melibatkan semua pihak, sama ada anak-beranak kita ke, keluarga kita sebab itu undang-undang di Malaysia ini undang-undang yang dihormati, di tabik hormat kerana ianya tidak mempunyai batas kekebalan apabila seseorang melakukan kesalahan. Jadi undang-undang mengatasi segala-gala yang ada, sama ada keluarga kita itu sendiri.

Tuan M. Munusamy: Mohon laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Selain daripada itu juga, disentuh oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz tentang seksyen 51D(2), tadi saya dah jawab, tentang *spouse* itu sendiri dan perlu juga saya sebut mewajibkan pendidikan tentang hak-hak pekerja dan tanggungjawab majikan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz, satu pandangan yang saya fikir cukup baik, cukup bagus. Jadi bagi menjawabnya, Jabatan Perhubungan Perusahaan menjalankan taklimat dalam hak-hak pekerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan untuk semua pekerja.

Sehingga hari ini, sebanyak 1,233 tempat-tempat pekerjaan telah dilawati, diperiksa dan diberikan pendidikan mengenai dengan perhubungan perusahaan dan tanggungjawab majikan terhadap pekerja itu sendiri. Yang Berhormat juga mencadangkan untuk menubuhkan pusat-pusat aduan di setiap negeri supaya pekerja yang berpendidikan rendah mendapat maklumat.

Jabatan Perhubungan Perusahaan sebenarnya mempunyai pejabat di setiap negeri, dan pekerja boleh datang sendiri ke jabatan atau menggunakan khidmat telefon. Di samping itu Kementerian Sumber Manusia juga telah menubuhkan *hotline* nya yang boleh kita *access* kan secara *online*, secara terus-menerus.

Tadi saya tertinggal sikit tentang Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, potongan gaji dibuat oleh majikan di slip gaji tetapi tiada caruman dibayar oleh majikan.

Sebenarnya PERKESO ada menjalankan pemeriksaan bukan sahaja menentukan majikan membayar caruman, tapi juga memastikan caruman dibayar betul mengikut skala gaji. Selagi, ha, ini kena faham ini. Selagi slip gaji pekerja ada menunjukkan potongan caruman PERKESO, hak pekerja terus dilindungi.

Majikan boleh diambil tindakan jika mengabaikan tanggungjawab ini dan mereka kalau bersalah, boleh dipenjarakan sehingga dua tahun, didenda RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Ini terkandung dalam Akta PERKESO itu sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Senator M. Munusamy ada bangun tadi untuk minta penjelasan, saya arahkan beliau.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya berkenaan dengan caruman tadi yang baru dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1520

Sekiranya dalam *pay slip* itu ada pemotongan caruman bagi PERKESO, tapi majikan tidak bayar, adakah si pencarum itu berhak menerima faedah-faedah daripada PERKESO, walaupun pihak majikan didenda? Adakah pencarum itu berhak menerima? Satu, satu lagi saya ingin balik kepada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Lee tadi, berhubung dengan perundingan dengan pihak kesatuan, dan juga pihak pekerja-pekerja ataupun wakil pihak pekerja-pekerja berkenaan dengan pindaan undang-undang ini.

Baru-baru ini kita terima satu surat pekeliling daripada gabungan pekerja kilang, kesatuan sekerja dan juga Jaringan Rakyat Tertindas atau Jerit, mereka mengatakan pindaan ini dibuat tanpa berunding, berdialog dengan wakil pihak pekerja MTUC malah terdapat lebih kurang 92% pekerja yang tidak berkesatuan, yang langsung tiada perwakilan untuk menyuarakan pandangan dan pendirian mereka.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan juga adakah pihak kesatuan telah bersetuju dengan maksimum 24 bulan ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya, sebelum kita meminda sesuatu rang undang-undang kita ada wakil daripada pihak majikan, daripada pihak pekerja untuk meneliti dan saya cukup yakin dan percaya memang mereka hadir dan berbincang bersama.

Rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang juga dibawa kepada pihak AG sebelum bawa ke mari, dan kita membuat satu bentuk kajian yang begitu lama kira-kira dalam setahun lebih sebelum kita bentangkan di sini. Cuma mungkin disebutkan itu kerana ketika itu MTUC ada terasa sedikit, disebabkan adanya piket dan tuntutan gaji minimum yang kerajaan tidak dapat bersetuju semua sekali, tetapi setuju daripada sebahagiannya.

MUTC memboikot kita kira-kira sebulan, tapi *alhamdulillah* MUTC telah kembali ke pangkuan bersama, kerana kita sedar bahawa tidak ada guna kita lama-lama merajuk ataupun kita terasa hati, kerana ini mendatangkan kesan yang kurang baik kepada ahli-ahli.

Saya telah menyebut beberapa kali supaya dalam usaha menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahli, kita tidak mahu mana-mana persatuan didalangi oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan-kepentingan tertentu. Jadi pindaan-pindaan ini saya boleh katakan bahawa jaminan untuk bersama dengan pekerja dan juga majikan memang berlaku. Inilah sering kali kita mengadakan perbincangan, mesyuarat boleh dikatakan saban bulan dengan ketiga-tiga pihak yang ada ini.

Pada soalan yang pertama tadi jawapannya ialah ya. Terima kasih. Jadi kalau tidak ada apa-apa Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung sekarang, tak payah soalan lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya mengucapkan terima kasih pada semua pandangan yang saya sifatkan pandangan-pandangan itu sangat membina untuk kementerian, untuk memperkasa dan memperkukuhkan lagi kedudukan pekerja, majikan bagi melahirkan suatu bentuk suasana perhubungan yang harmoni, yang baik melalui alat ataupun wadahnya iaitu Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2007 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang ini melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.26 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh terus huraikan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa keperluan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] adalah bertujuan untuk mengemas kini, menambah baik dan menjelaskan lagi peruntukan-peruntukan yang samar yang terdapat di dalamnya.

Akta Kesatuan Sekerja 1959 juga perlu dipinda untuk memastikan kesesuaiannya dengan perkembangan semasa dan bagi memudahkan penguatkuasaannya.

▪ 1530

Dalam usaha untuk mengerakkan dan membangunkan negara sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan agar gerakan kesatuan sekerja bersifat kompetitif dan berdaya saing untuk membantu negara seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang kian berkembang.

Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEK) di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia, mengarah dan mengawal secara amnya penubuhan, pendaftaran dan perjalanan kesatuan-kesatuan sekerja di Malaysia. Penubuhan, pendaftaran dan perjalanan kesatuan-kesatuan sekerja yang teratur adalah amat penting supaya kesatuan-kesatuan sekerja itu sendiri dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai rakan perkongsian dan pembangunan negara. Ini jelas termaksud dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan pengiktirafan di bawah seksyen 9(1), Akta Perhubungan Perusahaan, [Akta 177] adalah merupakan suatu keperluan undang-undang sebelum sesuatu kesatuan sekerja berhak mewakili pekerja-pekerja di sesuatu tempat pekerjaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pada tahun 1959, dua tahun selepas merdeka dan 48 tahun dulu, negara telah memperkenalkan Akta Ibu ini. Adakah itu benar?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Benar.

Tuan Yang di-Pertua: Dan belum ada pindaan sehingga sekarang?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Belum. Ya, benar.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang hendak dipinda kerana hendak disesuaikan dengan paradigma semasa?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Benar, Tuan Yang di-Pertua. Adalah suatu keperluan undang-undang sebelum sesuatu kesatuan sekerja berhak mewakili pekerja-pekerja di sesuatu tempat pekerjaan dalam perundingan bersama dengan majikan pekerja-pekerja itu, dan dengan tujuan mencapai suatu persetujuan bersama yang akan menetapkan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan.

Namun begitu, tuntutan pengiktirafan boleh dipertikaikan oleh pihak majikan atas alasan bahawa sesuatu kesatuan sekerja itu tidak mempunyai kedudukan perwakilan keanggotaan majoriti untuk mewakili pekerja-pekerjanya. Apabila ini berlaku, dan selepas menerima permintaan daripada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja akan menjalankan pemeriksaan keanggotaan yang tertentu untuk menentukan kedudukan keanggotaan kesatuan sekerja di bawah seksyen 26(3), Akta Kesatuan Sekerja 1959, [Akta 262].

Bagi memudahkan proses tuntutan pengiktirafan, cadangan pindaan terhadap Akta Kesatuan Sekerja, [Akta 262] adalah untuk menyerahkan fungsi menentukan kedudukan keanggotaan kesatuan sekerja kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan supaya ia boleh dilaksanakan dengan lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya, sesuatu kesatuan sekerja akan mengenakan levi kepada anggota-anggotanya untuk menambahkan dana kesatuan sekerja bagi tujuan menjalankan sesuatu aktiviti ataupun projek yang besar. Dari segi Akta 262, peruntukan yang sedia ada dalam Akta 262 hanya menetapkan bahawa, undi rahsia perlu diadakan sebelum sesuatu kesatuan sekerja dapat mengenakan levi. Peruntukan ini tidak mencukupi dan tidak jelas. Demi tujuan melindungi kepentingan anggota-anggota kesatuan, adalah perlu diadakan suatu takrif khusus untuk levi dengan diterangkan paras mandat minimum dari anggota-anggota kesatuan berkenaan.

Cadangan pindaan kepada Akta 262 juga melibatkan pelonggaran syarat bagi anggota-anggota kesatuan sekerja yang dilantik menjadi anggota eksekutif bagi sesuatu kesatuan sekerja. Di bawah undang-undang yang sedia ada dalam Akta 262, seseorang anggota kesatuan sekerja adalah diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja dalam sesuatu dengan izin, *establishment trained* pekerjaan atau industri di mana kesatuan itu bersangkutan sebelum ia mempunyai kelayakan untuk dilantik sebagai anggota eksekutif kesatuan sekerja. Cadangan pindaan undang-undang ini juga telah dibuat kerana sudah sampai masanya kesatuan sekerja diberi kepercayaan melantik seseorang anggota eksekutifnya walaupun belum cukup satu tahun pengalaman bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta 262 juga melibatkan pengesahan kesatuan-kesatuan sekerja yang didaftarkan sebelum 5 Mei 1989. Pada ketika itu Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dahulunya dikenali sebagai Pendaftar Kesatuan Sekerja adalah dibenarkan

antara lain, untuk mendaftarkan kesatuan sekerja yang berasaskan kepada dengan izin, *trade*, pekerjaan dan industri tertentu. Namun demikian, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja juga telah menggunakan budi bicaranya untuk mendaftarkan kesatuan-kesatuan sekerja yang berasaskan syarikat atau majikan di mana anggota-anggota kesatuan sekerja itu bekerja.

Akibat daripada pertumbuhan pesat dan kepelbagaian industri-industri yang wujud semenjak kemerdekaan, telah berlakunya kes-kes pertindihan skop keanggotaan di antara kesatuan sekerja yang berasaskan pekerjaan atau industri yang boleh mewakili pekerja di sesuatu syarikat. Pendek kata, keadaan ini telah menjurus kepada kewujudan kesatuan-kesatuan sekerja yang banyak dan dalam syarikat yang sama.

Keadaan tersebut telah diujahkan dalam kes *Persatuan Pegawai-pegawai Bank Semenanjung Malaysia versus Minister of Labour and ORS (1989), 1MLJ 30*, di mana Mahkamah Agung telah memutuskan untuk mengisytiharkan pendaftaran kesatuan sekerja dalaman untuk pegawai-pegawai bank di Malayan Banking Berhad sebagai tidak sah dan tidak laku, kerana Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja telah tidak mengambil kira kepentingan pekerja-pekerja dalam pekerjaan tertentu seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 12(2) Akta 262.

Oleh yang demikian, cadangan mengesahkan pendaftaran kesatuan-kesatuan sekerja yang telah didaftarkan sebelum 5 Mei 1989 ialah untuk mengatasi masalah undang-undang tersebut, dan untuk memelihara jalinan hubungan pekerja-majikan yang baik dan harmonis serta supaya tidak mengganggu iklim pelaburan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia adalah suatu pergerakan kesatuan sekerja yang aktif dan dinamik. Bagi menampung kos perbelanjaan aktiviti-aktiviti mereka, kesatuan sekerja biasanya akan mengadakan program-program untuk mengumpul tabung dan wang dari orang ramai. Contohnya ialah kesatuan sekerja yang mengadakan jualan meja di majlis-majlis tertentu untuk mengumpulkan dana tetapi telah menyumbang keluar atau dengan izin, *outsourced the collection* atau pengumpulan dana kepada pihak ketiga, yang kadang-kadang menjadi punca penyelewengan wang. Demi menjaga nama baik kesatuan sekerja serta untuk meminimumkan berlakunya penyelewengan, cadangan pindaan kepada Akta 262 adalah untuk mewujudkan mekanisme dan kuasa pemantauan dan kawal selia bagi Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2(1), Akta 262 iaitu memasukkan takrif-takrif baru seperti '*levi*' dan '*person*'.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan suatu subseksyen baru untuk membolehkan Timbalan Ketua Pengarah semasa ketiadaan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mempunyai

semua kuasa untuk menunaikan semua kewajipan dalam melaksanakan semua fungsi yang diberikan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja di bawah Akta 262.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) iaitu untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan timbalan pengarah dan Penolong Pengarah Kesatuan Sekerja Kanan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 10(2) iaitu memasukkan satu peruntukan bahawa tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja mesti disertakan dengan suatu salinan bercetak kaedah-kaedah kesatuan sekerja dalam Bahasa Kebangsaan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1), Akta 262 iaitu memasukkan satu peruntukan baru yang memberikan kuasa kepada ketua pengarah untuk membatalkan perakuan pendaftaran sesuatu kesatuan sekerja jika kesatuan sekerja itu telah disatukan di bawah subseksyen 34(4) atau dibubarkan di bawah subseksyen 42, Akta 262.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 19, Akta 262. Pindaan yang dibuat adalah memasukkan peruntukan baru berhubung dengan kedudukan atau status sesuatu kesatuan sekerja yang terbatal atau menjadi tidak sah berikutan suatu keputusan mahkamah.

Fasal 8 bertujuan membatalkan subseksyen 26(3), Akta 262 iaitu peruntukan yang berhubung dengan tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan sekerja ke atas majikan.

■1540

Fasal 9, rang undang-undang mempunyai tiga subfasal iaitu:

- (i) subfasal 9(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 28(1) iaitu memperuntukkan dengan jelas bahawa, seorang yang hilang kelayakan bukan sahaja tidak boleh bertindak sebagai anggota eksekutif sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persekutuan kesatuan sekerja, malah seseorang yang hilang kelayakan itu tidak boleh menjadi anggota eksekutif sesuatu kesatuan sekerja atau suatu persekutuan kesatuan sekerja;
- (ii) subfasal 9(b) bertujuan untuk memansuhkan kehendak bahawa seseorang itu hendaklah telah digajikan sekurang-kurangnya satu tahun penggajian dalam sesuatu dengan izin, *establishment*, *trade*, pekerjaan atau industri sebelum seseorang itu layak untuk menjadi anggota eksekutif kesatuan sekerja atau persekutuan-persekutuan sekerja; dan
- (iii) subfasal 9(c) bertujuan untuk memperuntukkan alasan tambahan bagi kehilangan kelayakan seseorang daripada menjadi anggota eksekutif suatu kesatuan sekerja atau persekutuan kesatuan sekerja jika seseorang itu disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 49, 50 atau 50A Akta 262.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 262 iaitu menurunkan tahap persetujuan anggota kesatuan sekerja yang perlu diperoleh sebelum suatu kesatuan sekerja boleh mengubah namanya.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta 262 iaitu menetapkan bahawa semua Kumpulan Wang Kesatuan Sekerja Yang Disatukan diletakkan hak atau dipindahkan hak kepada kesatuan sekerja penyatuan dan semua harta-harta kesatuan-kesatuan sekerja yang disatukan diletakkan hak atau dipindahkan hak kepada pemegang-pemegang amanah kesatuan sekerja penyatuan.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda subseksyen 37(2) Akta 262 iaitu menetapkan tempoh masa mengenai suatu notis perubahan pejabat berdaftar kesatuan sekerja perlu dikemukakan kepada ketua pengarah.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda subseksyen 38(2) Akta 262 iaitu menaikkan kadar amaun yang boleh dikenakan oleh suatu kesatuan sekerja ke atas anggotanya yang berkehendakkan senaskhah kaedah-kaedahnya.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 40A. Dengan adanya peruntukan seksyen 40A kesatuan sekerja boleh mengenakan levi kepada anggotanya.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda perenggan 49(1)(a) iaitu menghendaki sesuatu kesatuan sekerja mendapatkan persetujuan anggota-anggotanya melalui resolusi di mesyuarat agung atau persidangan perwakilan sebelum ia boleh menjual, menukar, memajak atau menyewa tanah atau bangunannya. Tujuan pindaan ini juga adalah untuk melindungi kepentingan anggota-anggota kesatuan sekerja.

Fasal 16 bertujuan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 50A iaitu seksyen yang berkaitan dengan kutipan wang oleh kesatuan sekerja.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 56(4) Akta 262 iaitu menetapkan bahawa bukan sahaja setiausaha tetapi juga presiden dan bendahari sesuatu kesatuan sekerja boleh dipertanggungjawabkan jika kesatuan sekerja itu gagal mematuhi kehendak seksyen 56 Akta 262.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda subseksyen 63(1) Akta 262 iaitu meningkatkan kadar denda yang dikenakan iaitu daripada RM1,000 kepada RM5,000.

Fasal 19 bertujuan untuk mewujudkan satu subseksyen baru iaitu subseksyen 68A. Seksyen ini diadakan bagi tujuan mewujudkan satu peruntukan baru berhubung dengan penyampaian saman oleh ketua pengarah.

Fasal 20 bertujuan untuk membolehkan kesatuan sekerja yang didaftarkan sebelum 5 Mei 1989 disahkan.

Sebagai kesimpulan, cadangan pindaan kepada Akta 262 adalah dilakukan supaya akta ini lebih mantap dalam mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang boleh memainkan peranan yang berkesan sebagai rakan perkongsian dalam pembangunan negara. Malahan pindaan yang dicadangkan akan dapat mengurangkan karenah birokrasi dengan terbatalnya syarat satu tahun

pengalaman kerja dengan izin, *establishment*, *trade*, pekerjaan atau industri tertentu sebagai prasyarat sebelum anggota layak menjadi eksekutif kesatuan sekerja. Urus tadbir pergerakan kesatuan sekerja juga akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya akan membawa manfaat ke atas pergerakan kesatuan sekerja itu sendiri. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja sebagai agensi pelaksana Akta 262 akan lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan bidang tugasnya demi kepentingan negara.

Sekian, saya ingin mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa ahli kerajaan yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

3.46 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Saya hanya ada beberapa perkara sahaja untuk saya bangkitkan dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu bahawa peranan kesatuan sekerja adalah begitu penting. Tadi kita sudah pun membahaskan soal perhubungan perusahaan yang membincangkan tentang kebajikan pekerja-pekerja yang memperjuangkan perkara-perkara yang sudah kita bahaskan tadi ialah banyak bergantung kepada keberkesanan sesebuah kesatuan sekerja. Akta yang kita bahaskan sekarang ini pula ialah dalam soal untuk pengiktirafan terhadap sesuatu kesatuan sekerja sebenarnya.

Kalau melihat kepada akta ini, maka peranan untuk mengiktiraf kesatuan sekerja sudah pun diserahkan keseluruhannya kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, bukan lagi kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Apakah rasional kuasa ini diberikan sepenuhnya kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, bukan kepada *trade union* sedangkan mereka lebih hampir, lebih mengetahui tentang perjalanan sesuatu kesatuan sekerja?

Kita tahu bahawa masih ramai pekerja yang belum lagi diwakili oleh kesatuan sekerja, maka soal pengiktirafan kesatuan sekerja ini adalah penting sebenarnya untuk kita menggalakkan kewujudan kesatuan sekerja untuk memperjuangkan hak pekerja, tetapi kalau kita melihat kepada akta ini, sepatutnya kita lebih memudahkan penubuhan ataupun kewujudan dan pengiktirafan sesuatu kesatuan sekerja, bukan semakin menyusahkan ataupun memanjangkan tempoh untuk kita mengiktiraf kesatuan sekerja. Kalau berdasarkan kepada akta ini, sekarang ini Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan akan menggunakan dua cara iaitu pertama, melalui *secret*

balance, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua ialah baru dia melihat kemampuan ataupun *competency* kepada..., dengan izin, kesatuan sekerja itu untuk mewakili kepentingan pekerja.

Maka ini akan menyebabkan tempoh untuk kita mengiktiraf kesatuan sekerja itu semakin panjang, dan ini melambatkan. Kita bimbang dan kita tahu bahawa, antara punca kita meminda akta ini ialah kerana adanya tekanan daripada majikan. Saya fikir ada majikan yang tidak suka dan tidak mahu kewujudan kesatuan sekerja di tempat mereka, sebab mereka tahu ini akan memberi tekanan kepada mereka. Sebab itulah saya bimbang bahawa dengan tempoh yang semakin panjang ini, akan memberi ruang kepada majikan untuk mempengaruhi supaya tidak wujud kesatuan sekerja ini. Maka di sini saya ingin meminta penjelasan iaitu, berapa lama kah tempoh yang diberikan untuk kita mengiktiraf sesuatu kesatuan sekerja ini dari segi kewujudannya?

Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya bangkitkan dalam perkara 9(4)(a) sebenarnya. Kemudian saya ingin membangkitkan juga tentang kepimpinan kesatuan sekerja, yang dipimpin oleh orang-orang yang mempunyai latar belakang politik terutamanya dia adalah ketua kepada kesatuan sekerja, dan dia juga terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan politik tertentu. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja ini iaitu bahawa sesiapa juga yang menjadi pemimpin kesatuan sekerja, dia tidak boleh memegang jawatan-jawatan kanan dalam parti politik, supaya persatuan sekerja ini tidak dipolitikkan.

■1550

Kalau kita lihat baru-baru ini, demonstrasi BERSIH juga turut disertai oleh pemimpin Kesatuan Sekerja MTUC. Oleh sebab itu saya fikir, adalah wajar barangkali, kita memikirkan untuk membuat sesuatu keputusan iaitu, bahawa mereka yang memimpin kesatuan sekerja ini tidak boleh memegang jawatan kanan dalam mana-mana parti politik, supaya kesatuan sekerja tidak akan dipolitikkan. Ini cukup penting, supaya mereka memberikan tumpuan untuk membela nasib pekerja, bukannya untuk mempolitikkan sesuatu isu, dan melupakan soal perjuangan untuk membela nasib pekerja.

Oleh sebab itulah barangkali dalam soal ini, saya rasa wajar difikirkan soal geran kepada kesatuan sekerja agar, kita dapat membantu kesatuan-kesatuan sekerja yang belum mantap, supaya mereka mempunyai sumber kewangan yang kukuh dalam memperjuangkan kepentingan pekerja. Saya ingin mencadangkan, kalau boleh diambil pertimbangan supaya kesatuan sekerja juga diberi ruang, sekurang-kurangnya duduk di dalam Dewan Negara ini, supaya suara kesatuan sekerja ataupun suara golongan pekerja ini lebih kuat untuk kita dengar dan mudah untuk diperjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Munusamy.

3.51 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada satu dua perkara sahaja. Peranan Kesatuan Sekerja adalah sangat mustahak bagi melindungi hak warga pekerja ahli-ahli kesatuan. Kesatuan juga mempunyai pengaruh besar terhadap pekerja, yang juga menjadi *consumer*. Terdapat pelbagai persatuan mengikut *trade*, ada *in-house* persatuan dan sebagainya. Banyak persatuan telah menubuhkan dana kesatuan bagi pekerja mereka untuk beberapa tujuan seperti tabung biasiswa, tabung *medical* dan sebagainya. Adakah kerajaan bertujuan untuk mengehendkan tabung-tabung ini bagi tujuan-tujuan tertentu, ataupun adakah pihak kerajaan bercadang untuk meminta pihak kesatuan-kesatuan mendapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan, sebelum menubuhkan tabung-tabung tertentu bagi pihak pekerja-pekerja mereka.

Saya juga bersetuju dengan seruan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad berhubung dengan pemimpin-pemimpin kesatuan, yang tidak boleh mengambil bahagian ataupun memegang jawatan-jawatan tertinggi dalam badan-badan politik. Saya rasa ini harus kita ambil perhatian dan pihak kerajaan perlu mengadakan satu garis panduan ataupun berpindah undang-undang, supaya kita boleh menjamin kestabilan politik dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Tajul Urus.

3.53 ptg.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita telah membahaskan tentang pindaan rang undang-undang. Pertama tadi mengenai Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan dan kali ini ialah mengenai Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja.

Kesatuan Sekerja memanglah penting, khususnya untuk membela nasib pekerja-pekerja dari segi kebajikan, dari segi gaji, dari segi bonus dan lain-lain lagi. Kadang-kadang timbul juga persoalan kepada diri saya hari ini, adakah kerana banyak kesatuan sekerja yang begitu banyak memperjuangkan hal-hal kebajikan, hal-hal peraturan, hal-hal lain untuk pekerja, menyebabkan majikan-majikan di Malaysia hari ini, sudah mula tidak memberi tumpuan kepada pekerja tempatan sendiri? Adakah hari ini kita perlu memikirkan juga, untuk mengadakan Kesatuan Sekerja Pekerja Asing, kerana hari ini antara pekerja tempatan dengan pekerja asing pada kaca mata majikan, pekerja asing itu adalah lebih penting daripada pekerja tempatan? Itu persoalan saya yang pertama.

Yang keduanya, apabila kita terlalu banyak mengadakan kesatuan sekerja, yang menjadi masalahnya akan ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja ini, akan dipergunakan oleh orang-orang tertentu khususnya pihak Pembangkang, ataupun pihak-pihak yang ingin mendapat kepentingan dalam politik ataupun sebagainya, boleh menggunakan kesatuan-kesatuan ini untuk faedah mereka. Jadi ini akan menimbulkan satu imej ataupun satu keadaan yang tidak baik, kepada keseluruhan pekerja itu sendiri.

Jadi, kerana itulah kita lihat kadang-kadang akan ada demonstrasi, tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh kesatuan-kesatuan ini, yang khususnya bukanlah benar-benar bertujuan untuk memperjuangkan hal-hal pekerja, tetapi adalah mengikut kehendak yang ditunjukkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan ini. Kerana itulah saya berpendapat bahawa, dalam kita memberi keutamaan, perhatian kepada kesatuan-kesatuan ini, kita juga hendaklah melihat kepada jangka panjang sama ada, penjagaan kita yang begitu kepada kesatuan kerja ini, akan membawa manfaat kepada pekerja dan rakyat Malaysia keseluruhannya ataupun tidak. Jadi itu perkara yang saya nak sebutkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh jawab dan gulung sekarang.

3.57 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad ada bertanya tentang, apakah rasional kuasa pengiktirafan diserahkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan. Jawapannya adalah pindaan kepada seksyen 26(3) Akta 262, hanya memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk menjalankan pemeriksaan keanggotaan sahaja. Walau bagaimanapun, dalam soal tuntutan pengiktirafan, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja masih diberi kuasa di bawah Akta 262, iaitu untuk menentukan sama ada suatu Kesatuan Sekerja layak untuk mewakili pekerja-pekerja di sesuatu tempat pekerjaan atau dalam sesuatu *trade* atau industri. Rasional menyerahkan tugas, melaksanakan pemeriksaan keanggotaan adalah bagi mempercepatkan, mensistematikkan proses pelaksanaan tuntutan pengiktirafan sahaja.

Juga disebut tentang, berapa lamakah tempoh proses tuntutan pengiktirafan boleh diselesaikan? Jawapannya, dalam tempoh 21 hari sebaik sahaja dimaklumkan isu tuntutan pengiktirafan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan. Jabatan Perhubungan Perusahaan akan mengambil tindakan, meminta Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja ataupun JEKS menjalankan siasatan kelayakan. Secara keseluruhan, dijangkakan tuntutan pengiktirafan akan diselesaikan dalam tempoh masa tidak lebih daripada enam bulan.

Kemudian disebutkan juga tentang, apakah orang-orang politik boleh terlibat? Sebenarnya kalau ikut peraturan akta kita, mana-mana orang politik tidak boleh memegang jawatan-jawatan tinggi di peringkat pusat seperti MTUC, ataupun CUEPACS itu sendiri, dan ini bersalahan dengan Akta kita yang ada. Jadi sebab itu, kita menyarankan supaya orang-orang politik, mana-mana, apa juga politik, tidak memegang persatuan-persatuan pekerja, kesatuan sekerja di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Munusamy ada bertanya tentang kesatuan-kesatuan secara *in house*. Memang boleh dikatakan kesatuan-kesatuan yang tidak dapat bergabung di peringkat kebangsaan boleh mengadakan kesatuan-kesatuan di peringkat dalaman atau *in house*.

■1600

Seperti kesatuan yang terlibat dalam industri elektronik ini, kita takuti atau membimbangkan kalau orang-orang elektronik ini bergabung atau bersatu, kalau ada mogok dan sebagainya, bukan sahaja boleh menjejaskan tetapi juga boleh menakutkan pelabur-pelabur untuk melabur ke mari.

Selain daripada itu, kita juga disarankan oleh Yang Berhormat M. Munusamy untuk mengadakan dana kesatuan, tabung *medical* dan mana-mana tabung yang tertentu. Sebenarnya tabung ini tidak menjadi satu kesalahan untuk ditubuhkan, diwujudkan demi kepentingan kebajikan asalkan ianya tidak bercanggah dengan akta-akta dan juga peraturan-peraturan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kekeliruan, kita boleh merujuk perkara ini kepada *Director General Trade Union* ataupun DGTU ataupun Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk mendapatkan nasihat, pandangan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus ada bercakap tentang, apakah kerajaan boleh menimbang Kesatuan Sekerja Pekerja Asing. Kalau kita merujuk kepada Akta 262, perkara mengenai dengan pekerja asing menjadi anggota kesatuan sekerja adalah *silent*. Jadi dengan kata lain, pekerja asing boleh menjadi anggota kesatuan sekerja. Selain daripada itu, saya juga hendak sebut bahawa kesatuan sekerja di Malaysia pada hari ini, alhamdulillah berada dalam keadaan yang sangat baik, yang sangat memuaskan di mana kalau kita perhatikan daripada data-data, dari segi piket sangatlah rendah iaitu setakat 13 piket sahaja: untuk tahun 2006 – 27; dan mogok 2006 – satu; dan tahun 2007 – dua. Pertikaian perusahaan antara majikan dengan pekerja masih juga rendah iaitu 275 – tahun 2007; dan tahun 2006 – 333.

Ianya membawa maksud bahawa keberkesanan kesatuan-kesatuan sekerja melalui kandungan akta yang kita guna pakai selama ini iaitu di bawah Akta Kesatuan Sekerja begitu baik dan berkesan sekali. Bukan kerana menyekat, tetapi dalam usaha memandu arah mereka ini untuk lebih tertib dan sopan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat itu. Sila Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak tuduhan mengatakan bahawa kurangnya piket ataupun demonstrasi itu juga disebabkan oleh kerana tindakan kerajaan yang ketat terhadap kebebasan kesatuan sekerja di negara kita ini, apakah ini benar? Satu lagi ialah, apakah kaedah yang digunakan, bagaimana pandangan-pandangan kesatuan sekerja ini diterima ataupun diberi pertimbangan? Saya mengambil contoh apabila AirAsia dibenarkan untuk mendarat di Singapura, ia dipantau oleh kesatuan sekerja kalau tak salah saya, masuk dan tidak bersetuju.

Sebab ini dikatakan akan membawa kesan kepada MAS sendiri. Iaitu Singapura akan menggunakan ini sebagai alasan, tak salah saya JetAir mendapat hak untuk mendarat di Kuala Lumpur sebab dia adalah anak syarikat kepada *Singapore Airlines*. Sedangkan AirAsia bukan anak syarikat kepada MAS. Jadi ini merugikan MAS. Jadi bagaimanakah sebenarnya, kaedah yang

digunakan supaya pandangan-pandangan seperti ini, diguna pakai ataupun di terima dan ada juga yang mengatakan bahawa banyak yang dilakukan oleh kita sekarang ini. Ini tuduhan daripada NUTC. Sebagai contohnya, mengatakan bahawa kita banyak melanggar peruntukan-peruntukan di dalam ILO walaupun, kita adalah sebuah negara yang menjadi ahli kepada ILO. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad, sebab itulah saya menasihatkan supaya tidak ada parti-parti yang terlibat, pemimpin persatuan ataupun kesatuan di peringkat kebangsaan. Kalau ianya dipimpin begitu, maka apa juga yang dilakukan oleh kerajaan, apa juga peraturan yang dilaksanakan, maka akan tetap berlaku tuduhan-tuduhan ataupun lemparan-lemparan, kata-kata tentang pelanggaran peruntukan itu semua.

Saya menyebut tentang piket untuk mogok ataupun pertikaian perusahaan begitu rendah. Jika dibandingkan dengan negara lain, jelas membuktikan kepada kita bahawa wujudnya satu mekanisme yang begitu cantik, yang begitu berkesan dalam mengharmonikan perhubungan perusahaan ini. Ianya membayangkan kepada kita wujudnya rasa senang ataupun rasa harmoni di kalangan pekerja-pekerja. Memang kita tidak dapat menafikan ada juga rasa-rasa yang kurang senang, kurang sihat tetapi kita tidak boleh mengambil satu dua contoh, piket ataupun mogok ataupun pertikaian untuk menggambarkan secara keseluruhannya bahawa hubungan perusahaan ataupun peranan kita tidak berkesan.

Menyentuh tentang kes yang diberi pertimbangan AirAsia mendarat di Singapura menimbulkan rasa kurang senang kepada pekerja-pekerja MAS. Kita pun ada dengar tentang hal ini, tapi saya tak mahulah komen. Saya buat di sini kerana kita tidak menerima secara rasminya. Apa pun, kita percaya bahawa kita hendak melihat suatu keadaan hubungan yang baik antara AirAsia dan MAS dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya kepada pekerja-pekerja di negara kita. Kita hendak syarikat-syarikat ini khususnya lebih banyak mengutamakan pekerja-pekerja tempatan, daripada pekerja-pekerja asing yang telah banyak masuk ke dua-dua tempat yang ada ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya dapat saya simpulkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

▪ **1610**

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2007 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh huraikan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya ingin menjelaskan bahawa Pindaan kepada Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 Akta 612 adalah untuk menambah baik peruntukan sedia ada bagi menggalakkan lagi majikan membangun melatih semula secara berterusan. Seajar dengan hasrat kerajaan, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat demi meningkatkan lagi penggunaan teknologi tinggi dan meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa, Malaysia terdedah kepada persaingan yang memerlukan majikan berusaha untuk menjadi pengeluar yang kompetitif dan berupaya menghasilkan produk yang bermutu tinggi, justeru tumpuan perlu diberikan kepada pembangunan pekerja supaya pekerja lebih kompeten produktif dan inovatif yang akan membantu majikan dan negara lebih berdaya maju dan berdaya saing.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai daya saing negara kelapan pada 18 Ogos 2005 telah membuat keputusan untuk menambah baik sistem pembelajaran dan latihan sesuai dengan kehendak pasaran semasa. Antara cadangan yang perlu dilaksanakan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja di sektor swasta khususnya di kalangan majikan perusahaan kecil dan sederhana selaras dengan keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan dan mewujudkan mekanisme bagi menyokong program latihan amali di premis majikan kepada para pelatih. Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah dilaksanakan pada tahun 1993 melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia 1962.

Untuk menggalak majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja secara berterusan melalui sistem *levy/grant*. Majikan yang tertakluk di bawah akta ini dikehendaki mendaftar dan membayar *levy* pembangunan sumber manusia sebanyak 1% daripada upah

bulanan pekerja untuk digunakan dalam meningkatkan kecekapan pekerja melalui latihan semula pekerja yang berterusan. Pada tahun 2001 akta ini telah digantikan dengan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 bagi membolehkan Pembangunan Sumber Manusia Berhad dikorporatkan supaya ia lebih responsif kepada permintaan pelanggannya. Antara objektif kerajaan mewujudkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad adalah untuk menggalakkan majikan melatih semula pekerja supaya;

- (a) pengetahuan dan kemahiran pekerja dapat ditingkatkan secara berterusan;
- (b) melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang terkini;
- (c) membantu mempercepatkan proses pemilihan teknologi;
- (d) meningkatkan produktiviti dan operasi yang memberi nilai tambah;
- (e) menggalakkan kemahiran pekerja menjadi usang dalam persekitaran teknologi yang sentiasa berubah-ubah;
- (f) mewujudkan kemahiran pelbagai di kalangan pekerja sesuai dengan pekerjaan yang fleksibel; dan
- (g) meningkatkan budaya latihan di kalangan majikan.

Semenjak dilaksanakan dari tahun 1993 hingga Mei 2007, sebanyak RM2.25 bilion *levy* pembangunan sumber manusia telah dikutip daripada 10,276 majikan yang berdaftar. Sebanyak 5.79 juta tempat latihan dengan bantuan kewangan sejumlah RM2.24 bilion telah diluluskan bagi melatih semula dan meningkatkan semula kemahiran pekerja. Jumlah geran latihan yang telah dibayar kepada majikan ialah sebanyak RM1.61 bilion. Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah rang undang-undang adalah seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang akta 612 dengan masukkan perkataan “dan pembangunan” selepas perkataan ‘penggalakan latihan’ dan perkataan “perantis dan pelatih” selepas perkataan ‘pekerjaan’.

Tujuan ini adalah untuk menggalakkan majikan melatih dan membangunkan sumber manusia secara berterusan sehingga ke peringkat sarjana dan doktor. Falsafah terutamanya dalam bidang teknologi baru dan teknologi tinggi langkah ini juga akan menggalakkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Sebelum ini akta ini hanya memberi penekanan kepada latihan jangka pendek berbentuk kemahiran sama ada *hard skills* ataupun *soft skills* dan dengan pindaan ini akan membolehkan majikan mempunyai pekerja yang lebih berketerampilan kerana berupaya untuk melatih pekerja sehingga ke peringkat doktor falsafah. Pindaan ini juga memperkemas pemakaian akta mengenai latihan perantisan yang menggalakkan majikan menyediakan peluang latihan kepada perantis.

Perantis merupakan lepasan SPM atau PMR yang kurang keterampilan dari segi akademik dan mendapat manfaat dari latihan perantisan yang memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Pindaan ini juga memperluaskan pemakaian akta meliputi pelatih yang merupakan siswazah universiti ataupun pelatih-pelatih institusi latihan awam atau swasta akan berpeluang mengikuti latihan amali di premis majikan. Mereka akan mendapat pengalaman pekerjaan yang sangat berguna apabila memasuki pasaran buruh.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta 612 dengan memasukan takrif baru iaitu pelatih dan perantis;

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 3 Akta 612 supaya matlamat utama perbadanan selaras dengan pindaan yang berbangkit;

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 Akta 612 supaya fungsi perbadanan selaras dengan pindaan yang berbangkit;

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 20 Akta 612 selaras dengan pindaan yang berbangkit.

Pindaan Seksyen 20 juga yang masukan subseksyen baru (6A) adalah bertujuan membolehkan seorang majikan mendapat apa-apa bantuan kewangan atau faedah bagi melantik pekerja, perantis dan pelatih tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah walaupun majikan itu mempunyai tunggakan *levy* atau tunggakan faedah atas *levy*. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi majikan terutama majikan perusahaan kecil dan sederhana untuk memberikan laluan kepada pekerja mereka secara berterusan. Dengan pindaan ini baki *levy* berjumlah RM54.24 juta dalam akaun majikan yang mempunyai tunggakan *levy* akan dapat digunakan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 22 Akta 612 supaya Kumpulan Wang dibelanjakan juga bagi maksud penggalakan pembangunan peningkatan kemahiran pekerja perantis dan pelatih selaras dengan pindaan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kepada pindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 adalah penting bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan melahirkan pekerja yang kompeten terutama di kalangan majikan PKS. Ini juga boleh membolehkan majikan menerima bantuan kewangan bagi melatih. Pelajar-pelajar universiti dan institusi latihan awam dan swasta yang membuat latihan amali di premis mereka. Usaha ini juga mampu menggalakkan majikan terutama PKS menggunakan *levy* mereka secara optimum. Bagi tujuan latihan dan program pembelajaran, untuk pekerja mereka secara berterusan bagi meningkatkan daya saing negara di pasaran negara.

Sekian saya ingin mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Siapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

■ 1620

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di depan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Munusamy.

4.20 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pemindaan akta ini saya cuma ada satu permintaan dan penjelasan sahaja. Iaitu berkenaan dengan Fasal 2 yang menunjukkan bahawa seseorang majikan untuk melatih dan membangunkan sumber manusianya termasuk perintis dan pelatih yang dilatih dalam premis majikan itu.

Adakah ini bertujuan bahawa bantuan ini akan diberi kepada majikan yang menjalankan latihan di premis-premis mereka sahaja? Terdapat banyak institusi-institusi swasta yang menjalankan pelbagai kursus bagi pekerja-pekerja kilang dan industri. Adakah majikan yang menghantar pekerja-pekerja di institusi-institusi juga boleh mendapat faedah ini?

Satu lagi, adakah pekerja-pekerja yang mengikuti kursus-kursus mereka di institusi-institusi swasta juga layak untuk mendapat bantuan daripada tabung ini ataupun kumpulan wang ini? Adakah mereka boleh dapat bantuan biasiswa ataupun pinjaman daripada pihak kerajaan bagi tujuan untuk melanjutkan pelajaran sepanjang hayat? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Mohd Puad.

4.22 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja iaitu dalam akta ini kita memasukkan selepas perkataan penggalakan latihan itu perkataan pembangunan. Dari segi istilah, pembangunan ini membawa maksud soal penyelidikan, kaedah-kaedah teknologi baru dan sebagainya. Jadi apakah levi yang terkumpul ini juga digunakan ataupun boleh dipohon untuk soal-soal pembangunan dari segi penyelidikan terutamanya kalau kita lihat dalam bidang IKS.

Saya amat setuju dengan akta ini sebab ia membantu IKS sebenarnya dari segi membuat latihan kemahiran kepada pekerjanya, yang kita tahu bahawa IKS adalah satu bidang yang cukup penting di negara kita tetapi mereka sering berhadapan dengan masalah dari segi untuk membuat pinjaman daripada bank-bank yang ada di negara kita ini. Jadi dalam soal ini, apakah ia bermaksud pengembangan ini kepada soal penyelidikan.

Yang kedua ialah, kita memang dimaklumkan bahawa majikan yang ada tunggakan levi mereka boleh juga mendapat bantuan untuk tujuan latihan dan pengembangan. Apakah ini adil

sebenarnya kepada majikan-majikan yang membayar levi berbanding kepada majikan yang tidak membayar levi ini? Saya ingat itu saja yang saya ingin mohon penjelasan sebenarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bahas? Kalau tidak ada saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.24 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan juga pertanyaan.

Saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Munusamy mengenai dengan adakah bantuan hanya layak diberikan kepada majikan bila latihan-latihan dilakukan di premis majikan. Jawapannya, bila bantuan kewangan diberikan kepada majikan untuk melatih pelatih dari institusi pengajian tinggi semasa latihan amali. Kita memang terus membuka kelayakan-kelayakan ini untuk faedah pengetahuan kita bersama. Itu kita berikan bantuan dalam sektor perkilangan dan juga perkhidmatan. Sehingga hari ini kita beri pada 10,458 majikan, perkilangan 6,359, perkhidmatan 4,128.

Bagi memudahkan pemahaman kita, kalau di sektor perkilangan majikan yang boleh mendaftar dalam bantuan ini ialah yang mempunyai 50 orang pekerja dan ke atas dan juga majikan yang mempunyai 10 hingga 49 orang pekerja, tetapi dengan modal berbayar RM2.5 juta dan lebih. Yang ketiga, majikan yang mempunyai 1 hingga 49 orang pekerja dengan modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah. Majikan di bawah kategori ini diberi pilihan untuk mendaftar dengan PSMB. Majikan yang memilih untuk mendaftar hanya perlu membayar levi pada kadar 0.5% pada upah bulanan pekerja.

Bercakap tentang sektor perkhidmatan, saya hendak sebut majikan yang mempunyai 10 orang pekerja dan ke atas bagi industri-industri yang dinyatakan di bawah adalah dikehendaki berdaftar dan membayar levi.

Walau bagaimanapun, bagi pasar raya besar, pasar raya dan juga gedung serbaneka, mereka perlu mempunyai 50 orang pekerja ke atas untuk layak mendaftar dan untuk layak membayar levi. Sektor perkhidmatan yang wajib mendaftar adalah seperti berikut dan sekali gus saya menjawab kepada Yang Berhormat Dr. Mohd Puad.

Selain daripada penyelidikan dan pembangunan, iaitu menjalankan aktiviti penyelidikan pembangunan, antara sektor perkhidmatan yang boleh dan wajib mendaftar ialah:

- (i) hotel;
- (ii) pengangkutan udara;
- (iii) perniagaan pengendalian pelancongan;
- (iv) telekomunikasi;
- (v) penghantaran angkutan;
- (vi) perkapalan;

- (vii) pos atau kiriman cepat;
- (viii) pengiklanan;
- (ix) perkhidmatan komputer;
- (x) jualan langsung;
- (xi) perkhidmatan pelabuhan;
- (xii) tenaga latihan pendidikan tinggi;
- (xiii) perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan kejuruteraan;
- (xiv) perkhidmatan gudang;
- (xv) perkhidmatan keselamatan;
- (xvi) perkhidmatan hospital swasta; dan
- (xvii) perkhidmatan pasar raya-pasar raya dan gedung serbaneka iaitu penjualan item untuk 50 pekerja dan juga ke atas.

Sektor baru yang kita mula buka pada tahun ini ialah perkhidmatan pengangkutan perdagangan darat dan perkhidmatan pengangkutan *rail*. Jadi ini antara bidang-bidang yang ada, yang dibuka dan saya fikir saya menjawab kedua-dua yang bertanya tadi. Terima kasih,

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Munusamy ada lagi soalan?

Tuan M. Munusamy: Ada lagi satu.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jawab.

Tuan M. Munusamy: Ada satu penjelasan yang saya belum dapat iaitu berkenaan dengan pekerja-pekerja di mana majikan ini telah mendapat ataupun majikan yang telah layak menerima bantuan ini. Pekerja-pekerja yang bekerja dengan majikan ini, adakah mereka layak menerima bantuan ataupun biasiswa bagi melanjutkan pelajaran mereka?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada. Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya hendak tanya sedikit. Kalau boleh pihak kementerian memberi sedikit maklumat tentang apakah penglibatan di Sabah dan Sarawak dan tentang Pembangunan Manusia Berhad ini dari segi respons para majikan dan sebagainya. Apakah bidang-bidang yang diiklankan untuk Sabah dan Sarawak jika ada. Saya rasa di sana banyak kilang-kilang minyak, kelapa sawit dan sebagainya dan juga dari segi industri-industri lain. Itu yang pertama.

Kedua, apakah cara pihak kementerian hendak menyebarkan maklumat dengan mudah kepada hendak disasarkan atau yang mungkin berminat dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

■1630

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Akta ini adalah meliputi kesemua, Sabah dan Sarawak; semua termasuk. Perlu juga saya tampilkan bahawa jumlah tempat latihan yang kita telah bermula 2002 dan 2007 ialah sebanyak RM3.06 juta melibatkan semua negeri termasuk Sabah dan

Sarawak. Dari segi kaum pula, melibatkan bumiputera, Cina, India, Melayu semua bangsa dan kita tidak pilih atau kuotakan mengikut bangsa tetapi kita kuotakan mengikut kelayakan dan kemahuan serta memenuhi syarat-syarat yang lainlah. Sehingga kini berjumlah dari tahun 2002 sehingga tahun 2007 RM2.6 juta.

Juga perlu saya sebut bahawa kos latihan yang dibenarkan ialah yuran latihan, elaun harian pelatih, elaun makan pelatih, pakej sewa hotel, pakej pengangkutan, bahan latihan guna habis, tambang kapal terbang, kalau orang Sabah dan Sarawak itu boleh tambang kapal terbang dan sebagainya.

Penyelia-penyelia latihan sehingga ini ialah bumiputera 267, bukan bumiputera 329, kerajaan 26, pertubuhan 16, orang asing 12, jumlah 650.

Selain daripada itu juga, saya perlu sebut sedikitlah walaupun tidak ditanya syarat-syarat berdaftar sebagai penyelia latihan ini ialah:

- (i) berdaftar diperbadankan di Malaysia;
- (ii) mempunyai pejabat tetap;
- (iii) mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pengajar; dan
- (iv) mempunyai bilik dan kemudahan latihan

Alhamdulillah lah, sehingga hari ini saya nampak sambutan ini cukup baik dan ianya merupakan salah satu punca meningkatnya kualiti ataupun kompeten kepada pekerja-pekerja di negara kita ini sendiri.

Keduanya, untuk sebarikan maklumat boleh di akses atau boleh didapati dalam laman-laman web Kementerian Sumber Manusia khususnya laman web Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Bhd. Selepas ini bolehlah kalau nak tanya saya Yang Berhormat ataupun nak dapatkan maklumat daripada pegawai-pegawai di kementerian saya.

Jadi secara keseluruhannya, saya mohon supaya dapat diberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan Dewan untuk selama 15 minit.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 4.36 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 4.57 petang

■1650

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2007) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf di atas kekeliruan yang berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh huraikan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama 2007 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam bajet 2007 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2007 yang dibentangkan ini adalah sebanyak RM10.88 bilion dan daripada jumlah ini sebanyak RM9.78 bilion adalah merupakan tambahan bagi perbelanjaan bekalan yang di antara lain bertujuan menampung perkara-perkara baru yang diputuskan oleh kerajaan dan diperuntukkan dalam Bajet 2007, menampung kenaikan kos membiayai operasi institusi-institusi yang baru siap dan pertambahan perjawatan serta kenaikan bayaran emolumen, perkara semakan gaji dan COLA 2007. Tambahan juga diperlukan bagi menambahkan jumlah dana-dana khas kerajaan untuk menampung pertambahan peminjam. Baki sebanyak RM1.1 bilion dana bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang disatukan menurut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya tambahan bagi perbelanjaan bekalan adalah diperlukan untuk tujuan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM3.68 bilion untuk Kementerian Pelajaran bagi menampung bayaran tambahan emolumen termasuk kenaikan pangkat guru secara

time based, bayaran elaun khas pendahuluan dan elaun balik kampung pegawai perkhidmatan pelajaran, kenaikan kadar bantuan makanan;

■1700

- (ii) sebanyak RM1.23 bilion untuk Kementerian Kesihatan bagi menampung bayaran termasuk emolumen, pembelian ubat-ubatan, bukan ubat dan *reagen*, peningkatan kos utiliti, kos operasi *facility* baru dan kos operasi ketika banjir;
- (iii) sebanyak RM994.3 juta untuk Kementerian Pengajian Tinggi bagi menampung kos peningkatan kemasukan pelajar Universiti Teknologi Mara. Membiayai empat buah universiti yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, kos operasi dua buah universiti yang baru ditubuhkan dan tambahan emolumen;
- (iv) sebanyak RM828 juta untuk Maksud B.12 - peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, pinjaman kepada badan-badan berkanun, sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Tabung Bantuan Perubatan yang baru dilancarkan;
- (v) sebanyak RM760.5 juta untuk Kementerian Pertahanan bagi pembelian alat ganti, menampung kenaikan harga langsung bahan api, bayaran utiliti, kos operasi MALCON II di Lubnan dan tambahan emolumen;
- (vi) sebanyak RM437.5 juta untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bagi menampung bayaran tambahan emolumen, elaun-elaun pegawai dan anggota PDRM, dan membiayai pelaksanaan sistem parol;
- (vii) sebanyak RM299.1 juta untuk Jabatan Perdana Menteri bagi membiayai pembangunan sistem *trunk radio* bersepadu kerajaan, kos penyelenggaraan kapal dan tambahan emolumen;
- (viii) sebanyak RM252.5 juta untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menampung pelaksanaan program insentif pengeluaran padi, program insentif peningkatan hasil padi dan tambahan emolumen;
- (ix) sebanyak RM236.5 juta untuk Kementerian Kerja Raya bagi membiayai kerja-kerja pembaikan berkala jalan raya, bayaran pampasan tol, bayaran gaji kakitangan kontrak, sewa dan ubah suai pejabat baru dan tambahan emolumen;
- (x) sebanyak RM164 juta untuk Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk bayaran pelarasan kadar tarif air bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Geran pelancaran Suruhanjaya

Perkhidmatan Air Negara dan bayaran yuran perkhidmatan perancangan dan teknikal kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.;

- (xi) sebanyak RM112 juta untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi Tabika KEMAS, elaun ketua kampung, bantuan kepada badan-badan berkanun dan emolumen; dan
- (xii) selain daripada itu tambahan peruntukan juga diperlukan oleh Kementerian Penerangan iaitu sebanyak RM95.8 juta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM90.9 juta, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebanyak RM73.9 juta, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak RM69.5 juta, Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM68 juta dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebanyak RM56 juta, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM54 juta dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebanyak RM52.4 juta. Manakala tambahan sebanyak RM239.8 juta adalah diperlukan untuk lain-lain kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM9.55 bilion daripada tambahan ini adalah dipohon sebagai tambahan langsung, manakala sebanyak RM1.33 bilion adalah bagi me *recoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka seperti yang terkandung di dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2007.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2007 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2007 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A Tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sila, Dr. Haji Mohd. Puad.

5.05 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama saya ingin bangkitkan di dalam Akta Perbekalan Tambahan ini ialah mengenai dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan peristiwa yang juga mendapat perhatian daripada Perdana Menteri sendiri, iaitu keselamatan anggota-anggota polis kita yang menjalankan tugas ketika mereka membuat siasatan terhadap kes-kes jenayah di mana dalam peristiwa tersebut dua anggota polis kita terkorban.

Antara punca yang disebutkan kenapa perkara ini berlaku ialah mereka tidak mempunyai peralatan yang canggih. Antaranya ialah penggunaan *bulletproof vest*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah timbul reaksi daripada Perdana Menteri dan antara yang dibangkitkan dalam persoalan ini ialah kita tidak mempunyai jaket kalis peluru yang mencukupi sebenarnya untuk digunakan oleh anggota polis kita. Amat mengejutkan bahawa jumlah yang disebutkan itu adalah terlalu kecil dan polis kita yang bertugas dalam keadaan peralatan jaket kalis peluru yang tidak cukup ini sebenarnya adalah membahayakan diri mereka.

Dalam kes ini kita melihat penjenayah sudah terlalu canggih sebab dalam kes serbuan itu, penjenayah itu juga rupanya mempunyai CCTV di dalam rumahnya ketika mereka membuat operasi dan mereka nampak polis datang. Mereka nampak polis datang sebab dia sendiri mempunyai CCTV dalam rumahnya itu. Jadi kalau sekiranya polis kita sudah pun mengetahui penjenayah sekarang ini semakin *sophisticated*, semakin canggih peralatan mereka, sedangkan anggota polis kita yang menjalankan tugas untuk mengawal keselamatan ini pula tidak mempunyai peralatan yang mencukupi, maka sudah tentulah sebenarnya ini amat mendukacitakan sekali.

Sebab itu saya berharap bahawa peruntukan tambahan untuk pembelian peralatan jaket kalis peluru ini ditambah, supaya sekurang-kurangnya kita tidak perlu lagi meminjam jaket kalis peluru daripada satu balai polis kepada satu balai polis untuk digunakan oleh anggota polis kita. Sebab kita tahu bahawa kes-kes jenayah ini berlaku di mana-mana dan serbuan mesti berlaku setiap masa. Kalau kita ambil contoh bekas anggota polis kita yang terkenal iaitu namanya Kulasingam. Memang ketika dia menjalankan tugasnya - dia baru sahaja meninggal dunia, memang kita tahu bahawa ketika dia menjalankan tugas itu dia tidak menggunakan jaket kalis peluru. Kita tahu bahawa ketika diserang hendap, maka dia juga tidak menggunakan jaket kalis peluru, tetapi nasib dia baik sebenarnya.

Kita tahu bahawa kita tidak mahu anggota-anggota polis kita ini berhadapan dengan situasi yang membahayakan ini, dalam keadaan kita tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ini. Saya yakin sebenarnya bahawa, jika anggota polis kita ini mempunyai jaket kalis peluru yang digunakan setiap kali mereka membuat serbuan terutamanya di tempat-tempat yang membahayakan, saya yakin mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih baik, lebih berani sebenarnya. Kalau tidak, mungkin mereka hanya datang, kemudian bagi signal

supaya penjenayah itu lari dan dia tidak perlu bertembak dengan penjenayah itu, dan sekurang-kurangnya dia selamat.

■1710

Amat mendukacitakan lagi ialah ketika mereka membuat serbuan itu, mereka tidak menggunakan *healer*. Adakah ini berpunca sebab kita ini tidak mempunyai *healer* yang mencukupi untuk memberi amaran tentang serbuan dan kepungan yang berlaku. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah satu isu yang mendesak atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka perlulah kita memberikan perhatian khusus supaya jaket-jaket kalis peluru ini lebih banyak disediakan untuk anggota polis kita, supaya mereka ini mempunyai peralatan yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa kerajaan telah menambah bilangan motosikal baru untuk polis. Dalam ingatan saya sebanyak 2,000 buah motosikal baru telah disediakan oleh kerajaan untuk melengkapkan kemudahan kepada anggota polis kita. Namun begitu, timbul juga persoalan tentang kereta-kereta peronda yang tidak mencukupi. Kita dapati juga bahawa kereta-kereta peronda ini adalah kereta-kereta peronda yang lama, yang saya rasa perlu diganti baru. Baru-baru ini kita melihat dalam satu kes, iaitu apabila berlakunya kejar-mengejar di lebuhraya, kenderaan peronda polis yang mengejar penjenayah itu bukan sahaja tidak dapat menangkap penjenayah, bahkan kereta itu sendiri mengalami kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya perhatian untuk melengkapkan kereta peronda ini cukup penting, terutamanya kemudahan sistem komputer *online* di dalam kereta polis. Saya mengambil contoh, apabila saya memandu di New York, dan kebetulan saya melakukan kesalahan iaitu *over speeding* dan ditahan. Oleh kerana di New York ini bila dia minta kita punya *driving license* Tuan Yang di-Pertua, di *New York Driving License* tak ada gambar, ia tak ada gambar sebenarnya. Jadi kawan saya, saya tak ada *driving license*, New York, kawan saya ada. Dia bagi *driving license* dia pada saya untuk ditunjukkan kepada polis, sebab saya yang memandu ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, polis ini kembali ke kereta perondanya dan rupa-rupanya di keretanya itu ada komputer *online* dan bila diperiksa, *driving license* itu pun *suspended* dan tak boleh digunakan. Sudahlah tak ada gambar, itu tak apa, mungkin saya selamat. Kalau tidak di *suspended* dengan izin, saya boleh selamat sebab dia tak perlu gambar, dia *online*. Maksudnya dia *sophisticated*, maka dia datang balik. Dia beritahu *driving license* ini *suspended*, maka kami terpaksa memandu kereta itu masuk ke satu kampung, pergi mahkamah walaupun hari Ahad, maka ditelefon hakim. Hari Ahad, maksudnya mahkamah itu tutup, cuti Tuan Yang di-Pertua ya. Dipanggil hakim, hakim datang dengan seluar *jeans* sahaja. Baca kesalahan, *guilty or not guilty*, dengan izin. Saya pun kata *guilty*, terus didenda sebanyak USD200, walaupun hari Ahad.

Puncanya Tuan Yang di-Pertua, ialah dari segi penguatkuasaan, mereka tidak memerlukan masa yang lama...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta mencelah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Kalaulah daripada cerita tadi, kalau di Malaysia kita panggil tuan hakim, agaknya tuan hakim itu akan datang atau tidak, kalau hari cuti? Kerana kita lihat kes doktor pakar yang *on duty*, bila ada kes, dia bagi panduan melalui telefon saja. Cuba Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad komen...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mesej saya tadi yang penting ialah mereka mempunyai sistem yang *sophisticated*. Maksudnya polis dari segi penguatkuasaan tidak memerlukan masa yang lama untuk mengambil tindakan, sebab dia mempunyai sistem *online* di kereta perondanya berbanding dengan kita. Saman, dia bagi saman, tetapi dua tahun belum tentu lagi orang itu bayar saman sebab sistem kita, penguatkuasaan kita.

Jadi, kalau sekiranya kita menggunakan sistem yang lebih canggih seperti mana yang digunakan di Amerika, itu berlaku pada tahun 1984. Sudah begitu lama sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dan dia mendatangkan hasil kepada kerajaan tempatan, sebab hasil itu pergi pada kerajaan tempatan. Sebab itu dia ada sistem *Sheriff*. Kerana tujuannya ialah denda itu adalah sebagai sumber pendapatan. Ini tujuan dia, tapi apa yang saya maksudkan di sini ialah bahawa polis sebenarnya apabila mereka bertugas dengan peralatan yang lebih baik dan lebih canggih, maka saya fikir kes-kes jenayah di negara kita ini, akan lebih cepat untuk diselesaikan.

Sebab itulah kita kecewa Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Nurin sebagai contohnya. Kes pembunuhan Nurin, penculikan dan pembunuhan Nurin. Bukan kita kecewa dengan polis dari segi untuk menyelesaikan kes ini, tetapi saya fikir mungkin satu daripada puncanya ialah kita tidak mempunyai sistem yang canggih sebenarnya. Sebab itu kadang-kadang kita melihat Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa CCTV ini adalah penting. Polis dan KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), saya yakin bahawa KPKT juga harus diberikan peruntukan tambahan yang besar untuk pemasangan CCTV di tempat-tempat yang kita rasakan agak sensitif, yang kita rasakan itu adalah kawasan merah sebenarnya.

Dalam kes Nurin baru-baru ini, walaupun ada video yang merakamkan gambar orang yang meletakkan mayat Nurin dalam beg sukan di kedai berkenaan, tetapi apa yang berlaku ialah, walaupun gambar tersebut dihantar ke FBI untuk dianalisis tapi FBI sendiri masih tidak dapat mengenal pasti nombor motosikal berkenaan. Sebab ini berpunca CCTV yang dipasang di tempat berkenaan adalah CCTV yang berkualiti rendah sebenarnya, CCTV yang lama. Sebab itulah barangkali di sini saya mengatakan bahawa KPKT selain daripada polis tadi, KPKT juga saya rasa perlu diberikan peruntukan supaya seluruh negara kita ini, tempat-tempat yang sensitif ini, tempat-tempat yang berbahaya, yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi dapat dipasang CCTV yang baik seperti mana yang ada di hotel-hotel sekarang ini.

Kalau hotel-hotel baru, kita lihat CCTVnya yang warna hitam bulat itu kalau dia tangkap gambar, kalau masuk dalam *YouTube* Tuan Yang di-Pertua, memang cukup terang. Sekarang ini orang rajin hantar gambar dalam *YouTube* yang diambil daripada CCTV, sebab CCTV yang moden sekarang ini dia lebih jelas. Sebab itu baru-baru ini kita dikejutkan dalam *YouTube* ada gambar penjawat awam melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dalam lif di pejabat di Putrajaya dimasukkan dalam *Youtube* dan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, memang banyak. Sebab itu saya nak nasihatkan kawan-kawan terutama waktu duduk di hotel sekarang ini, jangan cuba buat perkara-perkara yang berbahaya, sebab CCTV itu cukup canggih untuk tangkap gambar dan kita tidak ada jaminan bahawa pekerja-pekerja di hotel ini akan simpan gambar itu, apatah lagi kalau dia tahu itu adalah Yang Berhormat Senator sebenarnya.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar nak berkongsi pandangan dan menyokong pendapat Yang Berhormat Senator tadi, berhubung dengan keperluan CCTV di kawasan-kawasan yang jenayahnya tinggi. Sebagai contohnya, kita pergi ke Australia, di Australia ada satu bandar yang bernama Cabramatta iaitu tempat penempatan orang-orang Vietnam. Di pekan ini, kita pergi ke pekan di Australia ini, ia suburb kepada Sydney. Ia lebih kurang bandar Chinatown di mana, di kaki lima kedainya itu akan diletakkan barang-barang runcit, garam dan sebagainya, tempat dia orang berniaga. Bandar ini sebenarnya adalah bandar penempatan pelarian-pelarian Vietnam, dan orang-orang Australia sendiri pun mula lari daripada bandar ini kerana masalah kegiatan jenayahnya terlalu tinggi. Malah Ahli Parlimennya yang begitu aktif menentang ataupun berusaha untuk menghapuskan jenayah ini juga ditembak mati.

▪ 1720

Ekoran daripada itu, Kerajaan Australia telah menempatkan CCTV di serata tempat termasuklah di tempat *traffic lights* dan sebagainya. Hari ini saya rasa bandar ini adalah antara bandar yang selamat. Jadi dalam konteks hari inilah, jenayah semakin menjadi-jadi, saya bersetujulah peruntukkan tambahan diberi kepada pasukan polis untuk memberi peruntukkan supaya CCTV ini dapat di pasang di bandar-bandar khususnya di Kuala Lumpur kita yang menjadi tempat peras ugut, ragut dan sebagainya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa saya mengambil contoh kebanyakan restoran-restoran mamak 24-25 jam sekarang kebanyakan menggunakan CCTV yang canggih. Saya ada kawan buka restoran mamak, 25 jam dan dia kata setelah dia pasang CCTV barulah kes-kes kecurian udang galah, ikan-ikan pari yang besar, kepala ikan, tidak berlaku. Kalau tidak dia kata, yang bekerja itu Tuan Yang di-Pertua, dia masukkan udang galah ke dalam baju. Dia rugi sebab satu udang galah harganya mahal Tuan Yang di-Pertua. Ini cerita benar sebab saya makan di kedai dia, saya tengok ada CCTV. Satu di tempat kaunter lauk-pauk yang besar-besar, kepala ikan dan satu lagi kaunter bayaran.

Di kaunter lauk-pauk ini ada dua CCTV yang canggih yang digunakan. Jadi selepas itu dia tidak lagi mengalami kerugian yang teruk sebab dengan adanya CCTV ini. Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di negara kita ini, walaupun kita kata bahawa negara kita ini negara aman, tidak ada pengeboman dan sebagainya, tetapi CCTV ini penting dari segi kita hendak berhadapan dengan jenayah-jenayah yang semakin berleluasa. Sekarang ini kita cukup sedih kes-kes penculikan dan kes-kes pembunuhan kejam. Selalu sangat kalau kita tengok TV ada sahaja peristiwa orang yang dibunuh dengan kejam, yang mendukacitakan kita dan berlaku di tempat awam sebenarnya.

Jadi satu daripada punca barangkali, polis tidak dapat menyelesaikan kes ini dengan segera ialah tidak adanya CCTV. Sebab itulah saya fikir dalam keadaan ini kerajaan barangkali boleh mengadakan *smart partnership*, dengan izin, iaitu antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, polis dan juga premis-premis perniagaan ataupun pejabat-pejabat swasta dan sebagainya iaitu berkongsi untuk menyediakan peralatan CCTV yang canggih ini. Selain daripada usaha kita barangkali di jabatan-jabatan kerajaan supaya di pasang peralatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini juga bahawa kita mahu supaya apabila peralatan CCTV ini di pasang di jabatan-jabatan kerajaan, maka tidak berlakulah barangkali kakitangan kita dan sebagainya yang melakukan kerja-kerja yang boleh melibatkan soal-soal rasuah sebab semuanya dirakamkan oleh CCTV ini. Saya fikir ini adalah antara perkara yang harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyentuh sedikit tentang Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Di Johor baru-baru ini berlaku banjir besar selama dua kali ataupun yang disebut sebagai gelombang satu, gelombang dua. Dengan kata lain bahawa apabila berlaku banjir tersebut, maka mangsa-mangsa banjir terpaksa tinggal di pusat-pusat pemindahan banjir sebanyak dua kali dan boleh dikatakan dua kali mereka berpindah ini, mereka duduk di pusat pemindahan selama empat hingga lima hari untuk gelombang satu dan gelombang kedua 45 hari. Sebagainya, contohnya di tempat saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, di Senggarang, berlaku banjir besar gelombang dua kali ini menyebabkan Sekolah Kebangsaan Senggarang itu mangsa banjir apabila habis gelombang satu, mereka tak sempat balik datang gelombang dua.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada punca yang dibangkitkan selain daripada soal jumlah, *volume* hujan yang begitu banyak, besar yang tidak tertampung sebenarnya yang menyebabkan berlaku banjir ini, satu daripada puncanya ialah soal penyelenggaraan sungai-sungai yang ada di kawasan di mana berlakunya banjir-banjir besar seperti ini. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana baru-baru ini telah menyediakan satu peruntukkan untuk menyelenggarakan, mendalamkan balik sungai-sungai ini tetapi ini pun masih tidak mencukupi sebenarnya. Sebab itulah saya fikir bahawa satu daripada punca ialah sungai-sungai ini sudah lama tidak di selenggara atau pun diperparitan.

Sebagai contoh di Johor ini Tuan Yang di-Pertua, banyak parit sebab orang dulu dan saya rasa itulah kebijaksanaan orang dulu, bila mereka datang membuka sesuatu kampung, mereka membina parit sebab rupa-rupanya kawasan itu adalah kawasan banjir. Sebab itulah banyak sangat parit. Parit Permatang, Parit Simpan dan pelbagai nama parit lagi kerana rupa-rupanya orang dulu pun sebenarnya menghadapi banjir dan sebab itulah mereka membina parit. Parit yang mereka bina ini memanglah setelah berpuluh tahun tidak di selenggara, ia semakin ditumbuhi rumput rampai, tidak diperbesarkan dan sebagainya selain daripada sungai-sungai yang ada.

Apabila berlaku hujan lebat yang begitu banyak baru-baru ini, maka sudah tentulah parit-parit ini tidak dapat menampung sebab parit ini telah dibina berpuluh tahun yang lalu. Oleh sebab itulah jika sekiranya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mempunyai peruntukkan yang mencukupi maka saya yakin akan berlaku lagi banjir yang besar seperti mana yang berlaku sebelum ini. Apatah lagi sekarang ini, kita memang berhadapan dengan isu pemanasan global. Ini satu isu yang besar. Satu isu yang berpunca daripada kegelojohan manusia itu sendiri. Saya dua hari lepas bila tengok di berita TV3 tentang glasier yang semakin cair. Sebenarnya ada orang yang mungkin bila tidak ada keprihatinan, dia menganggap ini perkara kecil, tetapi ini adalah perkara besar sebab itu satu bukti pemanasan global sebenarnya akan membawa kesan perubahan cuaca dan sebagainya. Sebab itulah sekarang ini ribut tidak menentu datang. Boleh katakan hujan pun sudah tidak menentu. Setiap masa berlaku hujan.

Ini adalah kerana kurangnya kesedaran kita terhadap isu pemanasan global tetapi untuk menghadapi apa yang saya katakan tadi tentang banjir ini, maka kita harus menyelenggarakan, mendalamkan balik parit-parit yang dibina berpuluh tahun yang lalu dan juga mendalamkan sungai-sungai yang ada untuk mengalirkan air ini untuk mudah pergi ke laut. Jika tidak, saya yakin apabila berlaku lagi hujan lebat seperti mana yang kita rasa berlaku sebelum ini yang cukup luar biasa sebenarnya, maka setiap hari hujan, akan menyebabkan banjir berlaku.

Walaupun banyak teori yang dikeluarkan antaranya ialah ketidakmampuan empangan untuk menampung jumlah air tersebut tetapi jika sekiranya perparitan kita ini diselenggarakan dengan baik saya yakin..., di dalamkan, di selenggarakan, tetapi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh JPS, macam saya minta dalamkan sungai ini, maka jawapan yang diterima ialah tidak mencukupi dari segi peruntukkan sebenarnya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan di sini bahawa Johor menerima peruntukkan yang cukup besar kesan daripada banjir dan ini diambil peluang untuk menurap jalan-jalan kampung, di taman sebab KPKT sendiri sebenarnya diberi peruntukkan tambahan. Maka diambil peluang itu untuk menurap jalan-jalan di taman-taman perumahan. KPLB melalui pejabat daerah dan JKR menerima peruntukkan yang besar juga maka jalan-jalan kampung di turap dan memang menyelesaikan masalah kepada semua wakil rakyat yang ada dari segi menaik taraf jalan-jalan kampung ini akibat daripada banjir.

Namun Tuan Yang di-Pertua, yang kurang diberi tumpuan ialah dari segi mendalamkan sungai-sungai ini atau pun mendalamkan parit-parit sedia ada yang menyebabkan kita tidak dapat menampung jumlah hujan yang begitu besar. Saya yakin dengan keadaan fenomena sekarang ini yang tidak menentu akibat daripada pemanasan global, maka banjir boleh berlaku bila-bila masa. Sebab itulah baru-baru ini, saya amat bimbang Tuan Yang di-Pertua apabila seorang pengkaji mengatakan bahawa Bandar Batu Pahat ini tidak lama lagi akan tenggelam kerana pemanasan global. Kita pun terkejut sebab itulah sekarang ini membawa kesan buruk kepada sektor hartanah di Batu Pahat. Orang dah tak berani nak beli rumah di Bandar Batu Pahat. Di Kota Tinggi Tuan Yang di-Pertua, akibat banjir baru-baru ini banyak pemilik-pemilik rumah, rumah kedai yang tak dapat penyewa dah. Orang tak nak sewa, sewa harga RM200 pun orang tak nak sewa dah. Semua pindah sebab mereka tahu bahawa kalau berlaku lagi banjir seperti sebelum ini, maka Bandar Kota Tinggi itu akan tenggelam lagi sebab mereka tidak mampu untuk..., sistem perparitan dan juga sungai-sungai itu tidak diselenggarakan dengan baik.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa dah cukup. Yang Berhormat boleh sambung perbahasan pada pagi esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.